



**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT KEDUA**

---

---

---

Bil. 19

Khamis

13 Disember 2018

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN  
BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan  
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 32)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2019 (Halaman 32)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT KEDUA**  
**Khamis, 13 Disember 2018**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Nga Hock Cheh** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengkaji semula dan mengemas kini kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 di bawah Jadual Kedua Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh bertanya soalan tentang langkah-langkah yang diambil kerajaan untuk mengkaji semula dan mengemas kini kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya 1954 di bawah Jadual Kedua Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, SPR sedang dalam perancangan untuk meneliti semua kaedah-kaedah berkaitan petisyen pilihan raya terutamanya Jadual Kedua, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954. Ia adalah penting dalam memastikan pindaan terhadap peruntukan undang-undang tersebut adalah lebih menyeluruh.

Di samping itu SPR juga mengadakan kerjasama dengan Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihan Raya Malaysia ataupun di dalam peringkat ini *Electrol Reform Committee* (ERC) dari semasa ke semasa bagi meneliti dan memperhalusi cadangan tersebut. Sekian, terima kasih.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini ada berkaitan dengan soalan kesepuluh, jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tentang jumlah petisyen pilihan raya yang difaiklan sejak PRU Ke-10 sehingga PRU Ke-14 dan

mengikut jawapan yang diberi, jumlah kes adalah sebanyak 150 kes di mana hanya dua kes dibenarkan dan dari angka-angka yang diberi sebanyak 143 kes telah ditolak atas bantahan awam or *preliminary objection*.

Contoh kaedah yang saya timbulkan, seksyen 9 menyatakan pelantikan peguam bela oleh pempetisyen. Peguam bela, perkataan ini sudah dimasukkan di bawah seksyen 152 of *the Legal Profession Act*. *It was used under the Ordinance Peguam bela dan Peguam cara or Advocates and Solicitors Ordinance 1947 which has been substistuted by the Legal Profession Act 1976, Akta 166. So there is no such thing as advocate and this has been a ground for priminary objection which has succeeded in many cases that i happened to be in court and I heard it. So we hope that the kerajaan akan meneliti then update some of these peruntukan yang telah ketinggalan masa or outdated provision...*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat. Adakah rancangan untuk menggubal.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan telah diberi bahawa masa sekarang tidak ada rancangan untuk menggubal. Jawapan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Can I, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *The soalan tambahan yang saya ingin tanya ada berkaitan dengan bantahan awal. Kalau sesuatu petisyen ditolak atas bantahan awal, bolehkan responden dalam kes itu menyatakan bahawa dia telah divindicated oleh mahkamah dalam petisyen itu. Is it fair for the respondents to say that he has been vindicated by the court when the matter has not been heard or evidence is only on Preliminary Objection (PO) which has been succeeded. I like to hear from the Menteri.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada sahabat saya seorang peguam senior Tuan Nga Hock Cheh. Yang Berhormat, izinkan saya Tuan Yang di-Pertua menceritakan bahawa sebenarnya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri saya hendak tanya balik. So, soalan Yang Berhormat ini untuk perkara *election petisyen* ini mansuhkan PO.

**Tuan Nga Hock Cheh:** *That is tolak atas bantahan.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau Yang Berhormat sekarang cadang supaya ia dimansuhkan.

**Tuan Nga Hock Cheh:** Betul, ya. Bolehkah responden menyatakan atau mengumumkan beliau telah *divindicated or melepaskan* oleh mahkamah atas tuduhan-tuduhan salah laku dalam pilihan raya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak bolehlah Yang Berhormat, tetapi saya benarkan Yang Berhormat Menteri sajalah jawab.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak apa, tidak apa. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, memang undang-undang Pilihan Raya ini, Petisyen Pilihan Raya ini dia *very very strict* lah. Begitu, saya beritahu dengan Yang Berhormat saya ada pengalaman sikitlah buat petisyen pilihan raya ini.

#### ■1010

Bagi kita kalau dapat bicara, sudah kira menanglah itu sebab biasanya kes boleh dikatakan *90 percent* di tolak kerana bantahan awal ataupun Tuan Yang di-Pertua kata tadi PO, dalam bahasa Inggeris, *preliminary objection*. Oleh sebab undang-undang pilihan raya ini yang saya nampak mentaliti para hakim ini ialah seboleh-bolehnya mereka tidak mahu batalkan mana-mana pilihan raya ini sebab bagi mereka itu kehendak pengundi, jadi kita tidak mahu campur tangan, ini kebanyakannya mentaliti hakim-hakimlah.

Oleh sebab itu, kadang-kadang apabila yang- saya akui lah apa Yang Berhormat kata betul. Kadang-kadang bantahan yang dikemukakan juga bersifat terlalu teknikal dan kadang-kadang cara hakim mentafsirkan pun memang kita pun kadang-kadang tidak boleh faham.

Saya hendak bagi contoh, *rule 15*, Kaedah-kaedah Petisyen Pilihan Raya. *Rule 15* ini, kalau Yang Berhormat lihat sebelum pindaan pada tahun 2004, lagi teruk. Semasa kes yang melibatkan Yang Berhormat Bukit Bintang, kalau Yang Berhormat baca itu, tidak payah kita kata orang biasalah, *lawyer* hendak faham pun susah. Saya masih ingat pada ketika itu, ramai hakim yang kata pindalah, *the late Datuk Seri S. Augustine Paul* kata, kena pindalah, teruk sangat *rule 15* ini.

Apabila sudah dipinda pun masih teruk lagi, saya masih ingat, saya buat kes melibatkan DUN Sanglang *the only petition* yang PAS menang. Itu pun menang di Mahkamah Tinggi, pilihan raya tidak buat tetapi mahkamah minta supaya dijalankan semula pilihan raya. *We appeal*, kami merayu ke Mahkamah Persekutuan, mahkamah kata tidak payah *by-elections*, diisyiharkan menang. *Ground* dia satu sahaja, *ground* dia ialah SPR tersilap umum, sepatutnya calon PAS yang menang tetapi dia umumkan calon BN menang, itu sahaja. *In fact*, saya belum failkan *election petition*, saya telah failkan saman pemula untuk supaya dibetulkan

gazet sahaja, semasa itu keputusan belum digazetkan, minta dibetulkan warta sahaja. Ketika itu, mereka tidak mahu betulkan pun, semasa itu kerajaan lama lah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pasir Puteh?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Tidak. Yang Berhormat Pasir Puteh sebelum itu Tuan Yang di-Pertua. Semasa Yang Berhormat Pasir Puteh, saya kena pujilah, semasa itu PAS considered, PAS kata kita silap, kita benarkan BN menang tetapi apabila PAS menang, BN tidak mahu mengaku sebab masa itu ada kem, saya tahu lah apa yang berlaku kerana saya yang buat kes itu. Jadi, semasa *election* itu, mereka membuat bantahan awal. Peguam yang mengendalikan kes itu tidak pernah buat kes *election petition*.

Dia berhujah lebih kurang empat jam, dia quoted *all old cases*, kes-kes sebelum pindaan tahun 2015, saya berhujah lebih kurang setengah jam sahaja. Saya kata yang arif, semua kes-kes yang dia cited ini semua kes-kes sebelum pindaan, tidak relevan pun. Hakim kata apa? “Oh! Saya dengar sebab saya hendak belajar.” Dalam hati saya, kalau hendak belajar pergi *law of school* lah bukan di *court of law*. Dalam hati sayalah tetapi saya tidak cakaplah, masa itu kalau cakap nanti kena *contempt of court* pula [Ketawa] Akan tetapi saya hendak beritahu ketika itu betapa susahnya kita.

Selepas itu, apabila sudah dipinda untuk makluman Yang Berhormat, ada hakim yang mentafsirkan bahawa *election petition* mesti diserahkan oleh pempetisyen itu sendiri. Saya berhujah macam mana sekiranya, ketika itu saya pernah berhujah, saya kata macam mana sekiranya *petitioner* macam mendiang Karpal Singh guna *wheelchair*, tidak akan dia hendak pergi pakai kerusi roda, pergi serve, *it doesn't make sense*. Akan tetapi pada ketika itu, pernah satu petisyen ditolak kerana benda itu. Tafsiran ini kadang-kadang, tafsiran yang tidak munasabah, tetapi itu semua sejarahlah.

*Insya-Allah* selepas ini saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat, saya difahamkan Pengerusi SPR sekarang yang juga pernah menjadi peguam dan saya pernah buat kes dengan dia juga. Beliau mengatakan, beliau akan cuba pinda benda-benda teknikal inilah. Banyak kita akan pinda tetapi *take a time* juga lah. Jadi saya hendak beritahu Yang Berhormat kalau *election petition*, jangan buat seorang-seorang, kena ada *team*, even you're a senior lawyer, kalau you buat seorang-seorang pasti kalah, percayalah kepada saya. You must have a team. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Alan, silakan.

**Tuan Alan Ling Sie Kiong:** Selamat pagi kepada semua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pernah buat satu petisyen pilihan raya, di mana PO seperti yang disebutkan oleh rakan saya. Dia menetapkan dalam prosedur untuk membayar jaminan *cash petition* RM10,000 secara tunai ke kaunter mahkamah dan petisyen ini dia bayar secara cek, oleh itu kami menang secara teknikal. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk mengubah peraturan tersebut. Ini kerana sekarang ini kita e-bayaran menggunakan cek dan sebagainya untuk mengurangkan PO ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Alan yang juga saya difahamkan seorang peguam. Sebenarnya bukan sahaja isu itu Yang Berhormat. Apa Yang Berhormat katakan itu betul, saya setuju. Ini bermakna itu di antara perkara yang SPR sedang melihat dan ERC sedang melihat untuk mungkin ditambah baik.

Jadi benda-benda ini bagi kami ialah sepatutnya walaupun- dari satu segi kami faham bahawa mahkamah seharusnya *slow* daripada segi hendak campur tangan kehendak pengundi. Akan tetapi pada masa yang sama kita juga hendak supaya mahkamah juga memberikan keadilan. Jikalau betul, kes-kes yang melibatkan memang betul perlu dibicarakan, jadi kita minta supaya mahkamah juga bersikap tidak begitu *rigid* lah dari segi menolak *especially* kerana alasan-alasan yang remeh.

Jadi, ini semua sebenarnya mungkin memerlukan masa Yang Berhormat. Akan tetapi bagaimanapun Yang Berhormat, jangan takutlah kerana kita sedang bergerak ke arah untuk memastikan selepas ini sebarang petisyen yang difailkan kemungkinan akan mendapatkan lebih baiklah dari dahulu. Sebagai contoh, sekarang ini kita lihat sudah dua petisyen telah dibenarkan. Bukan saya kata saya setuju atau tidak setuju tetapi saya katakan lebih mudah untuk mahkamah memutuskan, memberikan kemenangan kepada pihak yang memfailkan petisyen.

Jikalau dahulu, kita tidak terfikir pun boleh menang, sekarang sudah ada dua kes. Kes yang melibatkan Yang Berhormat Tasek Gelugor, walaupun kalah tetapi apabila pergi ke Mahkamah Persekutuan telah di *reverse* keputusan itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu berkenaan dengan PO?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Ya. Sebab untuk makluman Yang Berhormat, dahulu semasa zaman-zaman saya buat petisyen dahulu, tiada rayuan Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada rayuan langsung, kalau kita kalah, kalahlah dekat situ. Sekarang sudah ada rayuan,

Mahkamah Persekutuan. Mahkamah kena dengar dalam masa enam bulan, banyak telah diperbaiki tetapi kita akan perbaiki lagi, banyak lagi perlu diperbaiki lagi. Sekian, terima kasih.

**2. Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty** minta Menteri Pendidikan menyatakan, apakah usaha dalam memberikan pendidikan formal kepada anak-anak keluarga gelandangan di Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia menubuhkan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) sebagai satu inisiatif terhadap keperluan menyediakan akses pendidikan kepada kanak-kanak gelandangan warganegara di sekitar Kuala Lumpur. Mereka merupakan salah satu daripada kumpulan kanak-kanak yang berbeza keadaan dan keperluan berbanding murid arus perdana di negara ini.

Hasil usaha KPM dengan kerjasama beberapa badan bukan kerajaan (NGO), mengujudkan program *outreach*, dengan izin, yang dilaksanakan di sekitar Kuala Lumpur meliputi Chow Kit, Bukit Bintang, Brickfields dan kekerapan paling tinggi adalah di sekitar Kampung Baharu. Program *outreach* dilaksanakan melalui pendekatan berbentuk temu ramah dan ramah mesra bagi menarik minat dan menyedarkan tentang kepentingan bersekolah.

Program *outreach* ini melibatkan pengetua, guru dan NGO yang aktif sejak tahun 2013 sehingga kini. Program ini dilaksanakan setiap tiga bulan atau mengikut kesesuaian waktu. Impak Program *outreach* ini dapat dilihat melalui peningkatan *enrollment* murid SJK iaitu daripada seramai 43 orang pada awal penubuhan iaitu 19 Ogos 2013 kepada 158 orang pada Oktober 2018. Bilangan ini telah melebihi kapasiti sebenar iaitu 150 orang murid sahaja. Hal ini turut membantu KPM mengurangkan kadar kecinciran dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia. Sekian jawapan saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua, kalau jelaskan relevan saya sekadar hendak tahu jumlah pelajar-pelajar di sekolah gelandangan ini dari segi komposisi ras atau kaum, siapa yang lebih ramai dan siapa yang paling kurang? Terima kasih.

■1020

**Tuan Yang di-Pertua:** Pecahan kaum Yang Berhormat Menteri... *[Disampuk]* Jika ada. Setakat ini, dari komposisi kaum sebenarnya hanya dua orang adalah kaum Cina dan yang lain semua adalah kaum Melayu ataupun warga negara yang tanpa warga negara, itu pertama.

Daripada segi umur, pada tahun 2018 kita memang ada murid-murid, pelajar-pelajar yang mula dari umur 5 tahun sehingga 17 tahun. Had umur untuk sekolah ini adalah dari 4 tahun sehingga lah 19 tahun. Akan tetapi oleh sebab sebenarnya bilangan pelajar murid di sekolah ini iaitu sebanyak 158 orang, telah melebihi kapasiti kita. Kapasiti kita adalah sebenarnya 150 orang. Akan tetapi sudah melebihi kapasiti kita. Akan tetapi kalau kita nyata merujuk kepada kelayakan untuk masuk ke sekolah ini, kita memang terbuka kepada semua kaum, tanpa kerakyatan kita pun terima.

Akan tetapi setakat ini yang datang ke sekolah ini dua kaum Cina, yang lain adalah kaum Melayu. Dulunya pernah ada daripada kaum India. Akan tetapi sekarang sudah tidak ada. Ada juga yang tanpa kerakyatan. Sekian, jawapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Dato' Isa bin Ab. Hamid.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian membuat satu pengisian TVET ataupun program kerjaya kepada pelajar-pelajar di Sekolah Jalinan Kasih? Oleh sebab kita perlu melihat pengisian masa hadapan dan kesinambungan untuk gelandangan ini hidup di arus perdana. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Ada dua jenis. Pertamanya, dalam modul teras yang diajar di sekolah ini kerana dalam sekolah ini kita tidak ajar kesemua mata pelajaran yang akan diajar di sekolah arus perdana oleh sebab situasi yang berbeza sedikit. Jadi, antara 11- bukan 11, sorry. Sebanyak sembilan mata pelajaran subjek teras yang kita ajar memang mempunyai pendidikan asas vokasional.

Jadi, pertama. Selain daripada itu, sebenarnya ada empat kemahiran yang kita utamakan dalam sekolah ini iaitu makanan, masakan, jahitan, seni dan muzik. Kenapa kita pilih keempat-empat kemahiran ini adalah kerana kita mengambil kira situasi sebenarnya di Chow Kit untuk memudahkan budak-budak ini selepas sekolah mereka ada kemahiran ini untuk dapat pekerjaan.

Jadi oleh sebab itu, kita utamakan kemahiran seperti masakan, jahitan dan juga seni dan muzik supaya ini akan memberi mereka peluang yang lebih besar untuk dapat pekerjaan. Akan tetapi seperti yang kita semua tahu, kalau mereka yang mendapat satu pekerjaan yang tetap, terutamanya untuk golongan-golongan yang tanpa kerakyatan ini memang agak susah.

Oleh kerana kalau menjadi seorang pekerja yang formal memang perlulah dokumen untuk pengenalan diri. Akan tetapi kita utamakan keempat-empat kemahiran ini dan harap bahawa pelajar-pelajar selepas sekolah, mereka dapat pekerjaan sekurang-kurangnya di persekitaran Chow Kit. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah.

**Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. / hendak balik kepada soalan asal berkenaan dengan *formal education*. Soalan saya berasas kepada EFA polisi. Kementerian Pendidikan telah *adopt education for all policy*. Berdasar kepada *Dakar Framework 2000*, dan juga *Millennium Development Goals*, di mana masa kita *adopt* polisi itu, di mana *by the year 2015* semua *children* sekurang-kurangnya kena pergi ke *primary education, minimum by the year 2015*. So, soalan saya fasal kita kena *adopt* polisi itu. Kita telah *adopt Dakar Framework 2000* dan juga kita telah *adopt Millennium Development Goals 2 and 3*. / hendak tahu betapa seriusnya *problem* kanak-kanak yang masih- *that means the number of children* atau dari segi *extent or figures* susah hendak dapat? Akan tetapi *the extent of seriousness* kanak-kanak yang tidak pergi ke sekolah, terutamanya / dengar masalah ini banyak di *East Malaysia*. Berapa seriusnya *problem* ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Puan Teo Nie Ching:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. KPN terutamanya selepas Pakatan Harapan, kita menjadi kerajaan. Kita memang ambil serius tentang komitmen kita untuk *education for all*, dengan izin.

Oleh sebab itu, kita mempermudah prosedur untuk kanak-kanak tanpa kerakyatan ini untuk masuk ke sekolah. Saya rasa soalan ini boleh dijawab dari 2 segi. Pertama, dari segi undang-undang. Sebenarnya untuk sekolah rendah kita telah wajibkan pendidikan. Pendidikan sekolah rendah adalah diwajibkan. Jadi, ibu bapa ataupun penjaga yang tidak hantar anak itu pergi ke sekolah sebenarnya adalah satu kesalahan dan mereka boleh didakwa, boleh dibawa ke mahkamah.

Jadi, daripada segi golongan Malaysia saya rasa isu keciciran tidak besar. Akan tetapi selain daripada itu, apabila kita sebut *bahawa education for all*, memang kita bukan sahaja terhad kepada mereka yang merupakan warga Malaysia. Mereka juga ada banyak yang mereka bukan warga negara. Akan tetapi adalah oleh sebab kesilapan ibu bapa mereka yang

tidak daftar perkahwinan mereka oleh sebab isteri atau ibu kanak-kanak itu bukan warga Malaysia.

Kedua, terutamanya di Sabah Sarawak. Oleh sebab mereka duduk di kawasan pedalaman, jadi ibu bapa itu tidak ambil inisiatif untuk daftarkan kelahiran anak-anak itu. Untuk menjaga golongan ini, polisi kita adalah sangat *straight forward*. Kita hendak mempermudah kemasukan mereka dalam sekolah kita. Jadi, pada tahun hadapan untuk sesi persekolahan 2019, dengan menunjukkan sijil lahir yang di mana salah satu ibu bapa adalah warga Malaysia. Biasanya adalah ayah, kerana kalau ibu adalah seorang warga Malaysia, kebanyakan masa anak itu memang merupakan warga Malaysia.

Jadi, sijil lahir yang tunjukkan bahawa salah seorang ibu bapa adalah warga Malaysia. Mereka boleh masuk sekolah. Kedua, kalau anak itu bukan anak kandung tetapi adalah anak angkat, tunjuklah perintah daripada mahkamah ataupun surat akuan daripada JKM, kami pun terima. Oleh kerana kita perlu dokumen untuk membuktikan bahawa anak itu memang berhubungan dengan warga Malaysia. Ketiga, kalau dua-dua ini pun tidak dapat. Kita juga terima surat pengesahan daripada ketua kampung ataupun daripada wakil rakyat.

Akan tetapi ada satu syarat iaitu kita hendak selepas dua tahun, kita perlu ibu bapa itu ataupun penjaga itu tunjuk dokumen ataupun tunjuk proses di mana mereka sudah usaha untuk mendapatkan kerakyatan ataupun dokumen pengenalan diri untuk *update* KPM. Kita letakkan kriteria ini bukan untuk hendak menyusahkan kanak-kanak ataupun menyusahkan ibu bapa. Akan tetapi kerana kita rasa walaupun Kementerian Pendidikan Malaysia sedia untuk membekalkan pendidikan kepada golongan ini tetapi apabila mereka habis pelajaran, kalau mereka masih tidak dapat apa-apa dokumen, mereka akan menghadapi banyak kesulitan di masyarakat untuk dapat kerja dan lain-lainnya.

Jadi sebab itu, walaupun kita setakat ini sudi, setuju untuk terima surat pengesahan daripada ketua kampung daripada wakil rakyat tetapi dokumen itu tidak ada *legal implication* ataupun tidak terima secara dokumen rasmi oleh masyarakat kita. Jadi, kita hendak pastikan bahawa dalam tempoh masa dua tahun, kita wajibkan ibu bapa untuk tunjuk apa usaha anda untuk dapatkan dokumen pengenalan diri. Tidak semestinya sudah dapat kerakyatan kerana itu adalah bidang kuasa Kementerian Dalam negeri. KPM tidak boleh campur tangan.

Akan tetapi sekurang-kurangnya perlu tunjuk apa usaha ibu bapa untuk dapat itu dokumen pengenalan diri. Selepas dua tahun, kita akan benarkan golongan ini untuk sambung belajar di sekolah kita. Jadi, ini memang menunjuk komitmen KPM untuk memberi *education*

*for all*, dengan izin, dan kita harap bahawa ibu bapa, wakil rakyat, Yang Berhormat juga boleh bantu kita.

Untuk memastikan bahawa sebagai ibu bapa, kita ada tanggungjawab. Kita ada peranan sendiri yang kita perlu buat untuk memastikan golongan budak-budak ini, mereka tidak akan menghadapi begitu banyak kesulitan dalam kehidupan mereka. Sekian jawapan saya, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Boleh mencelah? Boleh tanya soalan Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tiga orang sudah, cukup lah Yang Berhormat. Fasal Datuk Mustapa pun hendak tanya tadi. Tiada soalan tambahan. Dia dah bagi lebih sudah tiga orang. Tidak apa lah Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah bahas?

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Belum lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti bahas lah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, silakan.

### ■1030

3. **Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, apakah usaha pihak kementerian dalam menyediakan pelan pembangunan khususnya menyediakan rumah kos rendah (PPR) dan apakah jaminan kerajaan supaya tidak wujud kronisme dalam kalangan PBT atau pihak yang tidak bertanggungjawab agar pengagihan secara adil dapat diberikan khususnya kepada penduduk luar bandar seperti di negeri Sabah dan Sarawak.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrain Shah bin Raja Ahmad]:** Assalamualaikum dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sangat peka terhadap isu penyediaan rumah kediaman kepada rakyat termasuklah kepada warga Sabah dan Sarawak. Justeru, antara pelan perancangan kerajaan adalah melalui manifesto Kerajaan Pakatan Harapan iaitu untuk menyediakan satu juta rumah mampu milik dalam tempoh 10 tahun.

Kerajaan Persekutuan melalui KP KT sedang mengadakan kerjasama dengan agensi Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta bagi menggerakkan industri pembinaan perumahan yang seterusnya dapat memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi negara.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) dilaksanakan berdasarkan keperluan dan permintaan daripada golongan sasar yang berkelayakan. Justeru sekiranya keperluan PPR bagi golongan yang berkelayakan di sesuatu kawasan itu tinggi, maka KPKT akan bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi meneliti syor dan cadangan tapak pembangunan PPR yang bersesuaian bagi menampung permintaan PPR di kawasan-kawasan yang tersebut.

Namun begitu, pelaksanaan pembangunan PPR adalah tertakluk kepada peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dengan memberikan keutamaan kepada lokasi-lokasi yang mempunyai bilangan setinggan serta permohonan rumah bagi golongan B40 yang tinggi seterusnya dapat memberi impak dan nilai untuk wang atau *value for money* kepada masyarakat.

Bagi mengelakkan kronisme dan juga memastikan pengagihan secara adil dalam permohonan rumah PPR, KPKT telah menyelaras semua permohonan melalui Sistem Pengurusan Perumahan Negara (SPRN) dengan kerjasama kerajaan negeri dan permohonan ini akan melalui beberapa peringkat semakan seperti semakan silang dengan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan semakan borang Sistem Rujukan Maklumat Kredit Pusat (CCRIS) bagi memastikan hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja ditawarkan unit PPR.

Untuk maklumat Yang Berhormat juga, selepas tapisan di peringkat sistem, senarai nama pemohon yang berjaya akan dipaparkan di pejabat SUK negeri, pejabat PBT dan PPR yang berkaitan untuk tempoh dua minggu bagi tujuan memaklumkan kepada khalayak umum tempatan untuk menilai dan membuat bantahan sekiranya senarai nama yang dicalonkan adalah tidak layak. Ini adalah tempoh bantahan.

Seterusnya, pihak KPKT juga melaksanakan pemantauan berkala terhadap pemilihan peserta unit PPR di samping sesi *engagement* yang dilakukan dengan semua pemegang taruh seperti pemohon, kerajaan negeri dan pihak berkuasa PBT agar segala aduan dan cadangan penambahbaikan dapat didengari dan dilaksanakan untuk kebaikan semua pihak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya selalu- kita dalam isu PPRT ini contohnya di Sabah kita sering kali dimaklumkan berlakunya kebakaran, musibah dan juga mereka ini akan kehilangan tempat berteduh tanpa mendapat apa-apa bentuk pampasan. Adakah pihak kementerian

bercadang untuk menyediakan perlindungan insurans mungkin secara berkelompok kepada pemilik rumah PPRT ini?

Soalan saya yang kedua, melalui pembentangan Belanjawan 2019 baru-baru ini, sebanyak RM1 bilion dana peruntukan diperuntukkan bagi membina rumah pertama bagi golongan yang berpendapatan rendah tidak melebihi daripada RM2,300.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapakah jumlah rumah pertama yang akan dibina bagi membantu mereka, golongan berpendapatan rendah yang tinggal jauh di kawasan pedalaman khususnya di negeri Sabah ini. Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. PPRT Sabah tentang kebakaran ya? Saya rasa kebakaran ini, pihak kementerian memang ada skim untuk memberi perlindungan sementara di dalam waktu-waktu yang telah ditetapkan tadi tetapi skim ini juga akan disemak daripada semasa ke semasa dan lihat kepada keperluan tempat yang berlakunya kebakaran tersebut. Jika adanya rumah-rumah yang boleh diduduki untuk sementara, *insya-Allah* perkara ini akan diusahakan sebagai satu langkah yang bersegera untuk menampung keperluan dan daripada segi insuransnya, ia akan makan sedikit masa. Itulah jadi jaminan dan keprihatinan kami...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang ada skim insurans tak?

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Saya rasa saya perlu menyelidik isu ini kerana ini adalah lebih spesifik ya, insurans yang tempatan. Ini kerana sekarang ini kita juga baru luluskan Skim Dasar Perumahan Negara baharu yang akan dilancarkan dalam beberapa minggu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ini saya akan beri jawapan yang lebih spesifik pada waktu yang tertentu tetapi langkah-langkah untuk *immediate* adalah untuk menampung di tempat-tempat skim yang berdekatan, yang praktikal bagi mengatasi masalah tersebut.

Soalan kedua juga tentang peruntukan RM1 bilion adalah lebih spesifik, tentang berapa bilangannya. Saya perlulah memberi jawapan secara bertulis untuk memberi pecahan atau *break down* yang khusus untuk Sabah. Kawasan mana yang dihajatkan, saya akan bagi pecahan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Disebabkan di dalam Wilayah Persekutuan pun banyak rumah PPR, jadi saya perlu tanya sedikit kepada Yang Berhormat Menteri. Antara isu yang menjadi masalah dalam perumahan

PPR ini adalah kerana segelintir penyewa dalam rumah PPR mengaut keuntungan dengan menyewakan rumah kepada warga asing.

Pada bulan Jun yang lalu, Yang Berhormat Menteri telah memberi tempoh selama tiga bulan kepada pemilik rumah Projek Perumahan Rakyat untuk mengosongkan rumah mereka yang disewakan kepada warga asing. Sekiranya gagal mengosongkan premis berkenaan dalam tempoh tersebut, tindakan pengusiran terhadap penyewa warga asing itu akan dikuatkuasakan dan pemilik bakal berdepan dengan penalti dan hak pemilikan rumah ditarik balik.

Jadi soalan saya, apakah langkah yang diambil oleh pihak kementerian bagi memerangi mereka yang mengambil kesempatan terhadap kemudahan yang telah diberikan oleh kerajaan dengan menyewakan semula rumah PPR mereka kepada warga asing dan berapakah jumlah rumah PPR yang telah diambil alih semula akibat melanggar perjanjian ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Terima kasih atas soalan tersebut. Memanglah ya masalah penyewaan rumah-rumah PPR ini kepada warga asing menjadi satu masalah yang dihadapi dan banyak rungutan dan juga kompelin telah diterima. Isu ini sebenarnya telah *has been covered*, dengan izin, melalui peraturan-peraturan yang sedia ada tetapi masalahnya adalah daripada segi penguatkuasaan iaitu *supervision* dan ini terpulanglah kepada pihak berkuasa tempatan untuk mengadakan lebih banyak siasatan berkala.

Bagaimanapun, penalti tersebut betullah seperti apa yang dinyatakan tadi termasuklah menarik balik unit-unit tersebut daripada mereka yang menyalahgunakan kemudahan yang diberi dan mereka akan disenaraihitamkan daripada permohonan yang selanjutnya. Ini merupakan satu daripada langkah-langkah untuk orang kata *deterrent*, dengan izin, untuk memastikan tidak berulang isu ini kerana PPR ini adalah satu komoditi yang amat diperlukan dan di dalam perhatian pihak kerajaan sebagai *priority*. Jadi kalau ada ketirisan dengan diberi begitu banyak sewanya kepada warga asing, ini akan menggagalkan usaha kerajaan yang begitu orang kata bersepakut selama ini.

#### ■1040

Setakat ini, semua kerajaan negeri telah sahkan bahawa tiada PPR yang disewakan kepada warga asing. Apa yang kita dapat secara jawapan rasmi.

Walau bagaimanapun, kita masih memberi satu perhatian yang khusus yang kita buat ialah siasatan dengan SUK negeri dan juga pantau supaya tidak ada *sub let* bukan hanya

kepada warga asing tetapi sesama rakyat Malaysia juga kerana kita tidak ingin *wastage of education of resources* kepada mereka yang betul-betul memerlukan.

Apa-apa kompelin atau tidak puas hati tentang isu ini, silalah kemukakan kepada pihak berkenaan supaya kami boleh mengambil tindakan yang lebih khusus kepada mana-mana kawasan yang dihajatkan. Itulah sahaja yang saya dapat berikan jawapan setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan soalan tersebut menyebut kronisme dalam kalangan PBT. Jadi soalan saya kepada negeri yang kelainan kerajaan. Contoh negeri Terengganu, apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk melantik ahli majlis sama ada ahli majlis bandaran, ahli majlis daerah dan juga ahli majlis bandar raya daripada lantikan Pusat.

Oleh sebab apa yang saya difahamkan, di negeri Terengganu tidak ada lantikan daripada pusat. Semua lantikan ahli majlis adalah dari kalangan kerajaan negeri. Jadi soalan saya, apakah kerajaan tidak bercadang untuk melantik lantikan daripada pusat kepada negeri-negeri yang ditadbir oleh kelainan kerajaan. Terima kasih. Saya tak nak sebut kerajaan pembangkang.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ya saya rasa ini adalah. Terima kasih.

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Soalan tambahan. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa soalan di sini iaitu yang pertama, berapa peratus kah penghuni-penghuni PPR khususnya di Kuala Lumpur adalah pemilik rumah tersebut?

Kedua, apakah usaha kementerian untuk membantu penghuni-penghuni yang menyewa memiliki rumah tersebut?

Ketiga, apakah tindakan kementerian terhadap penyewa yang menyewa rumah tersebut kepada orang lain? Terima kasih.

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Soalan kedua tadi boleh ulang?

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Apakah usaha kementerian untuk membantu penghuni-penghuni yang menyewa memiliki rumah tersebut. Mereka menyewa dan...

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad:** Ya, seperti yang saya sebutkan tadi, sesiapa yang menyewa atau *sub let* ini merupakan satu kesalahan dan ini adalah akan terbuka kepada tindakan daripada kerajaan tempatan baik mereka diberi surat tunjuk sebab

atau tidak dibenarkan memiliki apa-apa unit di bawah skim tersebut dan juga akan disenaraihitamkan.

Tentang tindakan menyewa ini, saya rasa ini pun terikat kepada perjanjian asal di mana ini adalah khusus untuk mereka yang didaftar sebagai pembeli secara sah. Ini telah terang dinyatakan di dalam perjanjian dan inilah kita berpegang kepada peraturan tersebut.

Tentang peratus PPR yang telah diwujudkan sekarang, saya perlulah merujuk dan memberi jawapan bertulis kerana ini adalah satu angka yang lebih spesifik perlu saya dapat angkanya. Sekian.

**4. Datuk Razali bin Idris** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) pecahan bajet mengurus dan operasi bagi ATM di setiap perkhidmatan dari peruntukan belanjawan 7.1 bilion; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang untuk mendapat pesawat pemantau (*reconnaissance aircraft*) TUDM bagi melakukan operasi pemantauan kedaulatan negara dengan lebih berkesan di Laut China Selatan.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Tuan Liew Chin Tong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Razali bin Idris. Bajet keseluruhan dasar sedia ada tahun 2019 bagi pengurusan dan operasi di setiap perkhidmatan di bawah Angkatan Tentera Malaysia adalah sebanyak RM8.57 bilion. Ini tidak termasuk latihan dan logistik. Apa yang saya akan sebut hanya untuk pengurusan dan ops. Pecahan bagi bajet mengurus dan operasi di setiap perkhidmatan ATM adalah seperti berikut:

- (i) bajet pengurusan bantuan bersama di bawah markas ATM adalah RM996 juta;
- (ii) bajet operasi bantuan bersama di bawah markas ATM adalah RM209 juta;
- (iii) bajet pengurusan perkhidmatan Tentera Darat Malaysia adalah RM4.65 bilion;
- (iv) bajet operasi perkhidmatan Tentera Darat Malaysia adalah RM66 juta;
- (v) bajet pengurusan perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) adalah RM998 juta;
- (vi) bajet operasi perkhidmatan TLDM adalah RM183 juta;

- (vii) bajet pengurusan perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) adalah RM1.3 bilion; dan
- (viii) bajet operasi perkhidmatan TUDM adalah RM161 juta.

Bagi cadangan perolehan pesawat bagi melakukan operasi pemantauan di Laut China Selatan, pada masa ini operasi pemantauan di kawasan berkenaan dilaksanakan oleh pesawat TUDM dari jenis Beechcraft B200T. TUDM telah menggariskan perancangan penggantian platform baru kepada pesawat rondaan maritim, *Maritime Patrol Aircraft* berspektrum penuh.

Keperluan ini dikategorikan sebagai amat kritikal seiring dengan perkembangan geo strategik serantau dan kepentingan ekonomi negara. TUDM juga turut menggariskan keperluan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) yang akan digandingkan bersama pengoperasian pesawat rondaan maritim bagi pemantauan dan pengawasan kawasan tanggungjawab maritim negara secara lebih efisien dan efektif. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi saya telah melihat bahawa bajet-bajet Kementerian Pertahanan sebelum ini adalah agak lebih besar berbanding pada kali ini. Malah, bajet untuk perbelanjaan mengurus sahaja pada masa-masa yang lepas yang meliputi perbelanjaan bagi emolumen perkhidmatan bekalan, aset, bayaran-bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan yang lain anggarannya adalah melebihi RM11 bilion dan perbelanjaan pembangunan beranggaran melebihi RM3 bilion.

Secara umumnya, keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan Kementerian Pertahanan hampir RM15 bilion. Jadi di sini kita dapat melihat perbelanjaan bajet baru-baru ini dikurangkan melebihi 60 peratus berbanding dengan bajet sebelum.

Jadi soalan tambahan saya sama ada peruntukan bajet bagi Kementerian Pertahanan selari dengan visi kerajaan agar tentera ini dalam kesiap siagaan. Maka soalan saya, adakah bajet terdahulu yang lebih besar sekadar mempermudah untuk menyamun, merompak dan mencuri harta rakyat. Itu soalan daripada 4A. Ada dua.

Satu lagi soalan 4B. Serius sedikitlah pasal tentera. Soalan saya yang kedua. Saya mengambil maklum bahawa pendekatan kerajaan dalam situasi Laut China Selatan adalah mengambil langkah untuk mengurangkan ketegangan dengan cara tidak meletakkan terlalu banyak aset-aset di kawasan tersebut melainkan untuk menjalankan operasi pemantauan daripada semasa ke semasa.

Jadi, soalan tambahan saya adakah terdapat keutamaan pembelian pesawat pemantauan yang baru oleh pihak kementerian dan apakah sebenarnya isu pertikaian yang sedang berlaku dengan Singapura sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

**Tuan Liew Chin Tong:** Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Datuk Razali. Saya rasa hari ini ramai hadir di Dewan, mungkin saya beri maklumat tentang peruntukan untuk kementerian dan ini akan membantu rakan-rakan Yang Berhormat Senator dalam perbahasan bajet nanti kerana ada perubahan sedikit. Saya telah menjawab di Dewan Rakyat, Menteri pun sudah menjawab di Dewan Rakyat.

Peruntukan asal dalam buku bajet untuk tahun 2019 ialah Belanja Mengurus atau OE Kementerian Pertahanan diperuntukkan sejumlah RM10.72 bilion seperti apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali iaitu OE dan peruntukan belanja pembangunan asal ialah RM3.64 bilion. Dari segi belanjawan pembangunan memang ada peningkatan dari RM3.29 bilion tahun 2018 kepada RM3.64 bilion. Akan tetapi dari segi pengurusan memang ada kurang.

Akan tetapi pada 19 November dalam sidang Dewan Rakyat, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah memaklumkan Dewan Rakyat bahawa Kementerian Pertahanan diperuntukkan RM1.4 bilion lagi oleh Kementerian Kewangan dan menjadikan jumlah keseluruhan baru ialah RM15.34 bilion untuk tahun 2019. Ini tidak ada dalam buku bajet tetapi telah diputuskan oleh Kementerian Kewangan dengan Kementerian Pertahanan. So, jumlah keseluruhan baru ialah RM15.34 bilion untuk Kementerian Pertahanan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bajet tambahan?

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya, bajet tambahan RM1.4 bilion. Peruntukan keseluruhan untuk tahun 2018 ialah RM15.49 bilion. Itu bermakna pada tahun 2019 ada pengurangan sebanyak satu peratus. Jadi saya minta kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Senator nanti semasa perbahasan, tidak perlu sebut tentang pengurangan yang ketara kerana sebenarnya pengurangan satu peratus untuk tahun 2019 yang saya kira tidak banyaklah, itu keadaan. Walaupun ada isu-isu jangka panjang, isu-isu kos penyelenggaraan dan semua ini, itu isu jangka panjang tetapi untuk peruntukan bajet memang tidak kurang banyak.

Untuk isu Laut China Selatan, memang dasar kerajaan ialah Laut China Selatan tidak harus menjadi satu medan persaingan kuasa-kuasa besar dan Laut China Selatan haruslah menjadi satu tempat di mana kita bekerjasama di antara negara-negara. Isu negara Singapura

itu di bawah Kementerian Luar Negeri dan bukan di bawah bidang Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian belakang. Silakan Yang Berhormat Laksamana.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bersalaman dengan Vladimir Putin, Presiden Rusia. Kita difahamkan Tun M, Perdana Menteri kita telah berunding berhubung dengan bantuan pembaikan pesawat MiG-29 dan juga Sukhoi.

Jadi dengan peruntukan yang berbilion-bilion ringgit itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sejauh manakah tindakan-tindakan atau langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertahanan bagi memastikan pembaikan pesawat-pesawat ini boleh dilakukan dalam peruntukan tahun hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Liew Chin Tong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Rancangan untuk memperbaiki Sukhoi.

**Tuan Liew Chin Tong:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. MiG-29, kerajaan dulu sejak beberapa tahun dahulu sudah membuat keputusan untuk *decommission* MiG-29 dan keputusan tersebut buat masa ini masih kekal untuk *decommission* MiG-29 dalam jangka panjang dan pembaikan Sukhoi sedang diuruskan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi kalau tak bangun saya tidak jemput.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu nak minta kebenaran boleh sebab saya terharu hari ini untuk soalan Kementerian Luar Negeri, Menteri dan juga Timbalan hadir. Beri tepukan sikit Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]*

5. **Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, mengenai langkah terbaru yang dibuat untuk memastikan keamanan dan kestabilan rantau ASEAN dan apakah langkah yang yg dibuat oleh Kerajaan untuk memperkasakan lagi peranan Malaysia di ASEAN.

**Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat sahabat lama Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

Pentadbiran Pakatan Harapan akan terus mendukung dengan dasar sedia ada berhubung dengan ASEAN dan segala kepentingan keamanan dan keselamatan wilayah ini. Kami dalam peringkat akhir untuk menyiapkan kerangka dasar luar Malaysia baharu, bukan dasar luar baharu. kerangka dasar luar Malaysia baharu. Satu daripada komponennya ialah tentang haluan dasar luar di mana kita mengekalkan prinsip-prinsip dasar luar termasuk apa yang telah diamalkan selama ini tetapi juga ada sedikit pembaharuan di sana sini dan mungkin itu akan di imbau dalam jawapan saya kepada soalan Yang Berhormat.

Seperti saya katakan tadi, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang khusus kepada segala isu yang dibincangkan dalam platform ASEAN. Ini termasuklah keselamatan perairan di Laut China Selatan dan Selat Melaka dan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama dalam setiap tindakan yang diambil. Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi dalam perkara-perkara yang boleh menjelaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan tiga perkara. Pertama ialah tentang Laut China Selatan. Sebagaimana kita sedia maklum untuk sekian lamanya kita telah mempunyai suatu *tools*, suatu alat atau suatu dokumen yang dipersetujui antara ASEAN dan China. Dokumen yang dikenali sebagai Deklarasi Tata Laku di Laut China Selatan atau, dengan izin, *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea* (DOC) dan kita berusaha untuk memastikan ia dilaksanakan secara penuh dan berkesan.

Akan tetapi sekarang kita sudah pergi ke satu tahap lagi untuk memperkuatkannya. Kita sudah pun mempunyai suatu, dengan izin, *single tax*, dokumen baru yang dipanggil Kod Tatalaku atau, dengan izin, *Code of Conduct* (COC) di Laut China Selatan. Kita akan mula merundingkannya pada awal tahun depan dan dalam masa tiga tahun kita berharap kita akan memastikan ia dilaksanakan secara penuh dan berkesan juga. Ada dua elemen penting yang sentiasa kita dan negara-negara anggota ASEAN junjung iaitu, dengan izin, *non militarization* dan keduanya *self-restrained*. Kedua-dua ini bagi mengelakkan konflik di rantau ini.

Kita tahu ada kehadiran kapal-kapal perang dan sebagainya tetapi kita sentiasa berpegang kepada undang-undang, misalnya *United Nations Convention on the Laws of the Sea*, UNCLOS 1982 bahawa kita benarkan *free passage*, dengan izin, dan *free over flight*, dengan izin, tetapi mereka tak boleh berhenti ataupun *harbor* secara tetap di sesuatu tempat di Laut China Selatan.

**▪ 1100**

Ini ada kena-mengena dengan apa yang kita selalu sebut tetapi sekarang mungkin sudah dilupakan sesetengah orang, *Zon of Piece, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN). Kedua ialah jenayah-jenayah rentas sempadan. Ini misalnya pemerdagangan manusia, dadah dan *terrorism* dan khusus untuk *terrorism*, Malaysia sudah wujud mempunyai sebuah institusi yang khusus yakni *Southeast-Asia Regional Centre for Counter Terrorism* (SEARCCT) salah satu organisasi di bawah Kementerian Luar Negeri dan sudah pun menjalankan beberapa kerja yang saya fikir penting dan *significant* tetapi mulai tahun depan kita akan melebarkan lagi kerja-kerja SEARCCT ke peringkat ASEAN dan mungkin beberapa usaha sama yang melihat kerjasama di antara ASEAN dan EU dan wilayah yang lain kerana soal *terrorism* ini sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum dia sudah jadi suatu masalah global yang besar.

Ketiga, tentulah tentang Rohingya. Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap isu Rohingya ini ada tiga perkara yang utama. Pertama ialah kita mendukung seruan sebahagian komuniti antarabangsa untuk membawa penjenayah-penjenayah yang terlibat dengan *genocide* di *Myanmar* ini ke pengadilan antarabangsa.

Kedua kita komited untuk membantu malah meningkatkan lagi bantuan kemanusiaan dan ada dua bentuk bantuan kemanusiaan yang kita laksanakan selama ini dan kita akan teruskan.

Pertama ialah kita mempunyai hospital di *Cox's Bazaar* di Bangladesh dan ini di bawah Menteri Pertahanan. Tuan Yang di-Pertua, kami main *passing-passing-lah you know*. Jadi kalau hendak tanya, tanya Menteri Pertahanan. Tadi dia suruh tanya Menteri Luar, siapa suruh mula *[Ketawa]*

Akan tetapi saya pujiyah Kementerian Pertahanan dan dengan bantuan negara-negara lain juga menjalankan tugas. Saya fikir bendera Malaysia begitu megahlah sebagai negara yang memberi tumpuan bantuan kemanusiaan yang begitu berkesan sekali di *Cox's Bazaar*. Ini kena tepuklah untuk Kementerian Luar... *[Tepuk]* Walaupun dia tidak tepuk untuk saya, Tuan Yang di-Pertua *[Ketawa]* Kita hendak meningkatkan bantuan kemanusiaan untuk pelarian Rohingya yang sedia ada di Malaysia.

Akan tetapi perkara yang ketiga, yang ini baru. Kita telah ada persetujuan di kalangan Menteri-Menteri Luar ASEAN dan ini terutamanya diketuai oleh Malaysia dan Indonesia untuk memastikan repatriasi berlaku. Ada lebih 700,000 ada angka kata lebih 800,000 mungkin 1,000,000 pelarian Rohingya di Bangladesh sahaja dan ada usaha untuk membawa mereka

balik ke tempat asal mereka tetapi tanyalah mana-mana pelarian Rohingya siapa pun tidak percaya kepada Kerajaan Myanmar yang mereka akan balik secara selamat dan bermaruah. Dia tiga perkataan yang selalu digunakan ialah kepulangan mereka mestilah secara sukarela, selamat dan bermaruah. Kalau sudah dia tahu dia tidak selamat dan tidak akan ada maruahnya kerana tidak selamat, tidak mungkin Tuan Yang di-Pertua, dia akan *volunteer*.

Oleh sebab itu cadangan asal untuk proses pertama repatriasi pada bulan November yang lalu gagal. Tidak ada siapa yang ingin balik. Satu daripada cara untuk memastikan orang-orang Rohingya ini yakin untuk balik ialah kalau ada jaminan keselamatan dan ini peranan yang cuba ASEAN mainkan iaitu kita hendak memberi mandat kepada ASEAN *Humanitarian Centre* (AHA) supaya menjalankan tugas secara fizikal berada di dalam Myanmar untuk menjadi overseer, dengan izin, apabila pelarian ini pulang dan mereka harus berada di sana dengan jumlah yang ramai dengan masa yang agak lama. Itu mungkin kaedah yang boleh meyakinkan mereka untuk pulang dan ini antara usaha yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia bersama-sama dengan negara anggota yang lain. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Pertama sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengalu-alukan kedatangan Persatuan India Belia Malaysia ke Dewan Negara... [Tepuk] Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini terutama dari kita sebagai *ASEAN Community*.

Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ucapan terima kasih di atas susunan soalan, soalan 4 dan 5 mempunyai kaitan dan kebetulan kita ada Menteri yang berkaitan dan terima kasih satu susunan yang cantik.

Soalan lanjutan saya ialah Yang Berhormat Menteri, ramai yang melihat isu kestabilan dan keamanan daripada pelbagai sisi terutama daripada segi pertahanan dan kebudayaan. Akan tetapi seperti Yang Berhormat Menteri maklum, ia melibatkan 640 juta lebih warga ASEAN, warga minoriti.

Saya mahu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai aspek keamanan dan kestabilan ini apa pendekatan baru kerana saya percaya Malaysia mempunyai peluang untuk menawarkan apa-apa sahaja agenda baru kerana kitalah antara negara yang berjaya menyusun keharmonian warga pelbagai Malaysia yang saya rasa di rantau ini yang *special* disebabkan ciptaan Allah SWT.

Soalan saya ialah apakah pendekatan untuk menyantuni apa yang Yang Berhormat Menteri cakap tadi bahawa maruah warga ASEAN itu. Tadi kita bercakap sebagai orang Rohingya, dia takut hendak balik, dia tahu dia tidak akan diadili secara manusawi. Pada

konteks yang sama Yang Berhormat Menteri, saya dalam bentuk cadangan dan dalam bentuk penjelasan saya rasa Malaysia mempunyai kekuatan untuk mengubah muafakat ASEAN ini menjadi suatu muafakat yang demokratik dan manusiawi dengan memulakan antara lainnya mohon penjelasan bahawa urusan pekerja asing ataupun warga datang ke Malaysia atas nama *refugee*, atas nama pekerja asing diangkat kepada satu tahap yang lebih adil dan manusiawi.

Apa yang saya maksudkan ialah mereka ini bukan pendatang asing, mereka ini bukan *refugee*, mereka ini ialah tetangga kita dan Dasar Luar Malaysia mengamalkan dasar yang *independent* tetapi menjaga tetangga yang baik saya rasa perlu diangkat. Kalau kita panggil mereka ini pekerja tamu paradigmnya lain. Kalau kita panggil mereka tempat bekerja bukan rumah kongsi, pekerja rumah pekerja tamu dia datang bangun Malaysia. Jadi soalan saya Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat ini begitu luaslah.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tidak, pendek sahaja warga ASEAN [*Ketawa*] Jadi maksud saya Yang Berhormat Menteri mohon penjelasan adakah kita masih lagi pasca piagam ASEAN ini yang kita sebenarnya bermula di Kuala Lumpur walaupun diratifikasi di *Singapore* telah betul-betul memastikan hampir kalau tidak semua 640 warga ASEAN ini sekurang-kurangnya pemahaman mereka di 2007 itu sekarang 2018 ini telah meningkat kerana saya kurang melihat diskusi-diskusi ini di Parlimen apatah lagi di Parlimen Malaysia.

Saya ingin sedikit bercakap di pihak Dewan Senat rakan-rakan saya mohon kalau kami boleh memainkan peranan untuk membantu Kementerian Luar dalam mengangkat agenda komuniti ASEAN. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan Yang Berhormat supaya soalan itu jangan berbelit-belit sangat. Tuhulah *mai* dari Balik Pulau [*Ketawa*] Sahabat, saya hendak ucap tahniah juga dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana selalu menulis tentang Dasar Luar Malaysia yang terbaru ialah tulisan Yang Berhormat, *ASEAN Gives Malaysia International Significants* pada 4 Disember dalam *South China Morning Post*, dan saya harap ramai lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang juga akan menulis yang sedemikian rupa.

Peranan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat ini sebenarnya memang sangat kami alu-alukan. Sebelum ini di Dewan Rakyat saya telah mencadangkan dua perkara sebab satu daripada komponen dalam kerangka dasar luar kita ialah meningkatkan partisipasi rakyat dalam proses membuat keputusan termasuk dalam dasar luar.

**■1110**

Kita mencadangkan kalau Parlimen ada *Select Committee on Foreign Affairs*, dengan izin, dan kalaupun itu tidak ada, mungkin *caucus Ahli-ahli Parlimen* tentang dasar luar. Tentu Yang Berhormat dan Ahli Yang Berhormat yang lain boleh memainkan peranan. Ada dua bahagian yang saya dapat lihat daripada soalan Yang Berhormat tadi. Satu ialah soal 640 juta warga ASEAN. Memang tidak semua merasa mereka adalah warga ASEAN. Ini adalah kerana dalam hal-hal tertentu, walaupun ASEAN sudah 50 tahun, kita sebenarnya masih berada dalam satu pertembungan antara, dengan izin, *regionalism versus nationalism*.

Dalam banyak hal, kita belum jadi macam EU. Kita masih rasa kita adalah negara secara individu dan jarang sebenarnya kita bicara tentang kita sebagai warga ASEAN. Inilah juga sebabnya *public diplomacy*, dengan izin, akan menjadi antara perkara yang kami akan titik beratkan dan kita pergi sampai ke universiti. Kita berdialog dengan mahasiswa, kita berdialog dengan pimpinan-pimpinan anak muda dan sebagainya.

Berkaitan muafakat ASEAN, Yang Berhormat sebutkan dan juga tulis dalam artikel Yang Berhormat, ini saya fikir perkara yang Malaysia boleh mainkan peranan moral ataupun kepimpinan moral, dengan izin, *moral leadership*. Apalagi dengan Perdana Menteri sekarang, Tun Dr. Mahathir yang begitu dihormati oleh pimpinan ASEAN yang lain. Soal kesepaduan ASEAN, soal ASEAN *centrality* itu mesti betul-betul dihayati oleh semua dan soal maruah warga ASEAN, soal pekerja asing dan sebagainya, ini melibatkan perubahan pandangan dasar luar ataupun *world view* dengan izin.

Misalnya kalau kita melihat laut dan ini saya meminjam dari Dr. Siddiq Fadzil. Kalau kita melihat laut sebagai pemisah, maka kita akan melihat warga asing itu sebagai asing. Akan tetapi kalau kita lihat laut sebagai penyatu, lain cara kita mengalu-alukan kehadiran mereka dan sebagainya.

Saya mencadangkan bahawa Yang Berhormat dengan minat Yang Berhormat, kita ada satu institusi ASEAN yang baru sahaja digerakkan dan perlu digerakkan dengan lebih aktif iaitu *The ASEAN Institute for Peace and Reconciliation* (AIPR) yang berpusat di Sekretariat ASEAN. Di sini terdapat ruang yang luas untuk membicarakan soal-soal seperti keamanan, soal kemanusiaan atau manusawi, maruah dan sebagainya. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kerana nampaknya Kerajaan Pakatan Harapan begitu *concern* sekali dengan soal keamanan dan keselamatan di rantau ASEAN ini. Akan tetapi Yang Berhormat, kita masih ada lagi satu

keamanan yang sekarang ini nampak goncang sedikit iaitu keamanan ekonomi di mana *US and China trade war* sekarang yang berlangsung dan kita tengok *very critical* dengan penangkapan Meng Wanzhou, anak kepada tuan punya *Huawei* baru-baru ini di Kanada dan disokong oleh Amerika dan diambil peduli pula oleh Donald Trump. Ini menyebabkan *trade volume* kita akan berkurangan.

Jadi soalan saya, apakah peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat selaku Menteri Luar Negeri dalam menangani masalah-masalah ke hadapan ini sekiranya *US and China trade war* ini menjadi begitu kritikal. Apakah peranan Malaysia di dalam ASEAN? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih. Saya cuba untuk mengelak dengan mengatakan bahawa ini di bawah bidang kuasa MITI.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, MITI.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Akan tetapi ada kaitan dengan kerangka dasar luar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jikalau ada peranan, Yang Berhormat Menteri .

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Ada ya sebab *economic diplomacy* adalah satu daripada strategi utama kerangka baru dasar luar dan dalam konteks ini dengan ringkas kalau diizinkan, saya nak sebut tiga perkara.

Pertama ialah soal 640 juta rakyat ataupun warga ASEAN. Kita belum benar-benar menjadikan jumlah itu sebagai *the ASEAN market-* pasaran ASEAN. Kita belum benar-benar menggunakan itu sebagai satu peluang dan dalam konteks perang perdagangan antara Amerika dan China, sebenarnya kita ada peluang itu kerana kita dengar kemungkinan-kemungkinan berlaku ialah ada pelabur di China ataupun yang sedang melabur di China mencari tempat baru dan ada pelabur misalnya baru-baru ini lawatan Qatar Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan mereka begitu berminat mencari pasaran baru dan mereka melihat pasaran ASEAN.

Kedua ialah kita perlu tingkatkan perdagangan intra-ASEAN. Kita sudah ada dagangan yang baik sesama negara anggota ASEAN tetapi pada kadar 20 peratus hingga 25 peratus. Itu adalah sangat kecil. Kita harus tingkatkan kepada angka yang lebih wajar.

Akhir sekali ialah dan ini sedang dipelopori. Sebenarnya ketiga-tiga ini sedang dipelopori oleh Tun Dr. Mahathir selaku Perdana Menteri dalam perbincangan-perbincangan peringkat ASEAN termasuk di *ASEAN Summit* yang lalu iaitu menjadikan ASEAN ini sebagai wilayah pengeluar. Pengeluar barang dan bukannya pengeluar bahan mentah. Kita memang sedia dan sudah lama menjadi pengeluar bahan mentah tetapi untuk tahap yang

berikutnya ialah menjadi pengeluar barangan sama ada dalam bentuk *manufacture* dengan sebagainya. Jadi itu *economic diplomacy* yang memang ada kaitan dengan kerja MITI.

Dalam kerangka kami juga Tuan Yang di-Pertua ialah Dewan yang mulia ini akan menyaksikan Kementerian Luar Negeri dan MITI akan bekerjasama lebih erat tetapi Kementerian Pertahanan, janganlah *jealous* pula. Kementerian Pertahanan pun kami bekerja erat tetapi untuk *economic diplomacy*, MITI dan Kementerian Luar Negeri akan bekerjasama dengan lebih erat daripada masa-masa yang lalu. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Banyak ini. Yang Berhormat, kita dalam masa perbahasan. Oleh kerana kita izinkan banyak soalan tambahan, masa pun sudah nak habis. Kita baru tidak sampai soalan enam pun.

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak pindah soalan saya tadi. Sikit sahaja. Soalan pendek. Saya nak pindah soalan saya berkenaan dengan isu krisis Malaysia dengan Singapore. Tidak jawab. Jadi Yang Berhormat Menteri Pertahanan kata Yang Berhormat Menteri di belakang nak jawab. So, sekarang saya nak minta Yang Berhormat Menteri di belakang jawablah. Itu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya mohonlah kerana ini adalah isu yang penting. Saya beri Yang Berhormat Menteri menjawab kepada soalan Yang Berhormat Datuk Razali.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang ini. Kita dengan Singapura mempunyai hubungan bilateral yang sangat baik. Walau bagaimanapun, ada satu dua isu yang melibatkan perundingan-perundingan yang dilakukan dengan cara yang lazimnya tidaklah didekah sangat apa rundingan yang dilakukan tetapi apabila ada keputusan, maka ia didekah kepada khalayak.

Perkara yang sudah kita selesaikan ialah misalnya tentang HSR. Itu kita sudah selesaikan. Sekarang kita sedang mula berunding tentang perjanjian air. Peguam Negara Malaysia dan Peguam Negara Singapura telah bertemu sekali dan akan meneruskan pertemuan.

## ■1120

Terbaru ialah isu *maritime* dan isu ruang udara. Isu maritim melibatkan apabila Kementerian Pengangkutan membuat pengumuman untuk kita melanjutkan atau *extend port line*, dengan izin, saya tidak berani hendak terjemahkan dalam Bahasa Melayu- *port line*. *Port line* untuk Pelabuhan Johor Baru itu ialah berdasarkan kepada peta Malaysia tahun 1979. Jadi,

bila kita *extend port line*, *port line* kita itu sampai ke sempadan *Singapore* punya Pelabuhan Tuas, Pelabuhan Tuas punya *port line* yang mereka isytihar pada tahun 1997. Apabila kita buat begitu pada bulan Oktober, pada kira-kira seminggu atau dua minggu yang lepas, Singapura pula *extend dia punya port line* sehingga ke sempadan kita punya *map* yang 1979. Oleh yang demikian, sudah tidak ada *international waters*, dengan izin, antara kedua-dua garisan itu.

Apabila ini berlaku, maka secara logiknya kedua-dua negara menghantarlah bot-bot kawalan pantai masing-masing di antara kedua-dua itu di kawasan yang terlibat itu. Kawasan itu lebih kurang 10 hingga 12 kilometer sahaja tetapi memang kawasan itu sempit dan kecil. Sekarang ini rundingan kita ialah yang pertama, kita hendak, dengan izin, *de-escalate* keadaan. Oleh kerana itu, ada persetujuan antara kedua-dua negara bahawa aset yang ada yakni bot-bot kawalan itu kita pastikan kalaupun masih ada tetapi mestilah dipastikan ia tidak agresif, kalau saya boleh, dengan izin.

Bagi kita, kita pastikan aset kita ada di situ *minimal and with non-aggressive posture*, kehadirannya minimum dan dengan keadaan yang tidak agresif. Rundingan akan di adakan pada awal tahun depan, sudah ada persetujuan antara kedua-dua Kementerian Luar dan juga persefahaman antara Peguam Negara kita dengan Peguam Negara Singapura.

Jadi, keadaan itu kita harap tidak akan *escalate*, dengan izin. Kedua, ini tentang *air space*- tentang ruang udara. Ruang udara ini ada dua isu.

Pertama ialah isu yang lama sejak tahun 1974. Oleh kerana kita menandatangani satu perjanjian di mana Malaysia menyerahkan pengurusan ruang udara tertentu di kawasan dekat dengan Johor dan juga di sebelah Laut China Selatan itu kepada Singapura.

Ini dilakukan oleh Malaysia pada masa itu kerana kita tiada keupayaan untuk menguruskan ruang udara itu kerana kekurangan sumber, kekurangan kepakaran dan sebagainya. Akan tetapi mutakhir ini kita ada sumbernya dan kita ada kepakarannya dan kita sudah sejak pentadbiran yang lalu meminta untuk dirunding semula perjanjian ini. Akan tetapi Singapura tidak bersetuju dan kita masih berusaha untuk mengadakan perjanjian.

Namun, yang jadi isu sekarang ialah isu yang terbaru. Apabila pada 1 Disember yang lepas, Singapura mengumumkan ILS yakni kaedah *landing* di Lapangan Terbang Seletar. Lapangan Terbang Seletar ini ialah seperti kita dulu LCCT, yakni untuk kapal terbang kecil. Kalau dari Malaysia yang utama ialah *Firefly* tetapi *Firefly* tahu tentang isu ini dan kerana itu buat masa ini *Firefly* tidak mahu *landing* dan kerana itu tidak meneruskan perkhidmatan atas kefahaman mereka tentang kepentingan negara.

Mengapa kita tidak bersetuju dengan pengumuman unilateral yang dilakukan oleh Singapura ialah kerana untuk *landing* di Seletar yang hanya lebih kurang 2 kilometer daripada Johor Bahru atau dari Pasir Gudang kalau lebih khususnya. Untuk turun di situ, untuk *landing* Tuan Yang di-Pertua, ada dua, tiga laluan yang boleh dilalui.

Akan tetapi apabila Singapura kata kena lalu ikut Pasir Gudang, ini bermakna semua kapal terbang kecil yang akan *landing* di situ, tidak kira ia dari Malaysia atau dari Singapura atau dari negara lain, ia akan melalui udara kita. Jadi, pada kita ini soal kedaulatan dan juga syarat yang diletakkan oleh Singapura itu menyebabkan kapal terbang untuk *landing* di Seletar, ia akan lalu di Pasir Gudang pada suatu yang sangat rendah. Ini bermakna kalau ini diteruskan, Pasir Gudang susah hendak maju, Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh hendak buat bangunan tinggi dan sebagainya.

Jadi, atas dua alasan itu kita tidak bersetuju dan ini juga akan dirundingkan sekali lagi dengan pihak Singapura. Jadi, ada banyak rundingan yang harus kita lakukan sebagai menjaga kedaulatan negara dan kepentingan rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias.

**6. Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang memberi kuasa mendakwa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk kes-kes berkaitan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias. Bertanyakan soalan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, soalan yang agak kerap juga dibangkitkan iaitu sama ada kerajaan bercadang memberi kuasa mendakwa kepada SPM untuk kes berkaitan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini sebenarnya tidak ada keputusan. Yang Berhormat mungkin boleh merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, yang telah menghafal dan membaca semua peruntukan SPRM semalam [*Ketawa*] Tidak lah, saya hendak katakan boleh merujuk beliau untuk mendapatkan nasihat. Dalam seksyen 5(6), Akta SPRM 2009, ia menyatakan Ketua Pesuruhjaya SPRM boleh diberi kuasa oleh Pendakwa Raya untuk menjadi Timbalan Pendakwa Raya.

Akan tetapi dengan kebenaran Pendakwa Raya iaitu Peguam Negara. Jadi, kalau kat situ kita hendak kembangkan, seolah-olah macam ada kuasa mendakwalah. Akan tetapi

hakikatnya yang saya difahamkan, sehingga kini memang kuasa pendakwa itu tidak diberikan kepada SPRM. Ia ada rasionalnya kenapa tidak diberikan, untuk makluman Yang Berhormat. Ini sebab dalam kes perbicaraan jenayah ini, seboleh-bolehnya kalau kita dakwa kes rasuah ini kita hendak pastikan dapat *conviction*, dapat sabitan.

*Investigation* ini ataupun penyiasatan ini adalah satu aspek yang penting dalam memastikan bahawa pendakwaan ini berjaya atau tidak. Dalam satu kes di India iaitu kes ‘*State of Bihar vs P P Sharma*’, saya quote apa yang dikatakan oleh hakim dalam kes itu.

Dia kata, “*Ethical conduct is absolutely essential for investigative professionalism*”. Maknanya, dalam menyiasat ini mesti ada etika. Jadi, kalau kita melibatkan pendakwa juga dalam menyiasat dan juga boleh mendakwa, ia sebenarnya mengakibatkan kes itu kalau dibicarakan mungkin akan membahayakan kedudukan kes pendakwa. Oleh sebab kalau mana-mana peguam pun, dia akan *attack* ataupun serang siasatan itu. Oleh sebab ada elemen dipanggil *perception of biased* ataupun *conflict of interest* ataupun *legally flawed*. Banyaklah kita boleh gunakan.

Jadi, sebab itulah kita berpendapat bahawa seharusnya agensi-agensi yang menguatkuasakan undang-undang ini seperti polis ke, MACC ataupun SPRM ini, ia seharusnya menyiasat, menyiasat sahaja. Biar ia siasat secara *independent* dan pendakwa itu diberikan kepada satu agensi lain. Ini supaya sebarang elemen-elemen yang boleh mengakibatkan pendakwaan itu gagal dapat dijauhi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada soalan tambahan? Saya ingat sudah jelas sudah. Ada?

**Datuk Hj. Bashir bin Hj. Alias:** Tiada soalan tambahan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat, soalan akhir Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin.

■1130

**Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor 7.

7. **Dato' Fahariyah binti Hj Md Nordin** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, adakah kementerian akan menjajarkan semula Pelan Gentian Optik di luar bandar agar akses perkhidmatan jalur lebar luar bandar mencapai sekurang-kurangnya 30Mbps dan sejauh manakah pematuhan syarikat penyedia perkhidmatan mematuhi pengurangan harga sehingga 25 peratus seiring dengan ketetapan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP).

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:**  
*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, jajaran semula Pelan Gentian Optik di luar bandar sedang dikaji dengan merangka draf Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau, dengan izin, *National Fiberisation and Connectivity Plan* (NFCP) dengan mengambil kira tahap kesediaan prasarana komunikasi termasuk gentian optik dan perkhidmatan *cellular*.

Antara sasaran yang ditetapkan di bawah NFCP adalah 98 peratus kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat purata kelajuan jalur lebar sehingga 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian. Kawasan liputan termasuklah kawasan-kawasan di luar bandar. Bagi membolehkan pencapaian sasaran tersebut, syarikat telekomunikasi perlu membina lebih banyak prasarana baru di kawasan luar bandar seperti rangkaian gentian optik, tiang-tiang menara komunikasi dan sebagainya.

Keupayaan pelaksanaan ini juga memerlukan kerjasama semua pihak yang berkepentingan termasuklah pemilik tanah, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Ia melibatkan perancangan teratur di peringkat kampung, daerah dan negeri bagi memastikan liputan perkhidmatan jalur lebar dapat diberikan kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Pada masa ini di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi sebanyak 528 ibu sawat sedang dinaiktarafkan di seluruh negara dijangka akan siap secara berperingkat pada tahun 2019.

Selain itu, kerajaan turut memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman di bawah inisiatif perluasan liputan jalur lebar mudah alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada iaitu sebanyak 1,799 menara komunikasi baru telah siap dibina dan diaktifkan dengan perkhidmatan 2G atau 3G. Manakala 266 menara sedang dalam peringkat pelaksanaan di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar.

Selain itu, sebanyak 4,896 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan jalur lebar mudah alih 3G dan 4G, manakala 667 menara komunikasi sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di seluruh negara. Di samping itu, Projek Jalur Lebar untuk Orang Ramai (BBGP) turut dilaksanakan untuk memperluaskan jaringan rangkaian

gentian optik supaya dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Sehingga ini sepanjang 2,874 kilometer gentian optik telah dinaiktarafkan di seluruh negara oleh kerajaan.

Dalam usaha memastikan syarikat penyedia perkhidmatan mengurangkan harga sehingga 25 peratus seiring ketetapan, dengan izin, *Standard Mandatory* mengenai harga capaian MSAP, kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mendapat kerjasama sepenuhnya daripada syarikat-syarikat telekomunikasi berhubung inisiatif tersebut. Hasilnya melalui pengumuman oleh kementerian pada 7 Oktober 2018 mengenai pelaksanaan tawaran pakej susulan, empat syarikat telekomunikasi yang utama iaitu Telekom Malaysia, *Maxis*, *Time* dan *Celcom* telah menurunkan harga lebih daripada 30 peratus dan telah meningkatkan kelajuan perkhidmatan jalur lebar.

Dalam kes tertentu, didapati melalui perkhidmatan Telekom Malaysia yang telah meningkatkan kelajuan sehingga 10 kali ganda, malah buat kali pertama pihak *Time* juga berkeupayaan menawarkan pakej permulaan gigabait pada harga RM199 sebulan.

Namun begitu, susulan daripada penguatkuasaan ini juga sekiranya syarikat telekomunikasi tidak memberikan kelajuan seperti yang dijanjikan, SKMM boleh mengambil tindakan di bawah *Standard Mandatory*, dengan izin, mengenai mutu perkhidmatan capaian jalur lebar tetap dan kerajaan mengambil tindakan serius memantau pelaksanaan inisiatif ini agar ianya dapat memberikan perkhidmatan konsisten kepada pilihan langganan yang meluas kepada semua pengguna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Nasihat saya kepada kementerian supaya ringkaskan jawapan. Adalah baik memberitahu kepada Dewan yang mulia ini berkenaan dengan dasar kementerian. Akan tetapi kita ini tidak ada masa. Kalau boleh ringkaskan, kita boleh bagi- dan bila kita sudah jawab yang panjang lebar, soalan tambahan yang dikemukakan pun tidak ada. Ada soalan tambahan Yang Berhormat?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Baik Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Fahariyah Binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertama, tadi Yang Berhormat Menteri ada menjawab tentang pengurangan harga 25 peratus melalui MSEP. Soalan saya adakah MSEP ini hanya terpakai kepada pengguna yang baru ataupun bagaimana dengan pengguna-pengguna yang sedia ada kontrak?

Soalan saya yang seterusnya ialah berkenaan dengan pendekatan kerajaan. Oleh sebab kita tahu bahawa untuk menggantikan penyediaan infrastruktur gentian optik ini

memerlukan kos yang sangat tinggi. Malahan, untuk meningkatkan kalau melalui pendekatan jalur lebar *cellular* pun, daripada 3G ke 4G, *will takes billion*, maknanya dengan kos yang banyak. Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah pendekatan dari peringkat kerajaan ataupun gesaan untuk menggunakan- apakah pendekatan teknologi jalur lebar *cellular* melalui spektrum 700MHz yang kini digunakan oleh sistem penyiar analog yang bakal dimanfaatkan sepenuhnya.

Sejauh manakah proses bidaan yang dibuat oleh syarikat penyedia mudah alih dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkeupayaan tinggi (LTE) dan juga 5G yang akan bermula tahun depan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh secara ringkas Yang Berhormat. Akan tetapi soalan dia pun panjang-panjang.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya pun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Soalan itu agak panjang tetapi yang ringkas tadi berkenaan terpakai kepada keseluruhan pengguna. Ini yang disebutkan sebab kesannya tiga impak yang paling penting dalam pelaksanaan MSEB ini.

Pertama, penurunan harga. So, yang mana dapat kita lihat penurunan harga ini pada kadar 34 peratus ke 55 peratus dan kelajuan tiga kali ganda ke 10 kali ganda. Jumlah pelanggan juga sudah meningkat di antara lapan peratus ke 10 peratus ke 19 peratus mengikut penawaran perkhidmatan oleh syarikat-syarikat *telco* yang ada.

Berkenaan- memang kerajaan berkenaan dengan soalan yang ditanya tadi bertujuan supaya spektrum 700MHz akan digunakan. Ini untuk *mobile broadband* selepas dengan izin *analogue switch off*. Ini sasaran yang dibuat pada tahun depan. Baik, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan selesai.

Dari hari ini kita akan- saya tidak akan menggunakan perkataan, “Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan itu selesai.” Saya akan mengatakan “aturan” sahajalah. Terima kasih. Aturan.

**[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.38 pg.**

**Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih Yang di-Pertua.

Mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan 2019, D.R 21/2018 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 17 Disember 2018”.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019****Bacaan Kali Yang Kedua**

*Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah bahawa, “Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [12 Disember 2018]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbahas pada hari ini adalah 15 minit. Oleh kerana kita ada 22 Ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas pada hari yang terakhir. Terima kasih.

■1140

11.40 pg.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih. Saya mohon maaf.

Sepatutnya Yang Berhormat Rahimah dan juga sahabat saya Yang Berhormat Laksamana, tetapi saya terpaksa minta kebenaran untuk keluar kerana bekas KSN, Allahyarham Tun Abdullah Ayub, baru meninggal dunia, dan saya akan menghadiri majlis pengebumian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Tuan Yang di-Pertua, berbanyak-banyak terima kasih saya ucapan kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap di pagi yang mulia ini, berhujah dan berucap berkaitan dengan Bajet 2019.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tema “*Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera*”, saya ingin merakamkan penghargaan atas komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat secara total dan saksama bertepatan dengan semangat Malaysia baharu yang lebih inklusif.

Kalau kita melihat tema ini, di mana tema ini merupakan asas di dalam perjuangan Kerajaan PH untuk membawa negara kita ke arah yang lebih baik di hari muka, merupakan satu tema yang cukup dalam maknanya. Kalau kita ingin melihat pembaharuan, ingin melihat bahawa kerajaan baharu ini lebih baik bahkan seribu kali lebih baik daripada kerajaan yang lama, semua pemimpin dalam kerajaan bukan sahaja sewajarnya memahami, bukan sahaja menghayati, tetapi secara total mengikut, mengimplementasinya tanpa persoalan.

Iaitu kalau kita ingin melihat Malaysia wibawa, ingin melihat bahawa ekonomi kita akan terus dinamik dan seterusnya rakyat akan sejahtera, permohonan saya, pemimpin-pemimpin pada hari ini tolonglah tukar sedikit sikap dan budaya lama. Ini kerana negara kita ini adalah negara Malaysia.

Saya bercakap demikian, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya adakala merasa begitu kesian kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir. Saya cukup kesian.

Untuk membawa negara kita ke arah yang kita idam-idamkan dalam suasana politik dan ekonomi pada hari ini bukan satu perkara yang mudah. Akan tetapi, ia menjadi lebih susah dan lebih sukar jika sekiranya negara ini mempunyai dua nakhoda ataupun tidak mengikuti arahan nakhoda.

Contoh, Tuan Yang di-Pertua, terus terang, saya cukup-cukup kesian kerana beliau menghadapi satu cabaran yang besar. Baru-baru ini, kita diberitahu bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang- minta maaf, kalau saya salah, tolong tegur- telah mengatakan bahawa rancangan mereka untuk memastikan pemilihan PBT melalui pilihan raya akan diteruskan. Walhal, Perdana Menteri telah mengatakan jangan. Perdana Menteri adalah Perdana Menteri Malaysia. Sebab PM mengatakan jangan kerana ini boleh membawa satu keadaan perkauman. Itu PM. Dia nakhoda, dia tahu. Pemikiran dia lebih tinggi daripada Menteri-menteri yang lain. Sewajarnya kita akur.

Kalau dahulu parti berkenaan parti pembangkang, saya mungkin boleh terima, tak ada hal. Akan tetapi, sekarang sama-sama dalam satu kapal yang sama, parti pemerintah, dan nakhodanya adalah Tun Mahathir. Bagaimana kita berlagak sebagai parti pemerintah membangkang keputusan nakhoda?

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di bawah sedang memerhati. Ini satu perkara yang cukup, cukup, cukup tidak baik. Saya harap, saya katakan tadi, saya mohon kepada pemimpin-pemimpin PH, kalau ikhlas, jujur sebagai pemimpin negara Malaysia, tolonglah tukar pemikiran lama semasa kita menjadi pembangkang. Buang sama sekali. Kalau tidak- pernah saya bagi nasihat- saya bimbang negara ini akan menghadapi masalah yang cukup merumitkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana rakyat merasa makin hari makin bimbang, makin risau. Sehari dua yang lepas, sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Sri Ti Lian Ker pun ada sebut tentang *panic button*. Saya juga dengar sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Datuk Sambanthan pun menyuarakan keluhan-keluhan daripada kaum India. Itu keluhan-keluhan yang berbentuk bukan sahaja berbentuk politik tetapi ekonomi yang merupakan satu masalah yang besar- *panic button*.

Itu saya katakan tadi, segala keputusan polisi yang diambil oleh kerajaan, sebelum keputusan dibuat, jangan terburu-buru dan mesti dikaji terlebih dahulu. Ini kerana saya perhatikan banyak keputusan selama ini dibuat secara terburu-buru. Maka, *flip-flop*. Kejap tukar, kejap tukar, kejap tukar. Orang pun jadi lagi *confused*, rakyat jadi lebih marah. Menteri-menteri sewajarnya menasihati Perdana Menteri, jangan sesuka hati membuat keputusan

tanpa menghormati persetujuan yang telah dicapai dalam mereka membangunkan, mewujudkan kerajaan yang baharu ini.

Ini kerana, Tuan Yang di-Pertua, banyak betul- saya rasalah pemimpin PH ini kenalah profesional. Kalau dahulu, kita pun tahu- saya terus terang saya cakap, di kalangan rakyat di bawah khasnya orang Melayu, kita adakala cukup susah hati. Kita amat teruja tetapi amat susah hati dan amat-amat stres melihat keadaan kebelakangan ini seolah-olah kita ini langsung tidak dihormati. Satu persatu tindakan-tindakan yang mengaitkan dengan orang-orang Melayu rasanya cukup-cukup merbahaya kalau kita lihat dari segi implikasi *long term*.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Menteri-menteri- minta maaflah, hari ini ‘tuan-tuan’ adalah pemerintah. Jangan ada keputusan-keputusan yang berdasarkan kepada sikap rasis, cauvinis, oportunistis, dendam. Saya minta stop, *no more*.

Bahkan saya bersempang dengan Yang Berhormat Eng, dia kata, “*Bagus, Tan Sri. Macam inilah kita. Lets forget and forgive*”. Beliau daripada DAP. Saya cukup gembira. Saya duduk dengan dia, *he is my good friend now. For the sake of the nation*, dia kata, *lets forget and forgive*. Maksudnya, kalau betul persepsi-persepsi negatif terhadap pemimpin-pemimpin tertentu selama ini adalah negatif, kalau betul, *then* kita tukarlah supaya kita tidak lagi memandang negatif kepada individu ataupun parti tersebut.

Ini kerana ini kerajaan baharu. Kalau kerajaan baharu lebih teruk daripada kerajaan lama, buat apa kita pilih kerajaan baharu? Itu yang saya katakan tadi, *be professional*. Kita adalah pemimpin rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak kaitkan salah satu perkara yang amat membimbangkan. Baru-baru ini kita pun telah dengan *hot* telah berbincang dua hari lepas tentang Tabung Haji. *Stand* saya *is simple*. Kalau Tabung Haji bersalah, *check* betul-betul. Kalau pemimpinnya bersalah, tangkap dan bawa ke *court* untuk diadili melalui undang-undang yang adil. Tak ada hal. Akan tetapi, jangan dihancurkan Tabung Haji. Tuduhan kepada Tabung Haji- tak perlu saya jelaskan, Ahli-ahli Yang Berhormat semua dah faham- bukan kerana mereka merompak duit tetapi kita bagi dividen dan dividen itu telah diluluskan oleh audit luar dan audit dalam berdasarkan kepada ekonomi pada masa itu.

## ■1150

Kalau pada hari ini, kita panggil juruaudit luar pun untuk menilai kembali menggunakan tentang kedudukan ekonomi pada hari ini menggunakan saham bursa pada hari ini, sudah tentu nilainya jatuh. Itu logiknya. Itu logiknya sebab bursa saham cukup menjunam, sudah pasti nilai aset TH pun jatuh.

Apakah kita menjual TH ini merupakan satu *solution* kaedah formula yang terbaik untuk negara, untuk semua kaum? Tidak ada formula lain kah? Asal sikit mahu jual, asal sikit mahu jual. Apatah lagi perasaan orang Melayu, bumiputera, ada benda yang berkaitan dengan orang Melayu jual, lelong, lelong, pergi mampus, bagi jahanam Melayu. TH, agama Islam punya kita naik haji susah payah kita simpan duit. Oh! Jual, cari formula, cari kaedah bagaimana hendak buktikan benda ini tidak bagus, kita jual, semua ini tidak guna. Apakah itu kaedah yang terbaik? Esok saya tidak hairan, satu persatu dijual. Lepas ini esok FELDA kita jual, FELCRA kita jual, PNB kita jual, MARA jual, jahanam jual Melayu semua bunuh orang Melayu, lagi bagus. Tidak ada kerja lain kah? Tidak ada formula lain? Ini saya kata *panic button*, jangan main.

Saya menegaskan, apatah lagi kalau kita melihat apabila TH dijual, yang beli itulah adalah bukan Melayu. Apa yang mula *encroached* di dalam sedikit itulah Melayu punya *interest*. Tuan, tuan itu sedikit ya, sedikit. Macam saya katakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah kata, di KL itu cabut semua, bangunan orang Cina. Tidak ada yang tinggal. Itulah sikit tinggal Petronas sikit, itu sahaja. Ini pun hendak dihancurkan.

Apa lagi yang ada pada kita ini? Kita telanjang bulat. Tidak ada benda lagi dah. Tidak ada kah jalan lain yang saya katakan tadi, kita sepatut *be profesional* kalau ini bermasalah, boleh tak cari *solution* membantu kembali, bukan melelong. Asal Melayu saja lelong, FELCRA, FELDA, PNB, semua Melayu tak guna. Betul kah? Sampai ini hari, saya masih tidak yakin kerana hari ini, keadaan ekonomi kita memang teruk, ringgit teruk, saham teruk. Memanglah nilainya teruk.

Ini yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta-minta sangatlah. Saya tahu akan diserahkan pada SPV tetapi kita mula soal betul kah, apa hal serah pada SPV, siapa SPV ini, saya hendak tanya. Siapa SPV ini? *Tup tup* esok kita tengok orang yang ada duit. Siapa yang ada duit? *Tup tup* kita tengok kroni. Siapa kroni? Ini akan menyakitkan hati orang Melayu. Saya hendak tegaskan, *don't do this. There is a limit. Don't push us to the wall*, jangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya, saya, kalau saya kecewalah. Saya pernah *quote* dulu semasa saya *quote* Tun Sambanthan dan mendiang Tan Cheng Lock. Dia kata, "Kita ini berterima kasih pada orang Melayu ini, cukup baik hati." Saya tidak mahu cerita panjanglah, cerita-cerita yang saya ada. Dia kata bukan sahaja terima kita tetapi mereka terima sebagai saudara. Bukan sahaja terima jadi rakyat, terima sebagai saudara, punya sayangnya orang Melayu kepada orang Cina dan orang India. Terima sebagai saudara, kita peluk.

Saya pun tahu siapa di kampung, bagi tanah, dia hendak buat kedai runcit, kita bagi. Tidak ada bangsa dalam dunia ini yang begitu baik. Tidak boleh kah tuan-tuan balas balik

kebaikan kita pada hari ini. Kita sudah tersepit. Ekonomi kita makin lama, makin teruk. Tuan-tuan teruk kan lagi. Dah hendak mampus, pijak lagi. Minta maaf bercakap, *this is wrong!* Ini bukan satu sikap pemimpin Malaysia baharu. Lebih teruk dari dahulu.

Tuan-tuan, kita ini bersaudara. Ada tiga perkara, apabila kita kata bersaudara. Saudara melalui kemanusiaan, Tuan Haji ya? Bersaudara melalui kaum, bersaudara melalui agama. Kita dengan orang Cina dan orang India semasa merdeka, melalui kemanusiaan. Ini jarang orang faham. Orang tidak faham, betapa nilai kemanusiaan orang Melayu menganggap orang Cina dan India sebagai saudara.

Hari ini sepatutnya lebih kukuh kerana hari ini bukan sahaja melalui kemanusiaan tetapi melalui kita bangsa Malaysia, lagi kuat. Tidak boleh direnggangkan lagi, langsung tidak boleh renggang tetapi mengapa hendak direnggangkan? Mengapa tindak-tanduk kita pada hari ini nampak memang jelas, memang jelas tindak tanduk orang bukan Melayu, ada kala bukan semua, walaupun *alhamdulillah* banyak yang bukan Melayu di kalangan rakan-rakan saya menyokong, memahami apa yang saya katakan. Ya, begitu *against*, anti, benci, dendam orang bukan Melayu, orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta kerajaan carilah kaedah yang terbaik. Saya merayu di bawah kepimpinan Tun Mahathir, segala kepentingan Melayu, GLC-GLC ini tolong jangan lelong. Cari kaedah yang lebih baik. Jangan sesuka hati melelong hak kita. Itulah sedikit yang kita ada, *secoet, secoet*, yang kita tinggal. Kita tidak ada apa-apa yang lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang seterusnya ialah isu penjawat awam. Kita dalam Bajet 2019 memang memberi kesan secara langsung kepada golongan penjawat awam sebagai pekerja kepada kerajaan pada hari ini. Akan tetapi saya ingin jelaskan beberapa masalah dalam masa yang pendek ini, ya masalah penjawat awam.

Pertama, Kerajaan Malaysia baharu harus mengkaji semula proses pemilihan dan pengagihan penjawat awam di setiap jabatan, mahupun unit-unit di jabatan awam mengikut keperluan dan juga permintaan daripada jabatan dan unit berkenaan.

Ini adalah kerana saya sentiasa mengira maklum dan mendengar aduan daripada sahabat-sahabat saya daripada jabatan kerajaan, yang menyatakan bahawa jabatan mereka tidak mencukupi kakitangan, terutama staf dan pegawai awam bagi membantu melicinkan kerja-kerja mereka. Saya suka memberi contoh Tuan Yang di-Pertua, beberapa pegawai dan staf daripada satu jabatan di Terengganu telah berjumpa saya, menemui saya membincangkan satu perkara yang saya rasa kita patut selesaikan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Perkara ini telah pun saya kemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Masa sudah tiba. Tolong gulung kan. Terima kasih.

**Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Okey, saya pendekkan. Di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG). Ia sebuah agensi persekutuan yang mengendalikan tanah persekutuan di seluruh negara mempunyai beberapa bahagian di bawah seliaan jabatan ini. Contohnya, Bahagian Pembahagian Pusaka ini menguruskan permohonan dan pembahagian harta pusaka hampir 70 peratus bagi harta alih dan harta tidak alih di bawah seliaan RM2 juta, hanya merupakan satu bahagian sahaja di bawah seliaan jabatan, sedangkan mereka ini menguruskan permohonan dan pembahagian harta pusaka bagi seluruh negara.

Bahagian Pembahagian Pusaka dengan kapasiti 69 orang pegawai penyelesaian pusaka iaitu skim Pegawai Tadbir perkhidmatan tertutup bagi seluruh Semenanjung Malaysia dan hanya mempunyai tiga hingga empat orang kakitangan sokongan sahaja di setiap unit, dirasakan amat tidak mencukupi bagi menguruskan permohonan dan pembahagian harta pusaka bagi tiga daerah jagaan di setiap unit berkenaan.

Soalan saya kepada pihak kerajaan, mengapakah bahagian ini tidak dikembangkan dan dinaikkan menjadi sebuah jabatan berdasarkan peranan dan tanggungjawab yang telah dijalankan selama ini kerana dengan pelaksanaan sistem yang betul, ia dapat mengatasi masalah-masalah harta beku yang tidak dituntut seperti tanah-tanah rizab Melayu, tanah-tanah tradisional seperti berekonomi tetapi tidak dapat dibangunkan, demi manfaat masyarakat dan pihak kerajaan. Sebagai contoh, ia untuk membangunkan semula tanah-tanah di Kampung Baru, Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya katakan tadi kita mendengar kerajaan ingin menutup ataupun mengurangkan kakitangan kerajaan tertentu, jabatan-jabatan tertentu.

## ■1200

Saya mohon jangan dikurangkan tetapi lebih-lebih daripada jabatan ataupun kementerian yang kita turunkan tadi, kita agih-agihkan ke jabatan-jabatan yang memerlukan. Jabatan yang saya katakan ini, saya telah membuat *investigation* secara *through*, memang tidak mencukupi. Maka, jabatan yang lebih ataupun hendak dikurangkan tadi, kita pindah ke jabatan lain iaitu semua kementerian saya harapkan tadi membuat kajian secara detil. Jangan buang kakitangan sebab saya hendak tegaskan tadi Tuan Yang di-Pertua, inilah satu-satunya *employment* untuk anak-anak Melayu.

Daripada segi pekerjaan *employment* ini, 90 peratus adalah di *private sector*. Hanya 10 peratus di *government sector*. Macam mana budak-budak kita budak Melayu ini hendak pergi di *private sector*, ditolak dan tidak diterima.

Bahkan seorang pensyarah berbangsa Cina daripada UM telah membuat *research* mengatakan memang betul ada diskriminasi terhadap graduan Melayu untuk bekerja di *private Chinese company*. Hanya *1.88 percent* diterima untuk pengetahuan. Itu realiti. Kalau itu sudah diterima ini, *government sector* yang *10 percent* itu kita hendak tutup. Maka di mana ini graduan Melayu hendak bekerja? Minta maaf cakaplah.

Saya semalam sedang telefon, saya rasa Yang Berhormat Senator Datin pun ada di sebelah, ada orang telefon saya, “*Tan Sri, boleh tolong atau tidak? Saya graduate...*” sekian-sekian. “*Boleh tolong cari kerja? It is not new to me. This is reality.* Ramai graduate yang bekerja di *Giant* angkat, pikul barang. *But yet* kita tutup.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok *ratio* penjawat awam dengan kerajaan, kita yang paling rendah dibandingkan dengan UK kah, US kah, New Zealand. Saya ada fakta ini semua iaitu jangan kita lihat, kita bandingkan dengan tahun 2008 dengan 2018, hanya melihat jumlah-jumlah masih tinggi, 10 tahun tetapi kena tengok *ratio* kerana populasi berkembang. Tengok *rationya*. Kita masih yang terbaik dibandingkan dengan kebanyakan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja. Banyak benda yang saya hendak cakap tetapi dua benda yang penting pada saya, saya hendak sampaikan mesej, *I will never stop*. Selagi saya dalam Dewan ini, selagi tidak betul, saya tegur. Saya bukan hendak bangkang, saya bukan hendak pukul, tidak ada. Saya tegur sebagai saudara untuk kepentingan negara kita. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikummussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah. Ya, terima kasih banyak. Kita pergi kepada nombor dua pula.

Sekarang saya minta pula, Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Silakan.

### **12.03 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan

para pegawai kementerian kerana bertungkus-lumus menyediakan Bajet 2019 yang begitu mencabar dalam persekitaran tekanan global serta pemulihan fiskal Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir bulan Jun 2018, dicatatkan berada pada paras RM725.241 bilion manakala jaminan pinjaman ke atas institusi badan berkanun serta syarikat-syarikat adalah mencecah RM238.1 bilion dengan Dana Infra Sdn. Berhad menduduki tempat pertama pinjaman iaitu RM42.18 bilion, PTPTN sebanyak RM40.2 bilion, Prasarana Malaysia Berhad sebanyak RM26,614 bilion, Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM17 bilion manakala Rail Link Sdn. Berhad, sebanyak RM14.493 bilion dan Pengurusan Air SB Berhad sebanyak RM13.11 bilion. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan:

- (i) sejauh manakah kerajaan dapat mencari kaedah terbaik dalam memastikan jaminan-jaminan ini dapat dikurangkan secara signifikan agar bebanan fiskal Kerajaan Persekutuan dapat diatasi dengan berkesan?; dan
- (ii) bagi memastikan pembiayaan infrastruktur bekalan air, sistem pengangkutan awam dan pembiayaan pendidikan di Malaysia lebih holistik, apakah perlu kerajaan mengambil langkah lebih cekap dalam merancang perbelanjaan pembangunan agar pertumbuhan enam tajaan pinjaman ini dikawal dengan baik?

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2019, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM13.36 bilion bagi bayaran keuntungan atas terbitan pelaburan kerajaan. Saya mohon penjelasan daripada Kementerian Kewangan:

- (i) perincian pembayaran ke atas tarikh terbitan-terbitan dan kadar keuntungan yang ditawarkan?; dan
- (ii) apakah jumlah bayaran keuntungan ke atas terbitan-terbitan pelaburan kerajaan ini akan terus meningkat pada tahun 2020 dan masa akan datang mengikut terbitan yang dikomitedkan Kerajaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM100 juta diperuntukkan bagi pembayaran tuntutan atau pampasan yang diperintahkan oleh mahkamah ke atas Kerajaan Malaysia. Jumlah yang diperuntukkan ini amat tinggi dan memerlukan kerajaan melakukan dasar semak dan imbang yang amat teliti, bagi mengelakkan tuntutan pampasan oleh orang awam. Justeru, saya mohon penjelasan kerajaan:

- (i) apakah perincian bayaran pampasan yang perlu dibayar pada tahun 2019 ini?; dan
- (ii) bagaimana kerajaan menangani sebarang kecuaian atau kesilapan urusan berkaitan? Contoh, penyelewengan penyiasat PDRM membuat rampasan duit AMLA September lalu di Ampang. Ini mendedahkan risiko tuntutan pampasan oleh pemilik ke atas pertikaian jumlah dana rampasan yang tidak disahnilai semasa sitaan dibuat di premis yang disiasat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mewujudkan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Malaysia pada bulan Jun 2018 dengan perbelanjaan mencecah RM33.7 juta. Manakala pada tahun 2019, dianggarkan sebanyak RM32.28 juta. Pada tahun 2018, Kod Perbelanjaan 010200 ini, diperuntukkan kepada SUHAKAM. Manakala kod 010300 diberikan kepada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Malaysia. Saya mohon penjelasan:

- (i) bagaimanakah penstrukturkan semula perbelanjaan ke atas *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC) dengan izin, SUHAKAM dan Institut Integriti Malaysia ini dibuat?;
- (ii) apakah terma rujukan dan mekanisme *statutory* yang diguna pakai kerajaan dalam memberi hala tuju integriti anti rasuah dan governans agar peranan yang dimainkan oleh agensi baharu ini benar-benar membantu Kerajaan Pakatan Harapan mengambil budaya pentadbiran telus dan berakauntabiliti?; dan
- (iii) berapakah peruntukan yang diperuntukkan kepada Institut Integriti, EAIC dan SUHUKAM ekoran penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam peruntukan biasiswa dan pinjaman pelajaran JPA, didapati kerajaan menyasarkan RM1.02 bilion. Manakala MARA diperuntukkan sebanyak RM2.057 bilion pada tahun 2019 bagi program penajaan pendidikan MARA. Soalan saya kepada JPA dan MARA:

- (i) berapakah agihan penajaan bagi kategori lepasan SPM, matrikulasi, STPM, diploma dan program siswazah pada tahun 2019?; dan
- (ii) bagaimanakah kriteria dan syarat baharu kerana berlaku kerisauan terhadap kumpulan keluarga M40 kepada penajaan ini hanya

ditumpukan kepada kumpulan B40 dan kerajaan membuat pemilihan berdasarkan merit dan kelas sosial pemohon?

Tuan Yang di-Pertua, jika disemak pada perbelanjaan mengurus dan pembangunan Jabatan Peguam Negara, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM7.9 juta bagi anggaran belanja pendakwaan pada tahun 2019. Soalan saya kepada kerajaan:

**■1210**

- (i) berapakah perbelanjaan yang terlibat dalam kes pendakwaan yang melibatkan penggunaan firma perundangan swasta sebagai pendakwa raya?; dan
- (ii) berapakah perbelanjaan yang dianggarkan terlibat dalam urusan membawa semula wang 1MDB yang diselewengkan dan dikesan oleh pihak berkuasa luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan pembangunan seimbang di seluruh negeri-negeri di Malaysia amat penting dalam mengurangkan migrasi penduduk ke bandar-bandar utama seperti Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Ia akan merancakkan pertumbuhan ekonomi desa dan koridor wilayah-wilayah yang telah dirancang.

Justeru itu, pada tahun 2019, kerajaan menganggarkan sebanyak RM1.219 bilion diperuntukkan bagi penggunaan lima koridor. Soalan saya :

- (i) bolehkah kerajaan memberikan perincian bajet bagi setiap pembangunan koridor dan unjuran peluang pekerjaan yang bakal dijana pada 2019?; dan
- (ii) sejauh manakah peruntukan yang diperuntukkan ini diberikan kepada Kerajaan Negeri Kelantan agar pembangunan Kelantan mampu memberikan impak pertumbuhan ekonomi pada 2019?

Tuan Yang di-Pertua, bersetujuan dengan perubahan landskap politik negara dan jalinan hubungan yang lebih baik serta telus, Kerajaan Persekutuan dengan negeri-negeri di seluruh pelosok tanah air dan atas dasar keluhuran Perlembagaan Malaysia, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan tentang:

- (i) nilai pemberian ke atas senarai bersama 020600 bagi Kerajaan Negeri Kelantan 2019;
- (ii) nilai pemberian bantuan kepada Kerajaan Tempatan di Kelantan pada 2019 mengikut pendekatan keseimbangan;

- (iii) nilai anggaran penyelenggaraan jalan-jalan negeri bermutu minima dan *substandard* pada 2019 bagi negeri Kelantan; dan
- (iv) peruntukan khas bantuan bagi negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Sekolah Menengah Sains dan Sekolah Berprestasi Tinggi untuk pelajar-pelajar desa dan kumpulan B40 amatlah penting. Sesungguhnya pendekatan holistik yang diamalkan oleh pendidikan berasrama penuh ini, telah terbukti menjadi pemacu perubahan yang paling berkesan dalam usaha kerajaan membantu rakyat meningkatkan mobiliti sosial kumpulan B40 kepada M40 dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun.

Untuk itu, pembinaan lebih banyak sekolah menengah sains berasrama penuh ini perlu diberikan perhatian wajar. Soalan saya kepada Kementerian Pendidikan:

- (i) berapakah peruntukan bagi pembinaan sekolah menengah sains berasrama penuh pada tahun 2019 dan lokasi pembinaannya?; dan
- (ii) bagaimanakah kerajaan memastikan pelajar-pelajar cemerlang lepasan UPSR di luar bandar dapat ditawarkan menyambung pelajaran di sekolah berasrama penuh dan pakej bantuan yang boleh diberikan agar bebanan kewangan B40 ini dibantu?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019, kerajaan mengumumkan pendekatan strategi lima bagi meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpasaran sumber tenaga modal insan negara, terutamanya belia lepasan sekolah menengah, lepasan institusi kemahiran dan siswazah. Walaupun dalam tinjauan ekonomi, Malaysia telah mencapai kadar *employment* penuh tetapi penggantungan majikan swasta terhadap tenaga buruh asing masih lagi mendominasi pasaran kerja tempatan. Soalan saya kepada Kementerian Sumber Manusia:

- (i) bagaimanakah kita dapat memastikan kekangan-kekangan majikan swasta dalam menggaji pekerja tempatan terutamanya dalam sektor pekerjaan berisiko tinggi, sukar dan kotor dapat ditangani dengan baik agar mekanisme pengajian dan insentif galakan dapat diterap kepada golongan belia?;
- (ii) sejauh manakah perundangan OSHA 1994, Siri Perundangan Buruh dapat memastikan persekitaran kerja 3D ataupun *dangerous, difficulty and dirty*, dengan izin, menepati keperluan kebijakan, kesihatan dan keselamatan pekerja sebagai mana tata-tata amalan industri yang diamalkan oleh negara-negara maju?; dan

- (iii) bagaimana sasaran kerajaan dalam menjadikan golongan B40, berumur 60 tahun boleh diterima pasaran kerja memandangkan kebanyakan pesara-pesara menghadapi masalah dalam menanggung beban semasa kos sara hidup yang semakin meningkat?

Tuan Yang di-Pertua, fokus kerajaan dalam memupuk budaya keusahawanan perlu diberikan perhatian segera dengan menjajarkan semula fokus industri desa dan bantuan pemasaran bersepadu di seluruh pelosok negara. Kementerian Pembangunan Usahawan, MITI dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Pendidikan perlu menggerakkan semua agensi agar fokus dan lebih terarah bagi membangunkan sektor agropolitan makanan.

Pada masa kini, tumpuan jaminan keselamatan makanan hanya disasarkan kepada penanaman beras dan industri ikan makan. Soalan saya kepada Kerajaan:

- (i) sejauh manakah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan agar pendekatan pertanian agromakanan dapat diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah di luar bandar dan sasaran terarah diberi perhatian segera?;
- (ii) bagaimanakah bantuan agensi-agensi seperti Jabatan Pertanian, MARDI dan FAMA dapat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kawasan tanaman kelompok agro makanan, agar harga pasaran hasil agromakanan ini lebih murah di pasaran semasa?; dan
- (iii) bagaimanakah Kementerian Pembangunan Usahawan bersama-sama MITI meneroka pendekatan *affirmative* agar sektor agromakanan diberikan penekanan wajar dan MITI selaku pemacu perubahan global mewujudkan jalinan usaha sama pasaran agar hasil agromakanan dapat dieksport ke luar negara?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2019, saya dapati kebanyakan sasaran berpilih atau *outcome* yang dicatatkan tidak mencerminkan keupayaan sebenar sektor awam jika dibandingkan dengan bebanan emolumen kerajaan berjumlah hampir RM82 bilion. Sudah sampai masanya, pada pembentangan Bajet 2020, tumpuan lebih signifikan dan bersasar diberikan perhatian segera agar kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara dicapai seiring dengan peningkatan produktiviti sektor awam. Saya mohon penjelasan Kerajaan:

- (i) sejauh manakah kerajaan memastikan pendekatan pencapaian sasaran kerja sektor awam dinilai semula dan dijajarkan seiring dengan dasar awam baru Kerajaan Pakatan Harapan?; dan
- (ii) bagaimanakah kerajaan memastikan sebarang ketirisan dan integriti masa bekerja dan penyampaian dipatuhi agar prestasi penyampaian awam lebih cekap?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulfung ya.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memanfaatkan kesempatan ini untuk mengingatkan Dewan yang mulia ini.

Pepatah orang Islam ada menyebut, ‘syurga di bawah tapak kaki ibu’. Hal ini bermakna peranan wanita amatlah signifikan. Wanita yang mengandungkan, wanita yang melahirkan dan wanita yang menyusukan.

Ketiga-tiga episod ini tidak mampu dilakukan oleh kaum lelaki. Maka wajarlah wanita diberi kepedulian yang sepatutnya oleh kerajaan. Jadi saya memohon Kerajaan memberi penekanan dan tumpuan khusus kepada pembangunan wanita dan memastikan agenda pembangunan wanita terus diperkasa dalam arus pembangunan negara.

Justeru, penekanan perlu diberikan dalam memastikan kuota 30 peratus wanita dalam perkhidmatan kerajaan, GLC dan Parlimen mesti dikekalkan. Soalan saya:

- (i) berapakah statistik terkini wanita yang dilantik menganggotai ahli lembaga pengarah syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan sehingga 2018 ini?;
- (ii) sejauh manakah kerajaan akan memastikan reformasi parlimen dan memastikan bilangan Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan ADUN ditetapkan mencapai sasaran 30 peratus?; dan
- (iii) bagaimanakah kerajaan memastikan dasar kerja fleksibel dipupuk di sektor swasta agar penyertaan wanita di sektor pekerjaan membantu menyumbangkan pertumbuhan signifikan negara?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya kepada pemimpin-pemimpin kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat untuk memimpin negara. Hati-hatilah dalam setiap tindakan.

## ■1220

Negara sedang memerhati kebenaran. Pesanan Nabi Muhammad SAW bila diamanahkan tugas kepada orang yang bukan ahlinya, tunggulah saat kehancurannya... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Negara kita tidak sama dengan negara-negara yang lain

di dunia. Kita mempunyai komposisi kaum yang pelbagai walaupun kita berbeza agama, berlainan budaya, bahasa ibunda tidak sama tetapi kita diikat dalam bingkai kebersamaan sebagai rakyat Malaysia. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan seluruh kementerian yang akan membuat penggulungan kelak.

Harapan saya agar segala persoalan dikemukakan, dijawab dengan penuh dedikasi dan penuh amanah bersesuaian dengan moto Kerajaan Pakatan Harapan iaitu “*Yang Menjalankan Amanah*”. Saya ingin menutup perbahasan ini dengan dua rangkap pantun khusus untuk Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Tuan Yang di-Pertua.

*Sarang tempua di batang berduri;  
Di tepi kolam pohon cemara;  
Tuan Yang di-Pertua bijak bestari;  
Tegas kendali Dewan Negara.*

*Raja dewa puteri dewi;  
Perangai santun digemari jejaka;  
Timbalan Tuan Yang di-Pertua pewaris pertiwi;  
Pandai berpantun bijak berseloka.*

Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datin Rahimah.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid. Silakan Yang Berhormat Senator.

## 12.21 tgh.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Berucap dalam bahasa Arab] Sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur terhadap Allah SWT kerana dikurniakan udara untuk kita bernafas tanpa mempersoalkannya dari mana ia datang. Kita dikurniakan dengan cahaya, dapat melihat. Begitu juga dengan gelap, dapat kita tidur. Kita di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, kita lebih bersyukur oleh sebab dikurniakan dengan lautan yang mempunyai hasil-hasil laut yang begitu kaya.

Kita ada minyak, kita ada ikan pelbagai jenis dan begitu juga dengan hasil-hasil laut yang tidak dapat kita sebutkan. Apa yang pentingnya Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita menguruskan hasil-hasil tersebut. Begitu juga tanah kita yang begitu subur, kita tanam sawit,

kita dapat minyak sawit. Kita tanam kelapa, kita dapat minyak kelapa. Kita tanam padi, kita dapat beras. Begitu juga dengan tanaman-tanaman yang lain. Apa yang penting, Allah Taala amanahkan kepada kita khususnya warga Malaysia yang berjumlah lebih kurang 30 juta orang ini untuk menguruskan hasil mahsul yang dikurniakan oleh Allah SAW.

Oleh sebab itu, saya amat menghargai usaha-usaha kerajaan melalui Kementerian Kewangan yang telah bersusah payah untuk menghasilkan anggaran belanjawan persekutuan yang bernilai sejumlah RM316.5 bilion untuk dibelanjakan pada tahun hadapan. Cuma, kita jangan lupa ini merupakan unjuran kita. Allah Taala berfirman... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Jangan kita berkata sesuatu untuk kita buat esok. Kecuali kita berkata, insya-Allah, dengan izin Allah”.*

Maka, sebab itu kita ingatkan kerajaan bahawa ini merupakan rancangan kita. Maka, sesuatu rancangan yang kita buat kita harus mengucapkan *“Insya-Allah”*, mudah-mudahan dengan izin Allah, segala rancangan kita akan dikabulkan atau dilaksanakan. Saya lihat tinjauan ekonomi tahun 2019, tidak begitu menggalakkan, agak *“gloomy”* kata , dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, agak mendung. Mudah-mudahan dengan doa kita semua, kita mohon Allah SWT bantu kita, dapat memberikan keadaan yang lebih baik supaya semua perancangan-perancangan yang kita buat untuk tahun 2019 dapat kita laksanakan.

Untuk itu, sekali lagi, kita seharusnya mengucapkan ribuan terima kasih, *jazakallah khairan kathira* kepada kumpulan-kumpulan warga kementerian kewangan yang telah bersusah payah untuk menguruskan hasil mahsul ataupun peruntukan sebanyak RM316.5 bilion kepada rakyat Malaysia. Kita warga kakitangan awam, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bimbang oleh sebab gaji kita telah diperuntukkan di dalam buku belanjawan ini. Akan tetapi, apakah nasib rakyat kita seperti penoreh getah, peladang, nelayan yang memerlukan bantuan kita, khususnya kerajaan untuk membantu mereka supaya mendapat nikmat yang sama sebagaimana yang kita dapat sebagai kakitangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk mempersoalkan apa yang telah diusahakan oleh kementerian-kementerian... *[Menunjukkan senaskhah dokumen]* Sebanyak 24 buah kementerian yang akan menerima habuan daripada Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2019 ini.

Saya hanya ingin membangkitkan beberapa perkara. Pertama, kepada Kementerian Pertahanan, yang diperuntukkan sebanyak- sebagaimana yang diperkatakan tadi, mengikut di dalam buku Belanjawan 2019 berjumlah RM10.27 bilion. Kita difahamkan Kementerian Pertahanan mendapat tambahan berjumlah RM1.4 bilion. Kita ucapan tahniah. Akan tetapi,

kita mohon kepada Kementerian Pertahanan supaya dapat berbelanja dengan berhemah. Ini supaya tidak bocor atau tidak tiris, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali. Kita bimbang oleh sebab bila ditambahkan duit, maka mudah ia tiris dan bocor. Kita juga berharap, gejala rasuah juga tidak berlaku di dalam kementerian.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berhubung dengan pembaikan kereta kebal *Scorpion*. Saya difahamkan keadaan kereta kebal tersebut memerlukan selenggaraan. Saya telah menulis kepada Menteri Pertahanan untuk mempertimbangkan tawaran kerja-kerja pembaikan oleh Syarikat Veteran Angkatan Tentera Malaysia yang dikenali dengan nama NAZ Galaxy Sdn. Berhad sama ada ia boleh diberikan pertimbangan atau diberikan peluang untuk melakukan kerja-kerja pembaikan kereta kebal *Scorpion* ini.

Kedua, untuk menguruskan veteran Angkatan Malaysia yang berjumlah lebih daripada 390,000 orang Tuan Yang di-Pertua, saya mohon Kementerian Pertahanan supaya dapat memaklumkan kepada Dewan, bilakah Majlis Veteran Kebangsaan akan bersidang? Siapakah ahli-ahli yang telah dilantik untuk menganggotai Majlis Veteran Kebangsaan? Oleh sebab, dengan persidangan ataupun Mesyuarat Pertama yang akan diadakan, ia akan melonjakkan semangat ataupun keyakinan veteran terhadap Majlis Veteran Kebangsaan ataupun Jabatan Hal Ehwal Veteran Malaysia untuk mengurus kebajikan mereka, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya juga saya ingin membangkitkan satu perkara kepada Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera iaitu PERHEBAT, mengenai 61 buah kursus yang sedang dijalankan di PERHEBAT. Saya difahamkan memang pelbagai kursus telah dilaksanakan. Cuma, saya ingin mengetahui sama ada kursus-kursus berhubung *agrobusiness* ataupun *agriculture*- pertanian ada dilaksanakan di PERHEBAT? Sudikah PERHEBAT menerima tawaran ataupun cadangan oleh Open Agro Consultant Sdn. Berhad untuk memberikan persembahan dan cadangan-cadangan untuk veteran melibatkan diri dalam kerja-kerja pertanian?

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, kepada Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang diperuntukkan sebanyak RM1.17 bilion. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, bolehkah kementerian pertimbangkan untuk membangunkan tanah-tanah di sempadan Malaysia di antara Perlis dan Kelantan? Ini supaya ia dijadikan satu kawasan pertanian dan boleh dijadikan *buffer zone* sebagai mana yang dilaksanakan di negara-negara

lain. Ini boleh memberikan peluang kepada khususnya veteran membangunkan tanah dan sebagai peneroka di kawasan tersebut.

Saya juga ingin mengetahui Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan Institut Tanah dan Galian kementerian yang terletak di Perak dan bagaimakah keadaan dan kemajuannya? Bolehkah saya cadangkan supaya ia diterajui oleh Pegawai Daerah Manjung yang saya yakin dan percaya Dato' Mohamad Fariz merupakan seorang yang mempunyai kepakaran untuk membawa urusan tanah dan galian ini di peringkat yang lebih tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

Kepada Kementerian Pengangkutan yang diperuntukkan sebanyak RM1.74 bilion. Saya ingin mendapatkan pandangan daripada kementerian sama ada, adakah rancangan untuk mewujudkan satu lagi lembaga siasatan berhubung dengan kehilangan pesawat MH370?

#### ■1230

Oleh sebab saya yakin jawatankuasa yang baharu, sekiranya dianggotai oleh anggota-anggota tentera, khususnya tentera udara, dan juga pegawai trafik udara, dan Jabatan Penerbangan Awam Malaysia, ia boleh memberi satu output ataupun penemuan kajian yang lebih baik, oleh sebab selama ini, lebih empat tahun kita gunakan pakar-pakar daripada luar, tidak memberi jawapan yang jelas kepada kita. Setakat ini, kita belum mendapat apa-apa jawapan yang meyakinkan, khususnya untuk *next-of-kin* ataupun waris mangsa-mangsa nañas pesawat

Tuan yang di-Pertua, saya ingin cadangkan kepada kementerian selepas diadakan audit ke atas Marina Jabatan Laut Pulau Mentagor di Pulau Pangkor yang telah dibina bernilai RM26 juta, sehingga hari ini, siap pada tahun 2007, tidak digunakan. Maka dengan sebab itu, bolehkah saya cadangkan supaya kementerian memberikan pertimbangan menyerahkan kompleks tersebut kepada kerajaan negeri untuk dijadikan pusat tahfiz.

Seterusnya kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) yang diperuntukkan RM1.048 bilion. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian sama ada terdapat perancangan untuk melebarkan lebuh raya kita, daripada Slim River hingga ke Perlis. Oleh sebab keadaan sekarang, dua lorong satu haluan, tidak dapat menampung kenderaan apabila waktu-waktu perayaan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya ia dirancang oleh kementerian untuk Rancangan Malaysia yang ke-12, ke-13 dan seterusnya bagi memastikan kesejahteraan rakyat dalam melakukan perjalanan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapat maklumat daripada Kementerian Kerja Raya sama ada jambatan-jambatan daripada Kampung Telaga Nanas, Kampung Teluk,

Kampung Baharu boleh disiapkan pada tahun ini, supaya penantian selama lebih tiga rakyat, empat tahun khususnya rakyat di daerah Manjong dapat memendekkan perjalanan daripada Kampung Baharu ke bandar Sitiawan dan juga daerah Manjong yang lain.

Kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, diperuntukkan sebanyak RM2.43 bilion. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian ini memberi tumpuan yang lebih berat kepada kerja-kerja pelupusan sampah dan sisa pepejal. Ini merupakan masalah negara yang harus kita tangani bukan sahaja sekarang, masa akan datang dan seterusnya. Kita lihat keadaan sampah di negara menjadi isu dan kita pohon supaya peruntukan yang ada di dalam kementerian ini diberi sedikit pertimbangan untuk memberi tumpuan dalam menguruskan pelupusan sampah dan sisa pepejal. Kalau boleh, berilah maklumat sedikit berhubung urusan sampah dan pepejal di kawasan daerah Manjong.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan diperuntukkan RM3.48 juta. Saya ingin mengadu di sini berhubung dengan sistem komunikasi di Putrajaya. Apabila kita membuat panggilan pejabat-pejabat di Putrajaya, ia mengambil masa yang amat lama. Walaupun terdapat *One-Call Centre*, ia menyusahkan dan memeritkan. Kita hendak berhubung dengan sesuatu jabatan, mengambil masa yang lama. Kita tekan mesin, mesin menjawab. Kita tekan lagi, masih mesin yang menjawab. Akhirnya kita sendiri *give-up*. Kita minta ini diperlihatkan supaya lebih baik, supaya komunikasi terus kepada kementerian-kementerian yang kita hajatkan.

Seterusnya kepada Kementerian Kesihatan yang diperuntukkan RM26.5 bilion. Saya ingin mendapat penjelasan atau maklumat daripada kementerian apakah status ataupun kemajuan pembinaan hospital di Perak tengah yang telah dinanti-nantikan rakyat Perak, khususnya di Perak tengah di Bandar Sri Iskandar, dan bagaimana keadaan dan status pembinaannya. Saya difahamkan baru tolak tanah, betul atau tidak, kita hendak penjelasan daripada Kementerian Kesihatan. Saya juga ingin mendapat maklumat apakah status pemasangan mesin *CT Scan* di Hospital Daerah Manjong yang telah lama kita tunggu. Saya harap kementerian dapat memberi sedikit maklumat kepada kami.

Akhirnya Tuan yang di-Pertua, kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang diperuntukkan RM12.6 bilion. Saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian tentang status laporan kes aduan Wong Kee Teh ke atas Lim Leong Peng, *Sitiawan Report 3282009* melalui surat kepada Menteri Dalam Negeri, PHR/SU/LMT17-1 folio 82 bertarikh 26 September 2016. Oleh sebab jawapan Timbalan Menteri sebelum ini tidak dapat memuaskan atau tidak

diterima oleh pengadu, saya harap ada jawapan yang lebih jelas daripada kementerian. Sekian terima kasih Tuan yang di-Pertua, *assalamualaikum*.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Sen. Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran Abdul Hamid, betul-betul masa itu, tepat. Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sen. Datuk Lee Tian Sing.

### 12.37 tgh.

**Datuk Lee Tian Sing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan belanjawan 2019 pada hari ini. Tahniah saya ucapan kepada kerajaan baharu yang telah membentangkan belanjawan yang pertama, namun terdapat juga banyak isu yang terkandung dalam belanjawan ini. Saya akan menumpukan ucapan saya kepada aspek-aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan cukai digital dan inisiatif pengecualian cukai ke atas sumbangan bagi institusi pendidikan awam. Selepas itu saya juga akan melanjutkan sedikit perbincangan ke dalam isu-isu yang akan muncul akibat daripada berlakunya wakil rakyat lompat parti.

Tuan yang di-Pertua, isu pertama yang saya ingin bangkitkan ialah cukai digital. Kementerian telah mengumumkan perkhidmatan dalam talian seperti *video stream*, *music stream* dan juga tajuk permainan yang disediakan oleh syarikat luar negara akan dikenakan cukai mulai 1 Januari 2020. Namun demikian, tiada maklumat terperinci yang dikemukakan oleh kerajaan tentang pelaksanaan cukai ini.

Maka saya ada beberapa persoalan, mohon kementerian untuk menjawabnya, iaitu pertama, perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan yang berasal dari luar negara akan dikenakan cukai seperti *Netflix*, *Spotify*, dan *Steam*. Adakah penyedia perkhidmatan sedemikian yang berasal dari Malaysia seperti *iflix* dan *dimsum* juga akan dikenakan cukai ini.

Kedua, Malaysia sedang membangunkan sektor perdagangan elektronik dan pembangunan infrastruktur Internet kita tidak cukup kuat dan kukuh. Pada hakikatnya bukannya ramai orang yang menggunakan perkhidmatan dalam talian secara *by right*. Saya mohon kementerian membekalkan statistik jumlah perbelanjaan sama ada *business to business* atau *business to consumer* yang membayar perkhidmatan dalam talian.

### ■1240

Berapakah jumlah cukai anggaran yang dapat dikutip oleh kerajaan selepas pelaksanaan cukai ini pada tahun 2019 hingga tahun 2020?

Nombor tiga, adakah perkhidmatan yang disediakan dalam firma-firma di bawah Zon Perdagangan Bebas akan dikenakan cukai digital? Sekiranya perkhidmatan atas talian dikenakan cukai, ini akan menjelaskan keyakinan pengguna dan juga perusahaan sederhana dan kecil. Ini akan mengakibatkan impak negatif terhadap usaha kerajaan untuk memajukan Zon Perdagangan Bebas Digital.

Dalam Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan memandang berat terhadap pembangunan e-dagangan supaya sektor perkhidmatan yang berunsur platform digital boleh menjadi pemacu utama pertumbuhan ekonomi negara. Namun, saiz ekonomi e-dagangan kita masih kecil. Akan tetapi kerajaan cepat-cepat hendak mengenakan cukai. Ini bukan inisiatif untuk menggalakkan e-dagangan tetapi mengehadkannya.

Ini telah bercanggah dengan matlamat kerajaan secara jangka masa panjang. Maka, saya memohon kementerian menarik balik pelaksanaan cukai digital ini pada tahun depan sehingga satu tempoh yang lebih sesuai kepada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, isu kedua berkaitan dengan dasar pengecualian cukai ke atas sumbangan bagi institusi pendidikan awam.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa kesemua penyumbang kepada tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan akan layak menuntut potongan cukai ke atas sumbangan mereka. Terdapat kekeliruan dalam ucapan teks Yang Berhormat Menteri Kewangan, di mana ada dua jenis pentakrifan iaitu, pertama tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan, ataupun tabung penyelenggaraan sekolah kerajaan dan institut pengajian tinggi awam di bawah Kementerian Pendidikan.

Saya meminta klasifikasi dan penjelasan daripada kerajaan. Adakah terdapat tabung penyelenggaraan yang diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan untuk menyelaraskan kesemua sumbangan yang di derma oleh rakyat ataupun setiap sekolah dan universiti boleh mewujudkan tabung penyelenggaraan mereka masing-masing?

Sekiranya terdapat sebuah tabung penyelenggaraan yang selaras, apakah mekanisme pengagihan dana sumbangan kepada setiap sekolah kerajaan? Selain itu, adakah ini bermaksud semua sumbang yang disalurkan terus kepada sekolah kerajaan dan diberi pengecualian cukai tanpa had?

Adakah inisiatif ini juga diguna pakai bagi sekolah jenis kebangsaan? Apakah pula sumbangan yang diberi ini tiada had dan apakah pihak kementerian akan memantau pada dana ini? Berkaitan dengan peruntukan Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman sebanyak RM30 juta juga dibatalkan. Kementerian Kewangan membuat kenyataan bahawa pihak pengurusan Kolej Universiti TAR perlu menggunakan rizab permohonan sekolah untuk membayar kos pentadbiran dan pengurusan sekolah. Ini adalah cadangan yang tidak seharusnya dikeluarkan oleh seseorang Menteri Kewangan. Saya hendak tanya balik Yang Berhormat Menteri Kewangan, adakah kementerian akan mengguna rizab pertukaran asing negara untuk membayar kos perbelanjaan pentadbiran negara? Rizab pembangunan Kolej Universiti TAR seharusnya digunakan untuk menjalankan projek pembangunan sekolah pada masa depan sahaja. Maka, saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri, janganlah main politik dengan kolej universiti hanya kerana ia ditubuhkan oleh MCA. Kementerian patut memulangkan peruntukan kolej universiti sebanyak RM30 juta dengan kadar segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan satu isu yang saya rasa amat penting di Dewan yang mulia ini. Kebelakangan ini negara kita telah menyaksikan banyak peristiwa wakil rakyat yang lompat parti. Terdapat Ahli Parlimen yang keluar daripada parti pembangkang, adanya kekal sebagai status bebas dan individu. Manakala ada yang telah menyertai Parti Harapan Pakatan Harapan.

Sebagaimana kita dimaklumkan, wakil rakyat Pakatan Harapan boleh mendapat peruntukan sebanyak RM500,000 dan RM200,000 masing-masing bagi Ahli Parlimen dan ADUN. Berbanding dengan wakil rakyat pembangkang hanya mendapat RM200,000 dan RM100,000 masing-masing. Persoalan saya kepada kerajaan iaitu bagi wakil rakyat yang telah keluar daripada parti pembangkang, tidak kesah mereka kekal sebagai bebas atau telah lompat parti untuk menyertai parti kerajaan, adakah mereka akan mendapat peruntukan sama dengan wakil rakyat Pakatan Harapan? Pada pandangan saya, setiap Wakil Rakyat sama ada dari parti kerajaan ataupun pembangkang seharusnya mendapat peruntukan yang sama rata.

Oleh kerana mereka semua dipilih oleh rakyat Malaysia dan tidak seharusnya berlaku diskriminasi kepada wakil rakyat pembangkang. Saya memohon penjelasan daripada kementerian, adakah semua wakil rakyat akan mendapat peruntukan yang sama? Saya tidak setuju terhadap peristiwa wakil rakyat lompat parti, maka saya juga ingin menggesa kerajaan supaya menggubal Akta Anti Lompat Parti dengan secepat mungkin.

Secara amnya, kebanyakan pengundi-pengundi kerana menyokong parti politik yang bertanding tetapi bukan calon politik berkenaan sahaja. Maka, kalau calon politik lompat parti

selepas menang akan mengecewakan pengundinya. Penggubalan Akta Anti Lompat Parti bolehlah memastikan kesetiaan dan integriti ahli parti politik supaya tidak mengkhianati parti dan mandat rakyat, bagi menjatuhkan kerajaan dan parti. Ini tidak bercanggah dengan kebebasan berpersatuan seperti yang termaktub dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Kalaulah seseorang calon politik itu bertanding dalam pilihan raya secara calon bebas dan bukan di bawah mana-mana parti politik dan menang, maka dia boleh menyertai mana-mana parti secara bebas atau secara tarik diri dari mana-mana parti. Ini kerana dia memang pilihan raya sebagai calon bebas. Rakyat memberi rakyat kepada dia kerana personalitinya.

Namun, kalaulah seseorang calon bertanding di bawah penerimaan watikah daripada sesuatu parti politik, maka calon itu terdapatlah ikatan dengan parti tersebut dan tidak boleh tarik diri atau menyertai mana-mana parti dengan sesuka hati selepas menang dalam pilihan raya. Ini bukan lagi soal hak kebebasan berpersatuan tetapi soal sabotaj dan derhaka yang bertentangan dengan prinsip demokrasi negara. Selain tindakan ini boleh mengakibatkan kejatuhan atau penggulingan sesebuah rejim kerajaan, kalau calon ini tetap berhasrat hendak tarik diri daripada parti, maka kelayakan kemenangan kerusi Parlimen atau Dewan Negeri berkenaan wajiblah dibatalkan dan menjalankan pilihan raya semula.

#### ■1250

Sekiranya Wakil Rakyat memegang pendapat yang bercanggah dengan keputusan partinya, beliau bolehlah bersuara atau mengundi bantahan dalam Parlimen atau dengan Dewan Undangan Negeri. Beliau tidak perlulah tarik diri daripada parti yang menunjukkan pendirian politiknya. Maka pada pandangan saya kerajaan perlulah menggubal satu Akta Anti Lompat Parti dengan segera bagi mempertahankan prinsip demokrasi negara kita.

Penggubalan Akta ini tidak akan membawa apa-apa perbelanjaan tambahan terhadap belanjawan negara. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dan berharap agar huraian dan pencerahan yang saya kemukakan boleh dipertimbangkan oleh kerajaan secara mendalam. Saya sokong Belanjawan 2019. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Lee Tian Sing. Tepat pada masanya, terima kasih ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Dipersilakan.

**12.51 tgh.**

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh. Salam sejahtera... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Bermaksud, katakanlah Dialah Allah Yang Maha Esa. Allah yang menjadi tumpuan dan rujukan kepada keperluan manusia. Yang tidak beranak dan diperanakkan. Tidak ada satu pun yang sama kedudukan.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan bajet tahun 2019. Saya berada di antara dua gelombang perasaan. Pertama adalah perasaan harap. Kedua, perasaan takut. Perasaan harap, semoga bajet ini benar-benar berlaku dan dilakukan dengan sebaik-baiknya sebagaimana yang dibentangkan dan dirancang. Perasaan takut sekiranya bajet ini gagal dilaksanakan kerana mengingatkan amaran Allah Yang Maha Agung yang mentadbir seluruh alam ini, melalui firman-Nya... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Maksudnya, “Wahai orang-orang beriman, kenapa kamu kata apa yang kamu tidak buat? Besarlah kemurkaan di sisi Allah bahawa kamu mengatakan apa yang kamu tidak buat”. Kita doakan semoga bajet ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali marilah kita bersyukur kepada Allah, Yang di-Pertua dan Tuhan kepada seluruh alam dan insan yang menyediakan dan membekalkan segala sumber keperluan hidup sejagat dan yang membolehkan kita membuat bajet untuk memenuhi keperluan dan kesejahteraan hidup seluruh rakyat di seluruh negara. Untuk tahun 2019, Allah segala-galanya. Dari Allah datangnya segala-gala dan kepada Allah kembalinya segala-gala.

Tuan Yang di-Pertua terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan baharu yang menyediakan dan membentangkan bajet sulungnya bagi tahun 2019 yang merupakan bajet yang jauh lebih besar dari bajet tahun 2018 yang digelar sebagai ibu segala bajet. Sejumlah RM314 bilion diperuntukkan untuk dibelanjakan pada tahun hadapan. Meningkat 12 peratus berbanding dengan anggaran RM280 bilion bagi tahun 2018. Dari jumlah tersebut RM258 bilion akan dibelanjakan untuk tujuan mengurus iaitu bagi membayar gaji dan pencen, bayaran khidmat hutang perbekalan dan subsidi kepada rakyat.

Manakala untuk tujuan pembangunan sejumlah RM 55 bilion akan dibelanjakan dalam sektor ekonomi sosial, keselamatan, pentadbiran bagi membawa limpahan ekonomi dan kewangan yang lebih besar kepada negara dan rakyat. Untuk menampung perbelanjaan yang besar ini, kerajaan mengunjurkan kutipan hasil berjumlah RM260 bilion pada tahun 2018 yang disumbangkan oleh pungutan cukai langsung serta sumbangan PETRONAS sejumlah RM56

bilion termasuk dividen khas PETRONAS berjumlah RM30 bilion yang akan digunakan untuk melunaskan tunggakan bayaran balik Cukai GST dan Cukai Pendapatan yang berjumlah RM37 bilion.

Natijahnya kerajaan dijangka menanggung defisit mencecah RM52 bilion pada tahun 2019 ataupun 3.4 peratus pada KDNK. Di sebalik angka besar yang dimuatkan dalam bajet 2019, terdapat beberapa aspek makro ekonomi yang perlu diberi perhatian. Pertama, Bajet RM314 bilion ini merupakan rekod tertinggi perbelanjaan kerajaan sejak Malaysia mencapai kemerdekaan.

Kedua, Kerajaan Pakatan Harapan masih meneruskan *trend* perbelanjaan mengurus yang besar iaitu 82 peratus daripada keseluruhan bajet. Manakala perbelanjaan pembangunan mencatatkan nisbah 17 peratus dari keseluruhan bajet. Suatu nisbah yang sama seperti Bajet 2018.

Ketiga, jumlah perbelanjaan mengurus sudah menghampiri jumlah hasil kerajaan pada paras 99 peratus. Ini bermakna setiap hasil yang dipungut oleh kerajaan hanya cukup untuk menampung kos pengurusan kerajaan. Situasi ini adalah berisiko terhadap keupayaan fiskal sekiranya terdapat kenaikan kos di luar jangkaan atau kutipan cukai jauh lebih rendah daripada apa yang dianggarkan.

Sejauh mana Bajet 2019 ini mampu memacu pertumbuhan ekonomi, menurunkan kadar inflasi dan mengurangkan kadar pengangguran? Masih terlalu samar untuk menilai kesudahannya. Bajet yang julung kali dibentangkan oleh kerajaan baharu ini dilihat berada di garis permulaan yang baik, khususnya dalam aspek peningkatan tadbir urus yang selama ini menumbang kepada defisit berkembar dalam negara iaitu defisit Bajet Fiskal- *Fiscal Budget*, dan juga defisit kepercayaan- *trust deficit*, dengan izin.

Komitmen yang diberikan oleh kerajaan dalam membasmi rasuah dan penyalahgunaan kuasa serta meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran adalah perkara asas yang perlu dibudayakan. Bermula daripada kehendak politik- *political will*, dengan izin, yang ditunjukkan oleh pemimpin atasan sehingga ke peringkat yang paling bawah.

Tuan Yang di-Pertua, inilah rahsia kejayaan pentadbiran kerajaan PAS di negeri Kelantan. Sejak tahun 1990 sehingga sekarang yang ditunjukkan dengan ketinggian integriti oleh Menteri Besarnya, barisan EXCO dan ADUN serta jentera pentadbiran di peringkat pertengahan walaupun berhadapan dengan pelbagai halangan dan cabaran.

Usaha membasmi rasuah dan meningkatkan integriti ini memerlukan komitmen dan kejujuran semua pihak. Ia tidak cukup dengan ungkapan retorik dan nada sinis ketika

pembentangan bajet di Parlimen tetapi perlu diterjemahkan dengan aspek ketelusan oleh mereka yang kini berkuasa untuk meluluskan dan mengagihkan tender-tender besar kerajaan.

Sejauh mana kerajaan baharu tidak akan mengulangi budaya kerajaan lama. Hanya waktu yang akan menentukan... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Katakanlah, bekerjalah nescaya Allah akan melihat amalan kamu, Rasul-Nya dan juga orang-orang mukmin”...* *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Allah bersama dengan kamu di mana sahaja kamu berada dan Allah melihat apa yang kamu lakukan”.*

Tuan Yang di-Pertua, bajet tahun 2019 ini mempunyai kekuatannya yang tersendiri. Di waktu yang sama mempunyai kelemahan-kelemahan yang tertentu. Memang tidak dapat dinafikan bajet ini mempunyai banyak kekuatannya. Walau bagaimanapun, di sana terdapat kelemahan-kelemahan yang agak ketara. Soalnya, kenapa hal ini boleh berlaku?

Pertama, tiada peruntukan khusus untuk pembangunan Pantai Timur terutama negeri-negeri yang masih ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri di Pantai Barat...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, boleh minta tangguhkan dan disambung.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Okey, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang telah pukul 1 lebih. Sekarang saya tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]*

■1430

*[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaaatuh*, salam sejahtera. Sekarang kita sambung yang sebelum kita berehat tadi.

Diminta Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa, ada lagi enam minit. Sila.

**2.32 ptg.**

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sambung ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum bahawa bajet ini mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri. Kelemahan yang pertama ialah tiada peruntukan khusus untuk pembangunan Pantai Timur terutama negeri-negeri yang ketinggalan berbanding dengan negeri-negeri di Pantai Barat.

Kedua, tidak ada peruntukan khusus untuk golongan petani, penoreh getah, pesawah padi dan lain-lain sedangkan dalam Bajet 2018 terdapat RM6.5 bilion bagi sektor pertanian, RM200 untuk penoreh getah pada musim tengkujuh, pesawah padi RM200 dan RM300 sebulan untuk nelayan. Subsidi baja padi dalam Bajet 2018 terdapat RM465 juta berbanding dengan Bajet 2019 RM23.5 juta dikurangkan hampir 50 peratus.

Bajet tahun 2019 juga FELDA disebut sekali dan hanya untuk peruntukan bagi menaik taraf jalan, projek sistem bekalan air dan memasang lampu. Bajet ini juga memperuntukkan RM47 juta untuk R&D produktiviti benih, bijirin dan buah-buahan. RM18 juta untuk automasi industri, agromakanan dan RM52 juta untuk pelaksanaan program keusahawanan dan latihan industri tani. Para pesawah padi dan juga penoreh getah adalah merupakan golongan yang sepatutnya diberi bantuan untuk membela nasib mereka dan sepatutnya diberi keutamaan dalam bajet ini.

Kelemahan yang ketiga ialah tiada suatu yang dapat menurunkan kos sara hidup rakyat.

Kelemahan yang keempat, penerusan bajet defisit walaupun negara mempunyai hutang yang tinggi.

Kelemahan yang kelima, kurang daya tarikan yang memacu ekonomi negara.

Kelemahan yang keenam, terus meluaskan jurang di antara golongan kaya dan miskin di mana orang kaya bertambah kaya dan orang miskin bertambah miskin. Atau dengan kata lain, orang miskin mati kelaparan, orang kaya mati kekenyangan.

Kelemahan yang ketujuh tidak dinyatakan secara jelas tentang jumlah keseluruhan peluang pekerjaan yang bakal diwujudkan sepanjang tempoh 2019 sedangkan jumlah para penganggur semakin bertambah. Para pengangguran di kalangan siswazah sahaja sekitar 240,000 orang.

Kelemahan yang kelapan, sistem ekonomi dan kewangan negara kita masih terjajah dan terbelenggu dengan sistem ekonomi riba di mana negara kita terpaksa membayar *interest* hutang sampai RM1 trilion.

Kelemahan yang kesembilan, Bajet 2019 juga terlalu bergantung pada keuntungan Petronas. Jika ekonomi buruk, maka ia akan memberi kesan negatif kepada Bajet 2019 dan sekali gus harga minyak amat sukar untuk diturunkan.

Berdasarkan bajet sulung Kerajaan baharu ini serta dasar dan polisi baharu kerajaan, berapa lamakah agaknya ekonomi negara dapat dipulihkan dan kejatuhan mata wang ringgit dapat dinaikkan semula serta peratus KDNK dapat ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan menerima peruntukan yang terbesar iaitu RM60.2 bilion daripada Bajet 2019. Dengan RM652 juta untuk menaikkan taraf dan menyelenggarakan sekolah. Dengan peruntukan yang besar ini, Kementerian Pendidikan diharapkan dapat mencipta sejarah baharu dalam membangun *deen* dan tamadun rakyat dan negara.

Berdasarkan falsafah pendidikan negara, Rukun Negara dan agama negara. Manusia tanpa mengira bangsa dan agama mestilah diasuh dan dididik menurut kehendak, cara dan acuan pencipta-Nya iaitu Allah yang Maha Agung, yang Maha Mengetahui tentang hakikat dan fitrah kejadian manusia serta tujuan manusia itu diciptakan. Metodologi pendidikan Ilahi dan Samawi sudah disediakan di dalam dua kitab Allah iaitu:

- (i) kitab Al-Quran yang mengandungi *ayatullah hirmaqrah* dan menjadi perlembagaan universal; dan
- (ii) *kitabulkaun* yakni kitab mengenai alam ini yang mengandungi *ayatullah hirmazurah*- ayat-ayah Allah yang dapat dilihat yang menjamin kejayaan dan kesejahteraan hidup manusia sejagat di dunia ini dan di akhirat nanti.

Contoh amali pendidikan Ilahi dan Samawi ini dapat dipelajari menerusi tafsir amali kehidupan Nabi Muhammad SAW dan para sahabatnya. Manusia mesti diasuh dan dididik supaya mengenal Allah, tuhan yang mencipta manusia dan mencipta seluruh alam ini dengan segala kemudahan demi kepentingan hidup manusia pelbagai bangsa, agama dan budaya.

Manusia juga mesti dididik, diasuh dengan semua ilmu alam bukan sahaja ilmu alam nyata ini, malah ilmu alam ghaib terutama alam yang terakhir, *the last world* alam akhirat yang menjadi siri dan destinasi kehidupan yang terakhir yang terdapat padanya dua masa depan yang sedang menunggu semua manusia iaitu syurga dan neraka berdasarkan iman dan amalan masing-masing.

Seluruh alam ini dengan segala apa yang ada padanya baik di langit dan di bumi, di laut dan di darat adalah merupakan pameran agung Allah SWT untuk memperkenalkan dirinya

siapa itu Allah dan siapa itu manusia dan apakah hubungannya dengan Allah dan hubungannya dengan alam ini dan juga dengan alam yang terakhir ini... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] “Dan negeri akhirat itulah yang lebih baik dan lebih kekal”.*

#### ■1440

Tuan Yang di-Pertua, kerosakan manusia, penyalahgunaan manusia, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan dadah dan lain-lain penyalahgunaan semuanya berlaku adalah disebabkan oleh buta ilmu tentang Allah dan hal-hal yang berkaitan dengannya serta buta ilmu akhirat yang mengakibatkan manusia itu tidak beriman dan tidak bertakwa kepada Allah, tidak berintegriti dan tidak beramanah, tidak mengambil kira halal dan haram, baik dan buruk sama ada dari segi undang-undang agama dan juga undang-undang negara.

Soalnya, sejauh manakah tumpuan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan dalam hal ini?...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan yang saya ingin kemukakan dalam kesempatan yang terakhir dalam ucapan saya ini.

Pertama ialah saya ingin bertanya tentang masalah Institut Pendidikan Guru Kota Bharu yang saya kemukakan dalam ucapan saya semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Keselelas yang lalu. Saya tidak menerima apa-apa jawapan daripada pihak Kementerian Pendidikan yang mana Yang Berhormat Menteri berjanji untuk memberi jawapan secara bertulis.

Kedua, saya juga ingin menyampaikan rintihan dan rayuan para pelatih yang ditempatkan di hospital dan juga pejabat-pejabat kerajaan di mana mereka bekerja bertungkus-lumus siang dan malam seperti kakitangan kerajaan tanpa sebarang bayaran walaupun dalam bentuk sagu hati, hadiah atau sebagainya. Besarlah harapan mereka semoga kerajaan mendengar rintihan mereka ini dan memberi pertimbangan yang sewajarnya demi untuk membantu sara hidup mereka sebelum mereka mendapat pekerjaan yang tetap.

Seterusnya mengenai pelajar yang dipecat di semua peringkat pengajian. Di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT, di peringkat ijazah pertama, ijazah sarjana dan ijazah PhD. Apakah program alternatif atau pendidikan khas untuk mereka yang kurang bernalasib baik ini? Jika sampah pun boleh di kitar semula, bagaimana pula dengan pelajar-pelajar yang gagal dalam peperiksaan dan dibuang dari pengajiannya.

Soalan saya ialah, berapakah jumlah pelajar yang gagal dan dibuang daripada pengajiannya di semua peringkat pengajian setakat ini?

Akhir sekali, saya juga ingin menyatakan sehingga kini tiada jaminan. Ini berkenaan dengan Kementerian Kesihatan. Sehingga kini tiada jaminan status tetap dalam perkhidmatan awam untuk graduan perubatan yang bekerja sebagai doktor pelatih. Status jawatan kontrak adalah tidak setimpal dengan komitmen kerja yang dihadapi oleh para doktor pelatih. Ini kerana banyak kelebihan yang tidak dapat dinikmati oleh mereka seperti cuti tanpa gaji, kemudahan pinjaman kerajaan dan faedah persaraan.

Prestasi khidmat rawatan yang lemah dan lambat disebabkan oleh faktor kekurangan fasilitet asas hospital kerajaan seperti wad yang kecil dan berhaba, tidak dapat menampung jumlah pesakit yang ramai, kemudahan pesakit seperti tandas, ruang solat, katil pesakit, tempat rehat tidak diselenggarakan dan *maintenance* dengan baik.

Kekurangan jumlah mesin rawatan asas yang penting memburukkan lagi prestasi khidmat rawatan hospital kerajaan. Kuantiti dan kualiti ubat dikurangkan kerana faktor bajet terhad.

Akhir sekali, hak kebijakan para doktor dan jururawat yang terabai. Kebanjiran pesakit melebihi doktor dan jadual syif kerja yang panjang telah mengabaikan hak asasi mereka mendapat waktu rehat asas untuk makan, rehat dan solat. Perhatian kerajaan sangat kritikal dalam membantu hak asasi doktor.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja apa yang dapat saya sampaikan dan akhir sekali saya menyokong Bajet 2019. *Wallahuaklam. Wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad bin Mustafa. Terima kasih.

Saya jemput pula Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin. Dipersilakan Yang Berhormat.

## 2.46 ptg.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Ucapan penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai seluruh kementerian kerana bertungkus-lumus menyediakan Bajet 2019 dan dibentangkan dengan jayanya di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh beberapa perkara yang belum disentuh lagi kerana banyak rakan Yang Berhormat Senator telah menyentuh tentang bajet ini tidak menyeluruh, tidak menyentuh kepada golongan luar bandar, golongan bumiputera dan sebagainya. Saya kira tidak perlulah saya sentuh perkara-perkara tersebut.

Perkara pertama yang ingin saya kemukakan adalah berkenaan dengan perincian sebenar anggaran pendapatan kerajaan bagi kod 75100 dan kod 75200 yang mana perincian hasil dan faedah pelaburan-pelaburan di institusi kewangan di bawah perkara 75102 yakni Bank Pertanian, 75103 Bank Pembangunan, 75104 Bank Kemajuan Perusahaan, 75107 Perbadanan Pelaburan Malaysia Kuwait dan 75199 Lain-lain Pelaburan tidak diberikan perincian di dalam bajet buku yang baru ini jika dibandingkan Laporan Anggaran Bajet 2018.

Begitu juga apabila saya lihat dalam Bajet 2019 ini, kod-kod seperti 75207 yakni PERNAS, 75209 Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn Berhad, 75226 IJN, 75227 Percetakan Nasional, 75230 Amanah Raya dan 75233 FELCRA yang diperincikan dalam bajet yang baru ini hanyalah 75213 iaitu Petronas dan 75231 yakni KHAZANAH.

Maka oleh itu, saya mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk memberikan perincian bagi hasil-hasil yang disebutkan tadi dan saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan, mengapakah pada Buku Tinjauan Fizikal dan Anggaran Hasil Persekutuan 2019, perincian hasil yang diterima daripada pelbagai agensi-agensi milik kerajaan tidak dinyatakan secara jelas dan apakah kegagalan untuk menyatakan perincian ini merupakan satu kecuaian atau ketidaktelusan kerajaan dalam membuat pelaporan kedudukan semasa kewangan negara kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan pengisytiharan harta. Fokus utama Kerajaan Pakatan Harapan dalam mereformasi institusi dan memberikan penekanan khusus kepada aspek integriti dan ketelusan amat dialu-alukan. Justeru, langkah SPRM mewajibkan anggota pentadbiran kerajaan meliputi barisan Kabinet, Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara kerajaan, pegawai-pegawai Jemaah Menteri dan Timbalan menteri mengisytiharkan pendapatan bulanan dan jumlah harta pemilikan semasa serta dipaparkan di portal Mydeclaration SPRM merupakan bukti janji ditepati.

Walaupun begitu, saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan mengapakah kerajaan tidak menetapkan satu tempoh masa tetap bagi kewajipan barisan Kabinet, Ahli Parlimen kerajaan serta pegawai-pegawai Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri mengisytiharkan harta mereka. Ini dibimbangi jika tempoh masa tidak

diberikan, ia akan menggugat integriti dan ketelusan kerajaan menjayakan agenda reformasi institusi ini.

■1450

Seterusnya bagaimanakah penentu ukuran semakan SOP yang diguna pakai SPRM dalam menentu sahkan nilai pendapatan dan harga semasa harga agar nilai sebenar yang diisyiharkan benar-benar sama dengan penerimaan pendapatan semasa atau nilai harga yang diisyiharkan. Sejauh manakah kerajaan memastikan pelantikan pegawai-pegawai Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Yang Berhormat Timbalan Menteri disaring dan diwajibkan mengisyiharkan pendapatan dan harta agar integriti mereka ini tidak menggugat kewibawaan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang institusi penjara dan koreksional. Pada tahun 2019, KDN dianggarkan akan membelanjakan sebanyak RM892.6 juta bagi membiayai operasi institusi penjara dan koreksional berbanding dengan RM861.34 juta pada tahun 2018. Manakala bajet pembangunan iaitu RM140.1 juta diperuntukkan bagi pembangunan bangunan penjara, pusat latihan penjara, langkah keselamatan penjara dan pembaikan.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri KDN, bahawa sejauh manakah program pertukaran banduan asing antara negara-negara serantau agar beban kewangan kerajaan dapat dikurangkan. Ini kerana baru-baru ini pun saya sudah terbaca dalam *statement* di surat khabar bahawa kenaikan ataupun banyak wang telah dibelanjakan ke atas institusi penjara ini. Majoriti atau banyak jumlahnya adalah merupakan di kalangan daripada banduan asing.

Maka saya hendak bertanyalah bagaimana program pertukaran banduan asing di antara negara-negara serantau agar beban kewangan kerajaan tidak dikurangkan. Saya tidak ingat berapa yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari. Akan tetapi jutaan ringgit jugalah yang dihabiskan kepada - dan jumlah banduan asing itu ramai dekat penjara sekarang ini.

Keduanya berapakah statistik banduan sabitan warga asing yang didaftarkan menjalani hukuman penjara di seluruh negara dan sejauh manakah program koreksional melalui pendekatan kemahiran vokasional dan industri dapat menjana perolehan pendapatan kepada penjara pada tahun 2018 dan 2019 dan perincian mengenai pembangunan bangunan-bangunan tambahan penjara pada tahun 2019. Bagaimana langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil kerajaan agar warden dan pegawai penjara dapat menangani risiko keselamatan semasa mengendalikan banduan agresif?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pada masa kini, kes-kes melibatkan jenayah komersial, penyelewengan, rasuah dan pecah amanah banyak disiasat dengan menggunakan peruntukan Akta Pencegahan Penggubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil dari Aktiviti Haram 2001. Terdapat kes di mana proses penyitaan harta alih, wang ringgit dan dokumen berharga seperti mana yang digariskan dalam seksyen 31 akta ini tidak dipatuhi oleh pegawai penyiasat sebagaimana kehilangan wang oleh pelabur yang menetap di Kondominium Jalan U-Thant semasa penggeledahan polis pada September yang lalu.

Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah SOP bagi rampasan harta, duit tunai dan barang berharga direkodkan dan disahkan mengikut tatacara siasatan polis dan pertikaian tidak wujud apabila sesuatu kes rampasan polis tidak mematuhi kehendak Akta AMLA, seksyen 31. Bagaimanakah kerajaan menangani isu integriti dan ketelusan para pegawai semasa serbuan. Ini penting bagi memastikan sebarang pertikaian yang timbul tidak mendedahkan kerajaan bagi tuntutan bayaran pampasan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan isu ICPT di bawah Kementerian Tenaga, saya kira. Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM140 juta bagi membiayai program subsidi bil elektrik pada tahun hadapan. Selain itu mekanisme ICPT yakni *Imbalance Cost Pass-Through* yang mana kenaikan bahan api daripada 1 Julai hingga 31 Disember 2018 akan dilepaskan melalui ICPT dengan mengenakan surcaj pada pengguna bukan domestik.

Bagi pengguna domestik yang kurang 300 kilowatt, ianya tidak terjejas. Bagi pengguna domestik yang melebihi 300 kilowatt surcaj akan dibiayai oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah terkini Tabung Kumpulan Wang Industri Elektrik yang direkodkan pada 30 November 2018 dan sehingga 2018. Berapakah jumlah surcaj ICPT yang dikenakan kepada pengguna domestik melebihi 300 kilowatt ditanggung oleh Kumpulan Wang Industri Elektrik. Sejauh manakah unjuran kementerian agar kos bahan api tidak mengalami peningkatan pada tahun 2019?

Mekanisme ICPT tidak akan menyebabkan kos elektrik di sektor bukan domestik, tidak memberi kesan kepada kenaikan indeks harga pengguna. Ini kerana saya kira ICPT ini mekanismenya sangat penting kerana ianya sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pengguna kerana ICPT ini menentukan harga bahan mentah yang digunakan oleh syarikat-syarikat tenaga untuk menghasilkan tenaga. Maka kita hendak tanyalah macam mana soalan-

soalan tadilah banyak hendak tanya fasal duit, kan. Hendak kena baca laju sebab banyak bahas hari ini kan, Tan Sri.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan jalur lebar di kawasan luar bandar. Walaupun pagi tadi Yang Berhormat Menteri telah pun menjawab beberapa soalan saya kira jawapannya tidak menepati dan saya pun kurang faham apa yang dijawab. Akan tetapi saya hendak mengutarakan lagi beberapa perkara.

Pertama masalah perbezaan ketara harga jalur lebar bagi pengguna di kawasan luar bandar berbanding bandar menyebabkan jurang digital desa dan bandar tidak dapat dirapatkan untuk beberapa tempoh terdekat ini.

Ini adalah kerana harga pakej *TM Streamyx 8mpbs* berharga RM160.00 manakala *UNIFI 100 mbps* adalah RM129.00. Perbezaan harga ini telah mewujudkan banyak komen negatif daripada penduduk desa kepada TM dan menyebabkan nilai pasaran TM terjejas teruk. Baru-baru ini TNB telah memulakan projek rintis untuk membuat penawaran jalur lebar kerana TNB mempunyai hampir 12,000 kemudahan *cable fiber optic* bagi kerja-kerja pemantauan prestasi elektrik mereka. Oleh kerana penggunaan TNB ke atas *cable fiber optic* ini sangat minimum, maka amat sesualiah keupayaan jalur lebar ditingkatkan.

Soalan saya sejauh manakah, prospek yang ada pada rangkaian *cable fibre optic* TNB ini dapat disuai manfaatkan bagi tujuan penawaran khidmat jalur lebar di seluruh negara. Apakah kekangan mengenai pelesenan dan kawal selia jika sekiranya TNB dibenarkan menawarkan perkhidmatan jalur lebar kepada pengguna?

Oleh sebab jalur lebar TNB ini dia menyeluruh ke seluruh negara tetapi kalau kita tengok jalur lebar yang ada sekarang ini hanya menepati di kawasan bandar. Di luar bandar kebanyakannya masih *streamyx* lagi. Saya daripada Ledang yang tidak adalah kira jauh sangat daripada Kuala Lumpur ini, lebih kurang satu jam tetapi masih lagi menggunakan *streamyx* berbanding dengan Kuala Lumpur *UniFi, fiber optic* dan sebagainya. Maka kita hendak tanyalah sama ada *facilities* ataupun infrastruktur TNB ini akan diguna pakai ataupun cara-cara pengawalseliaan. Adakah TNB diberikan lesen supaya jalur lebar ini mencakupi juga dan dinikmati oleh golongan luar bandar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, semasa pembentangan Bajet 2019, kerajaan mengumumkan akan meneroka penerbitan REIT lapangan terbang bagi membiayai pembangunan lapangan terbang di seluruh negara. Apa yang membimbangkan kita, pada masa kini MAHB membiayai pembangunan *airport* di seluruh negara melalui penerbitan sukuk dan waran yang mana kos faedah pulangan ambang hanya empat peratus setahun. Ini

berbanding penerbitan REIT yang akan dilaksanakan oleh kerajaan yang mempunyai nilai faedah ambang minimum, ini *thresholder* adalah 6.25 peratus. *Minimum is 6.25 percent* berbanding dengan penerbitan sukuk oleh MAHB hanyalah empat peratus.

Justeru saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Menteri sebab perbezaan faedah ini adalah sangat tinggi.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri apakah dengan penerokaan REIT ini akan memberikan implikasi penurunan pasaran yang teruk kepada MAHB dan mungkin akan menjelaskan rating kredit MAHB kerana apabila REIT dilaksanakan kemungkinan penguasaan perniagaan MAHB sebagai operator lapangan terbang akan terjejas. Kita tidak mahu episod kegagalan *Malaysia Airlines* berlaku. *AirAsia* yang kecil muncul sebagai gergasi penerbangan di Malaysia.

#### ■1500

Bagaimanakah implikasi mengenai pegangan hak milik harta tanah yang dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan MOT apabila REIT *airport* ini dilaksanakan? Apakah kedudukan kewangan kerajaan sekarang amat kritikal dan kemampuan kerajaan dalam menaja jamin MAHB bagi memperoleh pasaran modal di pasaran terbuka lebih mencabar ekoran tekanan global industri penerbangan kini dan pengendalian rejim cukai baru, cukai pelepasan antarabangsa dan cukai pelepasan ASEAN bermula 1 Januari 2019.

Ingin saya simpulkan bahawa apabila penerbitan REIT ini dibuat oleh pihak kerajaan, dia akan mengurangkan bidang kuasa ataupun peranan MAHB selaku operator *airport* seluruh negara dan apabila REIT ini- persoalan utamanya sebenarnya kenapa sebenarnya MAHB ini tidak dibenarkan untuk menambah sukuk ataupun waran untuk membuat *airport but instead* kerajaan buat REIT untuk membina dan juga membaiki *airport*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dalam tinjauan ekonomi 2019 juga, pasaran eksport dan pasaran tempatan bagi minyak sawit mentah menunjukkan penurunan yang amat ketara pada 2018 berbanding 2017. Isu sawit ini memang saya rasa tiap-tiap hari ada orang sebut. Pada tahun ini Ogos, *volume* pengeluaran adalah 12.4 juta tan metrik dikeluarkan berbanding dengan 19.9 juta tan metrik 2017.

Nilai perolehan eksport 2017 adalah RM46.86 bilion berbanding tahun ini hanya RM23.73 bilion. Soalan saya kepada Kementerian Industri Utama, bagaimanakah peranan yang boleh dimainkan oleh kerajaan dalam mempromosi negara-negara bagi rakan dagangan utama Malaysia agar *volume* eksport ditingkatkan. Bagaimanakah kerajaan menangkis tohmahan dan provokasi curang pelobi minyak soya dan komoditi minyak lain agar isu *hygiene*,

isu kemasuhan hutan dan kelestarian hutan tropika tidak merencatkan harga komoditi minyak sawit Malaysia yakni *sustainability issue*...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta gulung ya.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Okey, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya, saya ingin bertanya hari itu Menteri pun pernah menjawab berkenaan dengan industri hiliran dan bagaimana kerajaan untuk mengkaji trend pengguna M40 sebab kita selalu cakap fasal B40 tetapi M40 ini untuk menggunakan atau menggalakkan mereka menggunakan minyak sawit.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan isu sekolah. Tidak banyak lagi isu ini. Berkenaan dengan isu pendidikan di Kementerian Pendidikan. Pendidikan masa depan yang kondusif dan sejahtera perlu ditekankan agar tekanan dan masalah sosial di kalangan pelajar-pelajar sekolah dapat ditangani secara berkesan dan bersama komuniti. Oleh itu sekolah satu sesi amat penting untuk dilaksanakan di seluruh negara agar masa memulakan pembelajaran dianjak ke 8.30 pagi. Ini bagi memberi ruang kepada anak-anak tidur mencukupi dan bersarapan sebelum memulakan sesi pembelajaran.

Isu ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniahlah kepada Kerajaan Kelantan telah memulakan langkah untuk menggalakkan sekolah-sekolah memulakan persekolahan pada jam 8 pagi. Ini kerana kita tengok Tuan Yang di-Pertua, isu kanak-kanak ini, anak-anak kita pergi sekolah seawal pukul 7.20 pagi sudah kena ada dekat sekolah. Maknanya ibu bapa terpaksa bangun pukul 6 pagi, 5 pagi, ada yang di kawasan-kawasan bandar anak kena bangun pukul 5 pagi, pukul 6 pagi hendak hantar ke sekolah.

Kita dapat bahawa banyak kajian-kajian di luar negara *if I can quote* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, sebagai contoh, "*In American academy of pediatrician issued a police statement recommending that middle and high school start not earlier than 8.30 am as an effective means of addressing the serious public health issues of insufficient sleep adolescent*". Banyak lagi sebenarnya kajian-kajian, mungkin pihak kementerian sendiri boleh semak seperti di *University of Minnesota*, mendapati bahawa banyak kajian apabila pelajar ini memulakan pelajarannya seawal 8 pagi berbanding dengan 7.20 pagi ini.

Banyak kesan-kesan positif seperti *improve attendance of enrollment rate and then less sleeping in class* dan malahan dari segi ekonomi impak pun yang dilaksanakan pada tahun 2017 oleh *Rent Corporation* menunjukkan bahawa *impact of delaying early school hours is more cost effective*. *I think* kementerian boleh lagi banyak mengkaji banyak kajian-kajian dilaksanakan malahan kalau kita tengok baru-baru ini saya rasa tahun lepas saya ada terbaca

di sekolah di Singapura yang mana dia menganjukkan masa persekolahan 30 minit kemudian daripada bermula 7.30 pagi tetapi sekolah bermula pada 8 pagi dan mendapat bahawa banyak kesan-kesan positif terhadap pembelajaran anak-anak dan juga penglibatan anak-anak, murid di sekolah.

Maka saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan isu persekolahan adakah kerajaan pertama, apa yang berlaku kini apabila KSSR dan KSSM mula dilaksanakan, kelas pembelajaran bermula seawal...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta digulungkan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Ya, ya ini *last* sekali. Seawal 7.30 pagi ini semestinya memerlukan anak-anak bangun seawal 5.45 pagi.

Maka persoalan saya, sejauh manakah kementerian komited untuk menasarkan semua sekolah beroperasi dalam satu sesi sebab saya kira ada 8,000 lebih dekat 9,000 sekolah satu sesi. Sejauh manakah semua sekolah beroperasi satu sesi, bagi memulakan pembelajaran agar dilewatkhan ke jam 8 ataupun 8.30 pagi. Adakah sekolah-sekolah yang beroperasi satu sesi boleh memilih untuk melewatkhan masa mula pembelajaran 8 atau 8.30 pagi dan bagaimanakah kementerian menangani masalah kurang tumpuan akibat kurang atau tidak cukup tempoh masa tidur.

Oleh sebab saya kira ini adalah sangat penting kerana banyak anak-anak kita yang kadang-kadang kalau keluar pagi, pukul 6 pagi solat subuh tertinggal. Kemudian banyak anak-anak kita yang seawal berusia Tahun 1 ini tinggal sekolah tidak makan pagi, tidak sarapan sebab tidak sempat anak, ibu bapa berkejaran.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *last* sekali berkenaan dengan sekolah di Putrajaya, penting Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab saya menerima rungutan daripada kalangan pendudukan dan juga pekerja di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya kerana bilangan sekolah di Putrajaya tidak dapat menampung keperluan pekerja dan penduduk di Putrajaya.

Rata-rata ibu bapa yang merungut isu ini kerana kebanyakan mereka yang bekerja di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dinafikan hak untuk mendaftarkan sekolah jika sekiranya mereka tidak tinggal di komuniti kejiranan Putrajaya. Kementerian Pendidikan perlu sedar bahawa betapa pentingnya pekerja di Putrajaya mendaftarkan anak mereka berdekatan dengan tempat kerja kerana mereka perlu memberikan perhatian dan respons segera terhadap kebijakan dan keselamatan anak mereka.

Selain itu, kos bayaran transit yang lebih murah memerlukan semua individu bekerja di Putrajaya untuk menyekolahkan anak mereka di sekitar Putrajaya. Oleh itu, saya mohon penjelasan Kementerian Pendidikan, apakah Kementerian Pendidikan menjalankan bincian bagi mengetahui unjuran sebenar kapasiti *enrollment* pelajar di sekolah rendah dan menengah bagi memenuhi keperluan penduduk dan pekerja di Putrajaya walaupun mereka mungkin tinggal berdekatan di Putrajaya seperti di Puchong, Dengkil, Cyberjaya ataupun Serdang.

Bagaimanakah Bahagian Pembangunan Pendidikan, Kementerian Pendidikan memberikan perhatian serius kekurangan infrastruktur kelas dan sekolah di Putrajaya agar masalah kekurangan infrastruktur ini ditangani segera dengan membina lebih banyak sekolah dalam kadar segera menjelang 2019 dan 2020.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, isu ini memang sangat kritikal kerana banyak ibu bapa yang bekerja di Putrajaya tidak tinggal di Putrajaya, tidak dapat hantar anak sekolah kerana pihak kementerian, pihak jabatan mengehadkan hanya mereka yang mempunyai alamat di Putrajaya sahaja yang boleh mendaftarkan ataupun meletakkan anak mereka di Putrajaya. Sedangkan semakin banyak pejabat dibuka, semakin banyak ibu bapa ataupun pekerja Putrajaya yang dahulu tinggal di Putrajaya berpindah membeli rumah luar daripada kuarters *government* di Putrajaya tetapi bekerja di Putrajaya tidak dapat menempatkan sekolah anak mereka di Putrajaya. Saya mohon pandangan dan juga pendapat daripada pihak kementerian. Sekian sahaja saya mohon. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih banyak Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Hj Mohd Nordin.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram. Dipersilakan.

## ■1510

### 3.10 ptg.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salam sejahtera dan salam hormat.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November 2018.

Sesungguhnya, ini merupakan bajet sulung yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, di mana harapan rakyat yang tinggi menggunakan agar bajet ini akan meletakkan

Malaysia pada kedudukan yang mantap serta mengambil kira kemakmuran rakyat jelata. Justeru, kerajaan harus lebih telus dalam membuat perbelanjaan terhadap pendapatan serta hasil dalam negara melalui komoditi minyak, cukai pendapatan individu dan korporat, cukai SST dan sumber-sumber lain yang menjana hasil negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membahaskan tentang apakah inisiatif yang diambil oleh kerajaan bagi membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat India supaya masyarakat India turut terbela di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan. Apabila saya meneliti teks ucapan Bajet 2019 sepanjang 96 muka surat, perkataan India hanya wujud di tiga tempat sahaja.

Adakah ini menjadi indikator bahawa masyarakat India tidak terbela oleh Kerajaan Pakatan Harapan? Dalam masa yang sama, jikalau kita imbas kembali pembentangan bajet di bawah Kerajaan Barisan Nasional, pelbagai usaha telah diambil untuk memartabatkan masyarakat India supaya mereka juga turut bersama dengan kaum-kaum yang lain untuk menikmati arus pembangunan yang adil dan saksama. Usaha untuk meningkatkan taraf hidup kaum India harus dijadikan fokus penting bagi memastikan jurang sosioekonomi antara kaum dikurangkan bagi menghargai jasa dan pengorbanan kaum India dalam aspek pembangunan negara selama ini.

Saya menyambut baik usaha kerajaan untuk meneruskan peranan agensi Unit Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (SEDIC) bagi melaksanakan program-program yang boleh menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat India. Akan tetapi komitmen kerajaan untuk menyediakan peruntukan melalui agensi ini tidak dijelaskan secara terperinci dalam pembentangan Bajet 2019.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan, apakah mekanisme yang digunakan oleh kerajaan untuk menggunakan peruntukan RM100 juta yang dikhaskan bagi masyarakat India?

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional telah melaksanakan program yang banyak untuk membantu kaum India di negara ini. Dalam bidang keusahawanan, bantuan melalui Skim TEKUN dan Amanah Ikhtiar yang telah membantu, khususnya golongan kaum India B40 bagi meningkatkan taraf hidup mereka melalui perniagaan dan industri kecil. Saya ingin menyeru kepada pihak kerajaan supaya peruntukan yang disalurkan melalui Skim TEKUN juga disalurkan kepada kaum India yang memerlukan.

Selain daripada itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan tentang status pelaburan dalam Skim Amanah Saham 1Malaysia. Di mana

Kerajaan Barisan Nasional telah menyediakan sebanyak 1.5 bilion unit saham untuk masyarakat India. Cadangan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menyediakan dana khas sebanyak RM4 bilion bagi pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat India, khususnya daripada kumpulan isi rumah berpendapatan rendah untuk tempoh masa sepuluh tahun yang akan datang adalah sesuatu yang dialu-alukan. Memang kita setuju dan juga gembira mendengar masyarakat India mendapat RM4 bilion.

Akan tetapi saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Waytha Moorthy yang mewakili masyarakat India di Jabatan Perdana Menteri. Apakah mekanisme yang dikenal pasti untuk menyalurkan bantuan ini kepada masyarakat India? Adakah pelan tindakan *Malaysian-India Blueprint* (MIB) yang dicadangkan oleh Barisan Nasional akan diteruskan atau ditukar mekanisme dan sebagainya dalam usaha memperkasakan masyarakat India?

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan salah satu aspek yang penting dalam melahirkan warganegara yang berilmu dan berakhhlak mulia, di mana mereka boleh memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara yang tercinta ini. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menyediakan peluang pendidikan yang saksama kepada semua anggota masyarakat di negara ini. Kementerian Pendidikan harus bertindak secara proaktif bagi menyelesaikan isu-isu yang timbul, khususnya di sekolah jenis kebangsaan Tamil di Malaysia.

Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, khasnya Menteri Pendidikan, untuk menjelaskan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menukar status sekolah jenis kebangsaan Tamil yang berada di bawah Skim Bantuan Modal ke Bantuan Penuh.

Selain daripada itu, adakah Kementerian Pendidikan Malaysia sudah mengenal pasti sekolah kurang murid (SKM) di sekolah jenis kebangsaan Tamil? Apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi isu ini?

Tuan Yang di-Pertua, bagi melahirkan masyarakat India yang baru, yang lebih berdaya saing dalam pendidikan, ekonomi dan sosial, Kerajaan Barisan Nasional ketika itu telah meluluskan pembinaan tujuh buah sekolah Tamil berlesen yang baru di seluruh negara.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk menyatakan status pembinaan sekolah-sekolah tersebut dari segi sekolah yang sudah siap berfungsi, sekolah yang dalam fasa pembinaan dan akhir sekali, sekolah yang masih belum dibina. Kerajaan Barisan Nasional juga telah meluluskan peruntukan sebanyak

RM4 juta untuk projek di lokasi di negeri Kedah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah.

Setakat ini saya dapat masih belum nampak apa-apa perkembangan tentang projek ini, di mana salah satu syarikat perumahan, OSK telah pun memberikan tiga ekar tanah percuma untuk projek ini. Selepas Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan, tidak ada apa-apa dan belum nampak perkembangan sekolah tersebut.

Perkara seterusnya adalah saya ingin mendapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai status pelaksanaan kelas pra-sekolah yang telah pun dibina semasa Kerajaan Barisan Nasional di SJKT di seluruh negara.

Saya juga ingin memohon maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan tentang adakah dasar pengambilan 1,500 orang pelajar India ke politeknik, 2,200 orang pelajar India ke program matrikulasi dan pengambilan tujuh peratus pelajar India untuk universiti awam akan dilaksanakan di bawah Kerajaan Pakatan Harapan? Ini penting bagi masyarakat India dalam usaha untuk mewujudkan satu keadaan yang baik di negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu zaman pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional, kita ada seorang Timbalan Menteri daripada kaum India yang mewakili kaum India di Kementerian Pendidikan Malaysia. Sehubungan dengan itu, banyak masalah dibawa terus kepada beliau dan dapat diselesaikan dengan mudah.

#### ■1520

Akan tetapi, kini tidak ada wakil daripada masyarakat India yang memegang jawatan Timbalan Menteri di Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaupun Menteri Pendidikan sering kali menyatakan bahawa beliau merupakan Menteri untuk semua sekolah tetapi adalah sukar untuk beliau untuk mengikuti perkembangan sekolah-sekolah Tamil di seluruh negara. Oleh itu, saya mencadangkan kerajaan harus melantik seorang kalau ada kabinet *reshuffle* untuk melantik seorang Timbalan Menteri di kalangan masyarakat India di Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kedutaan Kerajaan India, soalan ini saya telah pun bertanya pada masa dahulu tetapi tidak mendapat jawapan iaitu mengumumkan kadar baru untuk permohonan visa ke negara India yang dinaikkan sebanyak 60 peratus. Perkara ini secara langsung telah membebankan masyarakat bukan masyarakat India sahaja, masyarakat Cina, masyarakat Melayu yang mahu melawat ke negara India, melancong ke negara India pelbagai tujuan. Untuk itu, saya meminta Perdana Menteri adakah sebarang usaha diambil untuk berbincang dengan Kerajaan India bagi mengurangkan kadar permohonan visa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan senantiasa menasihatkan rakyat untuk membuat perbelanjaan secara berhemah. Dalam pada itu, saya ingin membangkitkan satu isu di mana pelanggan-pelanggan *AirAsia* yang ingin menghubungi syarikat penerbangan ini melalui *customer call center* bagi melakukan sebarang perubahan yang dikenakan caj panggilan sebanyak RM1.95 setiap minit.

Seperti mana kita sedia maklum, biasanya untuk mendapatkan perkhidmatan untuk berbual dengan pegawai yang berkaitan, kita terpaksa melalui beberapa peringkat untuk memilih saluran yang dikehendaki. Sudah tentu langkah ini juga akan mengambil masa yang panjang sebelum pelanggan disambungkan dengan pegawai yang bertugas.

Masa caj panggilan yang terpaksa ditanggung oleh seseorang pelanggan, pernah mencecah puluhan ringgit dan ini sesuatu yang tidak adil sama sekali. Walaupun pihak *AirAsia* menyediakan pilihan lain untuk berurusan dengan perkhidmatan pelanggan, saya rasa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan harus meneliti serius perkara ini.

Oleh yang demikian, saya minta Yang Berhormat Menteri Pengangkutan untuk melihat perkara ini dengan serius. Sebenarnya tambang sahaja yang murah, itu pun di luar musim cuti. Akan tetapi, perkhidmatan tersembunyi yang lain adalah sangat mahal. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram.

Dan sekarang saya jemput pula iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip. Dipersilakan.

### 3.23 ptg.

**Dato' Zahari bin Sarip:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada ayahanda Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara kerana memberi peluang untuk saya bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba untuk mempercepatkan perbahasan saya dan cuba untuk tidak menyebutkan perkara-perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat Senator lain kerana untuk mengejar masa 15 minit ditetapkan, *insya-Allah*.

Secara keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 menunjukkan peningkatan sebanyak 12.2 peratus berbanding Belanjawan 2018 iaitu RM282.25 bilion pada

tahun 2018 kepada RM316.55 bilion pada tahun 2019. Peningkatan ini menimbulkan persoalan adakah kerajaan benar-benar terhimpit dengan beban hutang seperti yang digembar-gemburkan selepas mengambil alih pentadbiran negara? Apa pun kita merakamkan tahniah dan terima kasih atas bajet yang lebih besar ini.

Namun, apa yang menjadi persoalan dan pertanyaan kami adalah mengapa peningkatan Bajet 2019 ini diiringi dengan pemotongan dan pemberhentian insentif-insentif dan bantuan-bantuan kerajaan pada rakyat sebelum ini. Ambil contoh BR1M dan Bantuan Sara Hidup yang dikenakan semula diteruskan, tetapi dengan lebih rendah iaitu RM750 ke RM1,000 berbanding RM1,200 sebelum ini.

Bantuan Musim Tengkujuh yang sebelum ini berjumlah RM261 juta juga ditamatkan, subsidi elektrik bulanan pada golongan yang memerlukan diturunkan daripada RM114 juta kepada RM80 juta sahaja, penamatan Program *MyBrain*, peruntukan kepada Orang Asli atau JAKOA, peruntukan bekalan 2019 berjumlah RM111.9 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM115.5 juta iaitu kekurangan RM4 juta.

Manakala peruntukan pembangunan pula daripada RM56.5 juta pada tahun 2019 berbanding RM78.5 juta pada tahun 2018 iaitu kurang sebanyak RM22 juta. Saya juga mohon penjelasan oleh Menteri, adakah benar bahawa peruntukan MARA juga telah dikurangkan daripada RM3.5 bilion kepada RM1.3 bilion? Jika benar, mohon perincian daripada pihak Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya sudah tentu rakyat amat merasai pengurangan insentif serta bantuan ini terutamanya golongan B40. Banyak pihak telah menyatakan bantahan secara terbuka kesan daripada Bajet 2019 ini. Tuntutan-tuntutan kumpulan-kumpulan seperti mahasiswa, peneroka FELDA, pekebun kecil, nelayan dan sebagainya menjadi bukti bahawa mereka seolah-olah tidak menerima bajet yang dibentangkan ini. Adakah ini harga yang terpaksa mereka bayar selepas pengorbanan mereka dalam Pilihanraya Umum Ke-14 tempoh hari.

Saya ingin menyentuh berkaitan dengan golongan penoreh getah. Ketidaktentuan harga pasaran komoditi menyebabkan ramai penoreh getah merasa gusar, nasib serta kehidupan mereka termasuk ketika musim tengkujuh. Ia seolah-olah tidak mendapat perhatian langsung dari pihak kerajaan. Sebelum ini para penoreh getah telah dibantu melalui insentif Bantuan Musim Tengkujuh sebanyak RM200. Mungkin RM200 tidak besar bagi kita, tetapi ia sangat penting bagi golongan pekebun kecil dan penoreh getah. Ia sangat bermakna kerana

biasanya diperoleh pada hujung tahun dan boleh digunakan untuk membeli kelengkapan persekolahan anak-anak.

Namun perkara yang menyediakan kita adalah apabila kerajaan hari ini dengan mudah membatalkan insentif kepada penoreh getah ini. Kerajaan seolah-olah tidak mendengar rintihan kesusahan yang dihadapi oleh golongan penoreh getah ini.

Justeru, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah mekanisme lain yang digunakan oleh kerajaan untuk membantu para pekebun dan penoreh getah ini di musim tengkujuh? Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya mengkaji semula harga lantai getah dan meletakkan satu harga lantai yang lebih bersesuaian dengan kos sara hidup semasa bagi komoditi getah ini. Sudah tentu dengan adanya harga lantai yang lebih sesuai akan membantu para penoreh getah mendapat pendapatan yang sama seperti gaji minimum yang ditetapkan oleh kerajaan.

Kebimbangan peneroka pula terhadap kerajaan hari ini ternyata mempunyai asasnya. Peneroka FELDA bimbang kerana Belanjawan 2019 tidak menjelaskan bagaimana kerajaan dapat meningkatkan harga jualan kepala sawit yang semakin berkurangan sekarang hingga menjaskan pendapatan peneroka. Harga jualan sawit tidak mengalami peningkatan semenjak Kerajaan Pakatan Harapan memegang tumpuk pemerintahan. Malah, ia semakin menurun setiap bulan.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya ambil perhatian serius terhadap permasalahan ini. Kementerian seharusnya tidak mengambil sikap lepas tangan terhadap permasalahan ketidaktentuan harga sawit ini. Jika perkara ini berterusan, maka saya ingin mencadangkan agar kerajaan juga menetapkan harga lantai bagi penjualan sawit bagi menstabilkan pendapatan peneroka FELDA dan pengusaha kelapa sawit.

Berkaitan dengan kebijakan FELDA juga, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, mengapa sejak kebelakangan ini pembayaran wang sara hidup peneroka FELDA agak lewat berbanding sebelum ini? Ia menyukarkan para peneroka untuk mengurus kewangan dan perbelanjaan harian.

#### **▪1530**

Bayangkan Tuan Yang di-Pertua, Bayaran Sara Hidup untuk bulan November, sehingga pertengahan Disember ini masih belum diperoleh oleh para peneroka. Saya harap pihak kerajaan akan kembali membuat pembayaran pada setiap akhir bulan.

Perkara seterusnya saya menyentuh berkenaan kebijakan peneroka FELDA, saya mendapati terdapat banyak program serta inisiatif kerajaan terdahulu terhadap peneroka

FELDA yang tidak diteruskan lagi. Perkara ini sudah tentu akan mengecewakan warga FELDA. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, adakah dana khas kerajaan bagi bantuan kewangan dan pinjaman kepada anak-anak FELDA untuk meneruskan pengajian tinggi di peringkat sijil, diploma dan ijazah masih diteruskan lagi. Jika tidak, ia suatu yang mengecewakan dan adakah kerajaan bercadang mewujudkan program lain yang seumpamanya.

Saya juga ingin bertanya adakah kerajaan masih meneruskan cadangan pembinaan Rumah Generasi Kedua FELDA dan Pinjaman Membaiki Rumah yang sebelum ini dinikmati oleh peneroka untuk membaiki rumah-rumah yang telah uzur. Saya harap kerajaan tidak mengetepikan kebijakan para peneroka FELDA kerana sekian lama FELDA menjadi tunjang kepada ekonomi negara.

Seterusnya saya ingin menyentuh perkara berkaitan PTPTN. Kerajaan hari ini secara jelas telah gagal untuk mengotakkan janji manifesto pelajar sebelum ini. Pakatan Harapan telah berjanji bahawa peminjam PTPTN hanya akan memulakan bayaran balik pinjaman apabila mencecah gaji RM4,000. Sebaliknya, selepas menerajui tumpuk pentadbiran negara, mereka tidak dapat melaksanakan janji tersebut sebaliknya mewajibkan pula pemotongan gaji bermula pendapatan RM2,000.

Saya juga kurang setuju dengan kenyataan bahawa PTPTN gagal untuk mengutip bayaran balik pinjamannya sebelum ini sewaktu pemerintahan Barisan Nasional. Bagi saya, ia berlaku kerana hasutan para pembangkang ketika itu yang berjanji untuk memberikan perkhidmatan pendidikan percuma dan penghapusan hutang PTPTN. Namun setelah memegang tumpuk pemerintahan, janji mereka tidak ditepati.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Baucar Buku dan Kad Siswa pula. Saya ingin melahirkan sedikit rasa kekecewaan apabila pemberian Baucar Buku dan Kad Siswa tidak lagi diteruskan oleh Pakatan Harapan. Saya berpandangan penekanan terhadap pengukuhan ilmu mampu melahirkan masyarakat yang bermoral dan tidak hanya kaya dengan harta benda. Justeru, dengan memperkuatkan ilmu kita mampu melahirkan masyarakat produktif dan mempunyai integriti moral yang tinggi.

Justeru, saya ingin mencadangkan supaya pemberian Baucar Buku dan Kad Siswa ini diteruskan memandangkan ia satu inisiatif yang sangat baik terutama di awal sesi pembelajaran. Jika inisiatif Baucar Buku dan Kad Siswa yang diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu ini mempunyai kelompongan dalam pelaksanaannya, kerajaan hari ini seharusnya mengambil langkah memperbetulkan kelompongan tersebut dan bukan mengambil jalan mudah iaitu membatalkan pemberian Baucar Buku dan Kad Siswa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh dan bertanya kepada Kementerian Kerja Raya. Kerajaan sebelum ini telah bersetuju untuk membuat kajian dan pelaksanaan pelebaran dan naik taraf Lebuhraya Utara-Selatan terutama dari Melaka ke Johor Bahru. Ia penting Tuan Yang di-Pertua, kerana lebuhraya daripada Melaka ke Johor Bahru ini sangat sesak kerana ia hanya mempunyai empat lorong, iaitu dua pergi dan dua balik, terutama pada hujung minggu dan hari cuti.

Justeru, sudah tiba masanya lebuhraya ini di naik taraf dan dilebarkan daripada empat lorong kepada enam lorong iaitu tiga pergi dan tiga balik. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Kerja Raya adakah cadangan ini masih diteruskan? Jika ya, mohon dinyatakan status terkini berkenaan cadangan tersebut.

Saya juga ingin bertanya kepada kementerian berkenaan projek pelebaran Jalan Segamat-Tangkak yang masih belum siap sepenuhnya. Adakah benar belum ada peruntukan untuk Fasa 1A dan Fasa 4? Harap pihak kementerian dan kerajaan memandang serius projek jalan ini terutama projek Fasa 1A. Fasa 1A ini sangat penting kerana ia merupakan jalan utama masuk ke Bandar Segamat dari Muar, Tangkak dan Jementah. Ia sangat sesak terutama pada hujung minggu dan cuti umum hingga kadang-kadang kenderaan terpaksa beratur dua hingga tiga kilometer dengan mengambil masa satu jam untuk sampai ke bandar Segamat. Justeru saya mengharapkan agar Fasa 1A ini dipercepatkan peruntukan dan bajetnya.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan. Saya ingin penjelasan Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan projek pembinaan dua buah klinik kesihatan di Segamat yang telah diluluskan kerajaan sebelum ini. Pertama, Klinik Kesihatan Palong Timur dengan anggaran kos RM20 juta.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pembinaan Klinik Kesihatan ini sangat perlu. Ia bakal memberikan manfaat kepada lebih 7,000 penduduk yang merangkumi lebih 4,000 warga FELDA dan lebih 2,000 penduduk kampung tradisional yang berada di sekitar FELDA berkenaan. Sebelum ini kawasan ini hanya mempunyai sebuah klinik desa yang serba kekurangan. Keseriusan kerajaan dan kementerian untuk membina dan menyediakan kemudahan kesihatan di sini di zahir kan dengan menyediakan sebuah klinik sementara yang mempunyai kemudahan-kemudahan seperti klinik yang sebenar termasuk menyediakan khidmat doktor, jururawat dan ambulans.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana masih meneruskan perkhidmatan klinik kesihatan sementara ini. Cuma persoalan saya ialah bilakah Klinik Kesihatan Palong Timur yang sebenar ingin dilaksanakan?

Kedua, Klinik Kesihatan Jalan Muar, Segamat. Untuk makluman, Klinik Kesihatan Jalan Muar ini juga telah diluluskan oleh kerajaan dengan nilai RM40 juta. Ia sangat penting bagi masyarakat dan penduduk di dalam bandar Segamat yang semakin meningkat. Klinik kesihatan ini bakal menggantikan poliklinik sedia ada yang dilihat semakin tidak dapat menampung jumlah pesakit yang mendapat perkhidmatan di sini. Justeru saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah status projek pembinaan Klinik Kesihatan Jalan Muar ini? Adakah diteruskan atau ditamatkan?

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Dalam Negeri. Kita seharusnya berterima kasih kepada kerajaan kerana dari dahulu lagi kebajikan anggota polis dan KDN sentiasa dilihat dan diberikan perhatian. Namun, saya ingin menarik perhatian agar perlu juga dilihat kebajikan anggota polis yang bertugas di kawasan luar bandar dan pedalaman terutama dari aspek tempat tinggal dan tempat mereka bertugas. Saya difahamkan terdapat pondok-pondok polis yang dalam keadaan agak uzur yang perlukan pemerhatian dan pemberian.

Ada pondok polis yang bocor bumbungnya, ada yang pecah dan berlubang dindingnya selain daripada cat yang semakin pudar. Saya tidak pasti adakah ia menjadi tanggungjawab anggota di pondok berkenaan untuk membaikinya sendiri atau menjadi tanggungjawab jabatan dan kementerian? Namun saya fikir ia perlu dilihat kerana selain daripada keselesaan anggota, ia memberi imej kepada kementerian dan kerajaan.

Kepada KDN juga saya ingin bertanya berkaitan Balai Polis FELDA Palong Timur, Segamat. Untuk makluman, FELDA Palong Timur ini telah dibuka sejak lebih 30 tahun lalu dan ia mempunyai penduduk lebih kurang 4,000 orang. Namun yang menjadi persoalan, anggota polis yang bertugas di sini hanya seorang sahaja. Mana mungkin balai polis dan pondok polis hanya ada seorang anggota? Memang ada banyak alasan diberikan oleh pihak-pihak berkenaan sebelum ini. Namun saya mohon pihak KDN memberikan perhatian yang serius berkenaan perkara ini lebih-lebih lagi kawasan ini terletak berhampiran dengan kawasan panas, dalam rekod AADK.

Saya juga ingin menyentuh Kementerian Pelajaran Malaysia. Perkara yang sering berbangkit di kalangan guru-guru adalah berkaitan beban tugas guru. Setiap kali berubah Menteri, pasti perkara ini juga akan dibangkitkan. Perkara ini tidak terkecuali kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru. Yang Berhormat Menteri juga ada menyebutkan antara perkara yang bakal diselesaikan adalah berkaitan beban tugas guru ini.

Sesi persekolahan baharu akan bermula tidak lama lagi. Sudah pasti guru-guru sedang menanti-nanti apakah pendekatan kementerian dalam menangani isu ini. Maka saya mohon

penjelasan Yang Berhormat Menteri, apakah langkah kementerian dalam mengatasi masalah beban tugas guru ini?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada mengajar dan menjalankan aktiviti di sekolah, guru-guru juga akan terlibat dengan penghantaran pelajar ke aktiviti-aktiviti luar sekolah sama ada di peringkat zon, daerah mahupun negeri termasuk kebangsaan. Ia suatu yang terpaksa dilakukan oleh guru atas arahan pihak pentadbir atau pihak-pihak lain. Ada banyak kes di mana guru dan pelajar ini pernah terlibat dengan musibah kemalangan yang membawa kepada kecederaan, malah ada yang membawa maut.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta digulung ya.

**Dato' Zahari bin Sarip:** Baik. Dalam kes ini, guru-guru yang membawa pelajar ini akan dipersalahkan termasuk ada yang didakwa di mahkamah. Maka saya ingin penjelasan Yang Berhormat Menteri adakah pihak kementerian melihat dan mengambil kira perkara ini? Adakah guru-guru ini dilindungi seperti penyediaan peguam atau tanggung kos pembelaan? Saya juga ingin bertanya adakah pihak kementerian menyediakan bajet peruntukan khas dalam usaha penghantaran pelajar dalam program-program luar sekolah atau atas tanggungan sekolah masing-masing?

#### ■1540

Sebelum menamatkan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bersimpati dengan apa yang berlaku kepada usahawan-usahawan kecil di negara ini. Terutama selepas beberapa insentif yang ditamatkan, projek-projek pembangunan yang diberhentikan, yang merencatkan usaha pengembangan dan perwujudan usahawan-usahawan kecil dan sederhana.

Oleh sebab itu, kami amat terkejut apabila kerajaan mengambil tindakan pembatalan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). Alasan yang diberikan kerana kegagalan mematuhi syarat surat cara ikatan amanah dalam penubuhan anak syarikat.

Saya fikir semua pihak mengakui AIM satu program yang sangat baik dalam membantu usahawan kecil negara ini. Jika tidak, mana mungkin program ini diikuti oleh agensi Tekun Nasional yang mewujudkan program yang hampir sama iaitu Sahabat Tekun. Ia program yang hampir sama dengan program yang dijalankan oleh AIM. Untuk rekod, AIM telah membantu seramai 379,824 usahawan kecil melibatkan RM20.2 bilion dan ia sama sekali tiada masalah dalam urusan bayaran balik.

Di tempat saya sendiri, ada ramai yang berjaya memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka dengan program AIM ini. Sekali lagi, saya menyatakan kekesalan apabila

kerajaan mengambil keputusan menamatkan AIM ini. Soalan saya, adakah kementerian dan kerajaan bercadang mewujudkan program lain pula ke arah membantu usahawan kecil ini?

Tuan Yang di-Pertua, sebelum menamatkan perbahasan ini, saya ada dua pantun. Oleh sebab apabila Tuan Yang di-Pertua yang mempengerusikan, saya kena pantun.

*Dua tiga kucing berlari;  
Manakan sama si kucing belang;  
Apa lagi dicari-cari;  
Laksanakan amanah selepas menang.*

*Pulau Pandan jauh ke tengah;  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Elak sengketa elak telagah;  
Amanah rakyat perlu dijaga.*

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, kami harap, seluruh rakyat berharap agar bajet ini mampu dilaksanakan sepenuhnya. Di samping kita harap juga, kebijakan-kebijakan rakyat terbanyak dapat difikirkan semula. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Zahari bin Sarip. Mesej sampai ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, dipersilakan.

### **3.42 ptg.**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2019 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 2 November yang lepas.

Saya ingin merakamkan penghargaan atas komitmen kerajaan untuk membela nasib rakyat secara saksama bertepatan dengan semangat Malaysia baru yang lebih inklusif. Penghijrahan ke Malaysia baru hanya akan bererti apabila keadilan sosial terlaksana yang mana semua rakyat dalam negara berhak mendapat pembahagian kek ekonomi negara secara adil dan bertanggungjawab.

Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu serta kemampuan kewangan negara yang menguncup disebabkan oleh beban hutang yang menjadi liabiliti yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan, namun Kerajaan Pakatan Harapan berupaya mengumumkan peruntukan lebih tinggi bagi tahun 2019 tanpa membebankan rakyat. Manakala cukai tidak sihat dinaikkan seperti perjudian selain cadangan bayaran khas kepada penjawat awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membentangkan Belanjawan 2019 dengan nilai RM314.6 bilion. Peningkatan sebanyak RM32.3 bilion berbanding Belanjawan 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM54.7 bilion telah diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan mewakili 17.39 peratus daripada keseluruhan peruntukan Belanjawan 2019. Ia meningkat sebanyak RM8.7 bilion daripada peruntukan Belanjawan 2018.

Pertama Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkaitan dengan konsolidasi fiskal. Secara berperingkat, defisit 3.7 peratus tahun ini dijangka turun 2.8 peratus tahun 2021. Saya menyokong perkara ini. Ia adalah satu perkara yang penting dan mustahak kepada kita dalam memastikan kedudukan kewangan berada dalam landasan yang kukuh. Ia penting untuk memastikan mata wang kita kukuh, penting untuk pastikan ada wang yang lebih untuk dibelanjakan. Hendak mengukuhkan kewangan bagaimana? Pertama, tambah hasil. Kedua ialah kawal perbelanjaan itu secara ringkasnya.

Disebut juga dalam Dewan ini bahawa hutang 1MDB yang belum dilunaskan adalah berjumlah RM43.8 bilion dan kita hendak kerajaan jelaskan kepada rakyat, bagaimana hendak menyelesaikan hutang ini? Perlu diberikan penjelasan bukan sahaja kepada *rating agency*, tetapi juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara, juga kepada rakyat penjelasan yang senang difahami kenapa kita berada dalam keadaan sedemikian? Kenapa kontinjen liabilitinya RM118 bilion hutang 1MDB yang belum dilunaskan? Sejumlah RM43 bilion mengikut kerajaan, kerajaan perlu memberi penjelasan.

Seterusnya berkaitan RM37 bilion hutang *refund GST* yang belum dibayar. Juga berkaitan dengan hutang *income tax refund* yang belum dibayar. Ini semua menuntut supaya rakyat memahaminya kenapa kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk memastikan bahawa diperbetulkan kedudukan ini?

Saya faham bahawa *refund* adalah wajib dibayar dan dibayar segera sebab ini adalah *cash flow*. Isu *cashflow* kepada syarikat-syarikat dan juga individu-individu. Akan tetapi, adakah semua *refund* RM37 bilion ini telah disahkan dan perlu dibayar untuk tahun hadapan, 2019? Kita sedar bahawa *GST refund* ini perlu disegerakan kerana *GST* tidak lagi diguna

pakai. Akan tetapi, saya juga faham terutama banyak permintaan *refund GST* mungkin tidak benar berdasarkan penipuan atau kesilapan. Saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan menjelaskan sama ada semua *refund GST* sebanyak RM19 bilion ini perlu dibayar penuh ataupun angka tersebut mungkin lebih rendah daripada bajet yang dijangkakan.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan tentang *refund income tax* adalah lebih rumit. Mengenai pembayaran *refund income tax*, saya tertanya-tanya sama ada RM18 bilion ini adalah bayaran *refund* yang luar biasa atau tidak? Ini kerana pada amnya, apabila kerajaan membuat perkiraan hasil dari *income tax*, ia akan membuat perkiraan *gross income tax* tolak *refund* untuk mendapat *projected net income tax*, dengan izin. Adakah RM18 bilion ini satu *refund* yang luar jangkaan? Ini saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana isu tentang *refund* ini sangat penting. Ini kerana sebahagian besar dividen sebanyak RM54 bilion PETRONAS akan digunakan untuk bayaran balik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha memastikan transformasi sosioekonomi bagi Wilayah Sabah dan Sarawak, adalah wajar penggubal-penggubal dasar memastikan kepentingan rakyat kedua-dua wilayah tersebut sentiasa terpelihara. Dalam mentransformasikan pertumbuhan ekonomi Sabah dan Sarawak ke tahap yang lebih tinggi, bidang keusahawanan merupakan teras penting dan menyumbang kepada pengukuhan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun negeri Sabah telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, namun indikator ekonomi menunjukkan trend yang tidak menyenangkan iaitu kadar pengangguran terus meningkat dari 5.4 peratus pada tahun 2016 kepada 5.6 peratus pada tahun 2017. Berbanding kadar pengangguran seluruh Malaysia dalam lingkungan 3.4 peratus sahaja. Malah, kadar pengangguran belia di negeri Sabah iaitu yang berumur di antara 15 tahun sehingga 24 tahun adalah 13.5 peratus iaitu yang tertinggi di negara Malaysia. Oleh yang demikian, apakah perancangan kerajaan untuk menangani isu pengangguran negeri Sabah terutamanya pengangguran di kalangan belia?

#### ■1550

Saya juga ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan Yang Berhormat Menteri Kewangan menerangkan bagaimana peruntukan kepada negeri Sabah sebanyak RM5.09 bilion tersebut dapat memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah secara keseluruhannya?

Bercakap tentang soal Sabah, tidak syak jika saya tidak bercakap soal royalti. Pembentangan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak disebut tentang perkara royalti

minyak. Ia dilihat seolah-olah bukan lagi menjadi keutamaan kerajaan. Saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada kami Ahli Dewan Negara daripada Sabah, bilakah isu mengenai royalti minyak ini dapat diselesaikan? Keduanya, bilakah Sabah akan menerima 40 peratus daripada hasil negerinya seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 dan termaktub dalam Jadual Kesepuluh Perlembagaan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua, dengan peruntukan sebanyak RM2.46 bilion bagi kerja menaik taraf dan memulihara landasan kereta api untuk meningkatkan infrastruktur pengangkutan negara, saya mengambil kesempatan ini menarik perhatian pihak kerajaan bahawa kami dari Sabah, amat memerlukan landasan kereta api yang baharu dan canggih bagi membangunkan ekonomi di Sabah. Keadaan kami di Sabah, amat menyedihkan dan Kerajaan seharusnya dan mesti mengutamakan kami dalam agenda pembangunan dasar pengangkutan negara.

Masih dalam topik pengangkutan. Saya juga ingin menyentuh mengenai RM240 juta untuk memperkenalkan pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan membabitkan perkhidmatan tren dan bas selenggaraan RapidKL mulai 1 Januari 2019. Selain pas bulanan, RM50 tanpa had turut ditawarkan bagi penggunaan perkhidmatan bas RapidKL. Namun ia hanya akan dinaiki oleh penumpang 1,131 buah bas RapidKL, 408 buah bas Rapid Penang, 69 buah bas Rapid Kuantan dan 300 bas perantara MRT.

Ketika kami menyambut baik usaha ke arah menggalakkan penggunaan pengangkutan awam ini, kita juga berharap supaya kemudahan subsidi serupa dapat dinikmati oleh rakyat di negeri lain termasuk Sabah dan Sarawak. Justeru itu, saya ingin bertanyakan sama ada pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk memperluaskan perkhidmatan bas Rapid ke bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak bagi memberi lebih pilihan kepada pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkaitan dengan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia. Saya dapati program Bantuan Sara Hidup (BSH) adalah lebih berfokus berbanding program BR1M yang dahulu. Program BR1M sebelum ini terdapat banyak isu implementasi di mana kadang-kadang satu isi rumah boleh menerima dua hingga tiga BR1M. BR1M memang menjadi satu bahan politik semasa Kerajaan Barisan Nasional. Sekarang PH pula jadi kerajaan. Janganlah kita mempolitikkan lagi Bantuan Sara Hidup ini.

Saya juga ingin memberi pandangan bahawa *cash handouts* adalah program yang digunakan di banyak negara tetapi semestinya ada syarat. *Cash handouts should be conditional*, dengan izin, di mana penerima perlu memenuhi syarat untuk menerima bantuan.

Contohnya, memastikan anak kita pergi ke sekolah atau memastikan kita cuba mencari pekerjaan.

Oleh itu, saya minta kerajaan untuk memberi penjelasan, apakah *conditional terms* yang boleh diguna pakai atau ditambah baik untuk program BSH ini? Akan tetapi pada keseluruhannya, saya perhatikan dana BSH ini berkurangan sebanyak RM1 bilion berbanding dengan BR1M. Maknanya, Kerajaan Pakatan Harapan berhasrat pada tahun depan untuk melaksanakan pemberian bantuan wang ini lebih bersasar dan pada masa yang sama berjimat sebanyak RM1 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penjimatan RM1 bilion di atas program BSH ini, saya ingin mencadangkan agar RM1 bilion ini diberi kepada program-program kebajikan, peluang perniagaan dan kerjaya kepada golongan-golongan miskin di negara kita. Ini penting kerana kita tidak mahu mereka terus bergantung kepada pekerjaan pada masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, memberi bantuan kebajikan di sana sini sahaja, tidak menyelesaikan masalah keperluan pesara dan warga emas. Persoalan penting yang mesti kita tanya ialah, bagaimana kerajaan dapat membantu kehidupan dan kewangan populasi warga emas yang semakin meningkat ini supaya setiap orang yang telah berkhidmat untuk negara ini dapat menikmati kehidupan bersara yang baik?

Malaysia seperti kebanyakan negara mempunyai skim pencen. Contohnya tabung persaraan dan EPF, satu bentuk simpanan wajib untuk golongan pekerja tetapi sistem ini ada kelemahannya. Pertama, ia mengabaikan mereka yang bekerja sendiri seperti nelayan, peniaga-peniaga kecil dan petani. Ia juga mengabaikan golongan tanggungan seperti suri rumah dan OKU. Kelemahan kedua adalah kebanyakan pesara akan kehabisan seluruh simpanan EPF dalam masa 10 tahun atau selepas bersara. Dalam banyak negara-negara maju di samping skim pencen untuk kakitangan pekerja, terdapat juga skim pencen yang meliputi semua golongan di dalam negara.

Contohnya di Jepun, selain insurans, pencen kakitangan, semua rakyat yang berumur 20 tahun hingga 59 tahun diwajibkan untuk membayar satu jumlah tetap ke dalam sistem tabung pencen negara. Di bawah sistem ini, satu kategori pencen juga dicipta untuk mereka yang bekerja sendiri dan satu lagi kategori untuk tanggungan. Di negara Kanada juga, selain mempunyai *Canada Pension Plan* untuk pekerja, terdapat juga *OS Security Programme* kepada mereka yang layak. Program itu juga tidak memerlukan caruman dan ia ditanggung oleh kerajaan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, minta gulung ya.

**Datuk Ir. Yong Wui Chung:** Jadi di dalam semua negara maju ini, kehidupan majoriti warga emas mereka dapat dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara membangun mungkin tidak mampu membantu sebanyak seperti yang diberikan di negara maju. Namun, mengingatkan segmen besar populasi kita yang bekerja sendiri dan golongan tanggungjawab tanpa persediaan hari tua, hanya akan mengeruhkan lagi populasi warga emas yang bakal dihadapi Malaysia tidak lama lagi.

Oleh yang demikian, kerajaan perlu melihat mekanisme yang lebih menyeluruh seperti skim pencen yang meliputi semua golongan yang disumbangkan oleh kedua-dua pihak individu dan kerana yang bukan sahaja memberi persediaan kewangan kepada semua warga emas tetapi juga akan membantu mengurangkan beban pekerjaan di dalam menanggung populasi yang semakin dimakan usia ini.

Saya juga memohon penjelasan terperinci daripada kementerian iaitu pada tahun 2010, Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia telah dicipta untuk menampung golongan yang bekerja sendiri. Skim ini telah dijenamakan semula sebagai e-Saraan. Apakah status terkini skim tersebut? Saya khuatir sekiranya kumpulan sasar tidak sedar akan kewujudan skim tersebut. Namun saya berpendapat negara ini sedang bergerak ke arah yang betul di dalam mengiktiraf keperluan memberi pencen untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan juga Kabinet kerana bersetuju menarik semula moratorium ke atas beberapa akta yang dikaji semula khususnya SOSMA, POTA dan POCA susulan insiden rusuhan di Kuil Sri Mahamariamman, Seafield, Subang Jaya. Keselamatan negara mungkin terdedah kepada ancaman sekiranya tindakan seperti ini tidak diambil dan tiada dalam peruntukan perundungan sebagai mekanisme pencegahan. Saya secara peribadi bersetuju dengan akta seperti SOSMA, POTA dan POCA untuk diteruskan tetapi ia haruslah dipinda dan ditambah baik agar tidak disalahgunakan pada masa akan datang.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menghujung bahas saya untuk Bajet 2019 dengan menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2019 ini. Terima kasih.

■1600

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung. Terima kasih banyak ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Silakan.

#### 4.01 ptg.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Waalaikumsalam.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, ramai teman-teman sudah bercakap banyak perkara. Kalau mahu ringkas, saya sokong semua yang ada, saya sokong usul belanjawan negara. Akan tetapi, saya rasa tidak adillah kalau saya tidak menyentuh perkara-perkara yang saya telah sediakan.

Namun begitu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya mahu mulakan dengan menyebut bahawa bila saya mendengar Ahli-ahli Dewan Negara berhujah daripada semalam sehingga Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong sebentar tadi, ada banyak perkara-perkara yang sangat bermakna di utarakan di Dewan yang mulia ini.

Namun, persepsi di luar sana ialah pandangan di Dewan Negara ini dilihat sebagai hanya pandangan kedua, mohon maaf saya sebutkan itu. Sejak Dewan Negara ditubuhkan iaitu pada tahun 1959, Dewan Negara dilihat kurang berkuasa dan berpengaruh dibandingkan daripada Dewan Rakyat. Ini dapat kita lihat daripada pelbagai aspek antaranya berdasarkan keanggotaan sebagai anggota Senat, kuasa berhubung dengan rang undang-undang kewangan, elaun dan keistimewaan Ahli Dewan dan pelbagai perkara lagi.

Dewan Negara dianggap sebagai menjadi tempat “sagu hati” kepada mereka yang gagal bertanding di dalam pilihan raya umum. Pada masa yang sama, Dewan Negara dilihat gagal mewakili kepentingan negeri-negeri dan wilayah di dalam Persekutuan apabila ada individu yang dilantik, lebih mementingkan kepentingan parti dan pemimpin mereka berbanding dengan kepentingan negeri dan wilayah yang diwakili.

Paling menyedihkan Tuan Yang di-Pertua, realitinya pada hari ini, Dewan Negara dilihat sebagai pintu belakang bagi ahli-ahli politik tertentu untuk dipilih, sedangkan berdasarkan peruntukan Perkara 46, Perlombagaan Persekutuan menyatakan dengan jelas, pelantikan Ahli Dewan Negara khususnya oleh Yang di-Pertuan Agong disebut secara terang dan jelas adalah merujuk kepada mereka yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang dalam profesion dan kerjaya. Baik dalam bidang perdagangan, perindustrian, pertanian, aktiviti kebudayaan dan perkhidmatan sosial, mewakili ras minoriti dan kebolehan mewakili masyarakat Orang Asal.

Namun, jelas sekali kedudukan Dewan Negara adalah setaraf dengan kedudukan Dewan Rakyat. Hakikatnya Tuan Yang di-Pertua, kedudukan di Dewan Negara adalah setaraf dengan Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai kelayakan dan berhak untuk menikmati segala keistimewaan, kekebalan kuasa seperti mana yang diperoleh oleh institusi Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Dewan Negara mempunyai persamaan dari aspek kedudukan dan peranan seperti *House of Lords*, dengan izin, di *United Kingdom* di dalam proses pembuatan undang-undang di Malaysia.

Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini, supaya peranan Dewan Negara ini diperkasakan bagi memastikan ia memainkan peranan sebagai mekanisme semak dan imbang, dengan izin, *check and balance* kepada Dewan Rakyat khususnya yang berkaitan dengan kepentingan negeri-negeri dan juga wilayah, termasuklah Sabah dan Sarawak.

Kalau di Dewan Rakyat sekarang, Tuan Yang di-Pertua, Pejabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Setiausaha Dewan Rakyat mengambil inisiatif untuk mengadakan pelbagai usaha, seminar, bengkel, perbincangan meja bulat, termasuk juga mengadakan lawatan sambil belajar ke luar negara untuk melakukan cadangan penambahbaikan kepada Dewan Rakyat yang sekarang ini dikenali dengan usaha ataupun usaha reformasi Parlimen, dengan izin, *parliamentary reform agenda*. Maka, saya mahu mencadangkan pada petang ini supaya Pejabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara juga dan Setiausaha Dewan Negara mengambil inisiatif yang sama.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, saya telah bercakap mengenai hal ini dengan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di Dewan ini sama ada di sebelah kerajaan ataupun yang bukan kerajaan, rata-rata semuanya memberikan sokongan. Bahkan, ada yang turut menawarkan diri untuk sama-sama membantu bagi kita sama-sama mereformasi Dewan Negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan mukadimah itu, saya dengan ringkas mahu menyentuh tentang Belanjawan 2019 yang merupakan belanjawan Kerajaan Pakatan Harapan susulan daripada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Seperti mana yang disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, belanjawan kali ini adalah komitmen kerajaan baharu yang bertekad ke arah melaksanakan konsolidasi fiskal dengan mengimbangi keutamaan pembangunan dalam menambah baik kesejahteraan sosioekonomi rakyat terbanyak yang dinyatakan dalam Belanjawan 2019.

Pelaksanaan reformasi institusi telah diletakkan sebagai tunjang utama pengurusan keseluruhan urus tadbir. Ketelusan adalah indikator penting bagi pelaksanaan konsolidasi fiskal dan hutang. Secara amnya, setelah meneliti belanjawan yang dibentangkan, pendekatan yang diambil oleh kerajaan dalam memastikan peningkatan ketelusan disiplin fiskal serta kestabilan makroekonomi dan kemapanan pertumbuhan ekonomi disambut baik oleh ramai dan banyak pihak terutamanya para penyelidik dan pakar ekonomi.

*UOB Global Economic and Market Research* mengatakan sebahagian besar angka defisit bajet yang dibentangkan tergantung kepada hasil kutipan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), saiz kredit cukai input, cukai barang dan perkhidmatan, cukai pendapatan dan pengembalian cukai perolehan sebenar harta tanah, pemanfaatan aset, pendapatan hasil minyak yang lebih tinggi serta tahap potongan dalam perbelanjaan mengurus.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, ulasan yang dibuat oleh Ketua Ahli Ekonomi MIDF, atau Amanah Investment Bank Berhad mengatakan pengurusan fiskal yang baik dan mantap adalah faktor utama dalam memastikan kestabilan ekonomi serta pemangkin bagi perancangan pembangunan ekonomi negara yang lebih mampan. Justeru, secara keseluruhannya, integriti dan ketelusan sewajarnya menjadi prinsip utama pelaksanaan reformasi institusi dalam menyemai budaya yang seharusnya diterapkan bagi pertumbuhan ekonomi hingga ia dapat dirasai oleh rakyat yang terbanyak.

Tuan Yang di-Pertua, memastikan kesejahteraan rakyat terbanyak menjadi tunjang kedua dalam agenda Belanjawan 2019. Sekali lagi diingatkan wajar untuk kita memastikan partisipasi segenap lapisan masyarakat yang merupakan pemangkin peningkatan ekonomi negara. Sebagai peringatan kepada diri saya dan seluruh pimpinan dalam kerajaan dan kita yang terlibat dalam membuat keputusan baik di Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara. Bak, pesan orang tua-tua, "sebelum nasi menjadi bubur". Keresahan rakyat di bawah perlu diselesaikan dengan berhemah. Keyakinan rakyat perlu diperkuatkan.

Tidak dinafikan lima strategi yang dinyatakan dalam tunjang kedua Belanjawan 2019 untuk memastikan kesejahteraan rakyat merupakan usaha awal yang baik oleh Kerajaan Pakatan Harapan dalam mengembalikan keharmonian negara khususnya keseluruhan rakyat. Namun, keyakinan rakyat bukanlah semata-mata pada pelaksanaan dasar tetapi kesepaduan kepimpinan dalam *good governance* menjadi asas utama keyakinan dan sokongan rakyat terhadap segala dasar yang mahu dilaksanakan.

**■1610**

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, keseragaman dalam penyampaian maklumat menjadi medium yang sangat penting untuk membina keyakinan rakyat. Saranan saya kepada Yang Berhormat Menteri-Menteri dan juga pegawai-pegawai di kementerian dan seluruh kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan, setiap dasar atau kenyataan seharusnya diperhalusi dan diperbincangkan bersama sebelum dihebahkan kepada umum.

Ini kerana percanggahan maklumat akan menimbulkan keresahan rakyat dan akhirnya menimbulkan perdebatan. Sebagai contoh, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip sebentar tadi, dalam isu Amanah Ikhtiar Malaysia. Di mana badan ini yang telah lama diwujudkan dalam menjaga kebijakan golongan yang marhaen. Saya percaya dengan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri dan pasukan yang mengendalikan masalah-masalah yang berbangkit mengenai isu-isu yang berbangkit dalam anak-anak syarikat di bawah naungan AIM mampu diselesaikan tanpa menjelaskan kepentingan wujudnya agensi Amanah Ikhtiar Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut terpanggil untuk menyuarakan sekali lagi sebahagian keresahan rakyat, khususnya anak-anak muda kita terhadap isu pembayaran semula pinjaman PTPTN yang sememangnya saya bersetuju dengan rakan-rakan yang lain, harus diperhalusi semula. Sekian lagi, perbincangan bersama serta kaji selidik harus menjadi budaya dalam membuat keputusan di peringkat kementerian sebelum dihebahkan kepada umum.

Tambahan pula, sesetengah pihak mengambil kesempatan atas isu ini sehingga menambahkan lagi keresahan rakyat di bawah. Walau bagaimanapun, kita harus juga memberikan kredit kepada Kementerian Pendidikan dalam usaha menambah baik skim pembayaran semula pinjaman PTPTN ini yang meletakan penanda aras minimum pendapatan pembayaran semula pinjaman pada kadar RM2,000 yang memberi keuntungan kepada hampir 225 ribu orang peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan kepada Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia melalui agensi-agensi yang berkaitan, khasnya Jabatan Penerangan supaya dapat melebarkan lagi sayapnya di medan media massa dengan pelbagai program yang lebih kreatif dan inovasi. Turun segera ke seluruh pelosok negara, kota raya, pinggir bandar, ke Felda-Felda, ke kampung pedalaman agar proses interaksi antara kerajaan dan rakyat tiada jurangnya. Saya kira sudah sampai masanya semua pihak menghentikan perbuatan, dengan izin, *the blame game* kepada mana-mana pihak yang lain.

Oleh kerana ia tidak memberikan persepsi yang baik, bukan sahaja kepada kepimpinan kerajaan tetapi kepada semua yang terlibat dalam *decision making*, dengan izin, pelaksanaan Belanjawan 2019.

Tuan Yang di-Pertua, memupuk budaya usahawan menjadi tunjang ketiga kekuatan Belanjawan 2019. Dalam usaha kerajaan membudayakan negara keusahawanan, empat strategi menjadi asas kepada fokus tunjang yang ketiga ini. Antara elemen penting yang menjadi strategi pelaksanaan untuk tunjang ini ialah kuasa ekonomi baharu dan digital yang menjadi tumpuan dalam persiapan peralihan kepada Industri 4.0 selari dengan trend terkini di peringkat global.

Justeru, budaya keusahawanan merupakan satu lagi bidang yang mampu memampan pertumbuhan ekonomi negara. Secara tidak langsung, usaha ini dapat memperkuatkan perusahaan kecil dan sederhana, di mana ia bakal membuka lebih banyak peluang pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi cabaran global. Namun, saya juga mengingatkan pihak kerajaan supaya berhati-hati dalam pelaksanaan semua inisiatif yang dirancang untuk memupuk budaya usahawan ini kerana perubahan ekonomi baharu secara tidak terkawal dan drastik akan mengundang ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi negara...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf ya.

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung Yang Berhormat.

**Tuan Ismail bin Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Sebagai anggota Yang Berhormat Senator yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Perak, saya mengambil peluang dalam perbahasan ini untuk menyarankan kepada Kementerian Pelancongan yang melihat Perak yang mempunyai banyak potensi kawasan-kawasan pelancongan yang memerlukan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan.

Tempat-tempat seperti Hutan Royal Belum, Taiping yang dianggap sebagai bandar *heritage*, Pulau Pangkor yang bakal dinobatkan sebagai Pulau Bebas Cukai, Pasir Salak sebagai wilayah yang penuh dengan sejarah. Kuala Kangsar bandar warisan istana dan banyak tempat lagi, di mana secara langsung saya berharap usaha-usaha yang dicadangkan dalam peruntukan di bawah Kementerian Pelancongan dapat membantu membuka peluang

kepada usahawan-usahawan tempatan untuk mereka memasarkan pelbagai produk dan servis hiliran dalam industri pelancongan.

Pada kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Industri Utama. Apakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk mengkaji semula Dasar Komoditi Negara? Ini kerana dalam konteks negeri Perak, getah dan kelapa sawit kini menjadi permintaan. Pemberian token sebagai bantuan khas apabila harga getah jatuh, walaupun amat diperlukan, bukanlah penyelesaian terbaik kerana ia merupakan penyelesaian jangka pendek.

Oleh sebab itu, saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Industri Utama supaya dapat menawarkan inisiatif supaya membuat penambahan inisiatif lain seperti membantu para pekebun kecil kita, khususnya dalam mencari sumber penanaman hasil lain yang juga serba sedikit dapat menambah hasil pendapatan yang diperoleh.

Oleh sebab itu, saya berharap dasar ini dapat dikaji semula dalam usaha menjuarai isu rakyat dengan menyediakan pelan tindakan yang lebih berpadu. Menyentuh kebajikan para peneroka, saya menyarankan Kementerian Industri Utama untuk mengambil berat isu kelewatan membayar gaji, khususnya kepada peneroka FELDA lebih-lebih lagi di penghujung tahun dan ketika hampir sesi persekolahan tahun baharu akan bermula.

Saya difahamkan setiap proses aliran pengurusan kewangan yang secara amnya bermula dengan hasil jualan dari peneroka kepada FGV, FGV kepada FELDA dan FELDA kepada peneroka.

Saya kurang pasti adakah pihak kementerian mempunyai maklumat yang terperinci tentang setiap aliran kewangan ini? Oleh kerana isu ini perlu ditangani dengan segera, di mana ia memerlukan pihak Kementerian Industri Utama mengenal pasti punca permasalahan ini berlaku dan mencari solusi agar ia tidak berulang lagi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua sebagai rumusan, Belanjawan 2019 merupakan komitmen awal Kerajaan Pakatan Harapan untuk membaik pulih ekonomi dan mengimbangi pembangunan kesejahteraan rakyat yang terbanyak.

Sekali lagi keyakinan rakyat menjadi asas kepada pelaksanaan dasar dan strategi belanjawan ini. Kejayaan sesebuah kerajaan bukan terletak pada pelaksanaan dasarnya semata-mata akan tetapi kepimpinan dalam kerajaan yang ada memainkan peranan yang sangat penting dalam memperkuatkan keyakinan rakyat dengan usaha-usaha yang dijalankan. Sekadar memetik ucapan yang pernah dilontarkan oleh Abraham Lincoln, dengan izin, “*No man is good enough to govern another man without the others consent*”.

**■1620**

Di era Malaysia baharu ini, semangat muafakat dan perpaduan, budaya yang harmoni serta keadilan menjadi kayu ukur kejayaan Kerajaan Pakatan Harapan menerajui negara. Oleh itu, semangat muafakat kebangsaan Malaysia baharu sewajarnya bermula daripada kepimpinan kerajaan, Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang mulia ini, pemimpin politik, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat civil perlu disemai hingga ke akar umbi.

Ingatlah muafakat membawa berkat. Permuafakatan keseluruhannya akan mengembalikan keyakinan rakyat. Tiga fokus utama dengan 12 strategi yang diutarakan dalam Belanjawan 2019 pasti *insya-Allah* menjadikan Malaysia wibawa, ekonomi dinamik dan rakyat sejahtera, memastikan kesejahteraan rakyat adalah agenda nombor satu dan memupuk budaya negara usahawan sebagai kekuatannya. Akhir sekali, keyakinan dan sokongan rakyat menjadi asas kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menaruh harapan semoga perubahan politik dan landskap politik hari ini mampu mengembalikan kegemilangan dan kecemerlangan negara, dasar ekonomi yang seimbang dan peka terhadap permasalahan rakyat perlu menjadi agenda utama kepada sebuah kerajaan yang prihatin. Kesepaduan dalam mencari keyakinan rakyat menjadi asas yang sangat penting. Suara rakyat adalah suara keramat. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua saya menyokong usul Belanjawan 2019. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff.

**4.22 ptg.**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan untuk membahas usul yang di bawah oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati sekalian dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian, belanjawan tahun ini ialah belanjawan yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Harapan untuk kali pertama. Saya akui ini adalah satu cabaran yang bukan mudah di kala rakyat Malaysia hanya berpengalaman sekali mengalami perubahan di dalam negara.

Untuk tujuan itu Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin bercakap satu sahaja topik saya iaitu hak minoriti. Izinkan saya menjelaskan apa yang dimaksudkan sebagai hak minoriti. Hak minoriti yang saya maksudkan bukanlah mereka yang kecil jumlahnya kerana bilangan

tetapi bukan mereka yang banyak juga bilangan dipanggil sebagai majoriti. Di dalam ruang tertentu yang minoriti mungkin jumlahnya banyak, contohnya di Sarawak. Di kalangan tertentu majoritinya banyak tetapi hak mereka tidak diperjuangkan dengan diarusperdanakan contohnya hak wanita. Di universiti sekarang ramai wanita tetapi di kelompok pekerjaan belum tentu dan di kelompok kepimpinan belum tentu.

Daripada segi aspek anak muda pula, anak muda ini banyak turun reformasi, turun berdemo tetapi di dalam membuat keputusan adakah mereka ini- suara merekaalah suara majoriti, belum tentu. Jadi dalam untuk membahaskan belanjawan kali ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memfokuskan satu sahaja dan saya mohon Yang Berhormat Menteri berkaitan dan kalau boleh betulkan fakta saya kalaulah mengikut fakta di sini, Perdana Menteri belum pernah datang ke sini- betulkan saya, saya tidak tahu fakta. Pernah, pernah?

Saya dengan rendah diri, memohon perkenan ayahanda Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke sini ke Dewan yang mulia ini seperti yang dibahaskan oleh rakan bijaksana saya bahawa ini adalah satu Dewan yang mulia yang mana definisi Parlimen merujuk kepada tiga institusi iaitu Yang di-Pertuan Agong, Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat. Malah dari segi aturan Perlumbagaan Dewan Negara dahulu lepas itu baharu Dewan Rakyat.

Jadi saya mengandaikan penggubal memberi pengiktirafan sebegitu mungkin atas sebab-sebab yang saya rasa ketika itu terbukti membangun negara ini ke satu tahap yang boleh dibanggakan. Jadi saya dengan rendah diri memohon kalau ada pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri mohon Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir datang ke sini meyakinkan dan menjelaskan kepada kita bahawa apakah perancangan dan agenda ekonominya melalui belanjawan ini. Ini kerana saya yakin seorang yang mempunyai pengalaman seperti Tun Dr. Mahathir punya pendekatan, cara dan misi untuk membangun Malaysia semula untuk kepentingan semua.

Adakah tidak cukup Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi saya di kala kita membicarakan reformasi Parlimen? Bayangkan jika dimulakan juga dengan satu komitmen, satu pendekatan oleh pembinaan tertinggi negara kita datang di sini bahawa suara di Dewan Rakyat dan suara di Dewan Negara sama penting seperti yang diinspirasikan dalam Perlumbagaan.

Saya rasa itu adalah satu aspek yang sangat penting untuk menjayakan belanjawan ini seperti yang dibahaskan oleh rakan saya tadi, bukan sahaja keyakinan Yang Berhormat Senator Tuan Ismail kepimpinan juga sangat penting, apatah lagi kepimpinan yang menginspirasikan rakyat.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Hendak juga?

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Sedikit boleh?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Boleh ada masa? Boleh ya.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi. Saya telah mendengar satu persatu dalam mukadimah saudara termasuk juga perbahasan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop tadi.

Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Senator hari ini wujud di Dewan Rakyat jawatankuasa untuk melihat reformasi Dewan Rakyat. Apakah perlu juga kita buat perkara yang sama di Dewan Negara? Kalau dipersetujui oleh semua, apakah *benchmark* yang terbaik untuk kita lihat. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ini betul-betul kawan saya, dia boleh baca otak saya. Saya hendak cakap yang itulah. Saya sebenarnya atas dasar itu asas itu saya menggesa kerajaan membuat permulaan yang tepat iaitu reformasi Parlimen melibatkan dua Dewan yang mulia ini. Jadi saya juga yakin bahawa kerangka perundangan yang sedia ada Dewan Negara hanya- setahu saya betulkan saya Tuan Yang di-Pertua, kita kurang terlibat ataupun tidak perlu terlibat atau tidak boleh terlibat dalam hal ehwal kewangan, dalam rang undang-undang kewangan itu yang saya faham secara umum.

Lain-lain daripada itu kita boleh itulah mandat aspirasi rakyat bernegara yang telah diberi kepada kita. Ayuh atas nama Malaysia baharu harapan baharu kita datang sama-sama. Jadi, saya bersetuju dengan rakan saya, kita mesti bersama-sama berganding bahu Pakatan Harapan mahupun Barisan Nasional kerajaan ataupun bukan kerajaan mengangkat agenda reformasi Parlimen ini bersama-sama dengan rakan-rakan di Dewan Rakyat.

Kalau permulaan mereka lebih awal memanglah dia bahas awal, kan? Akan tetapi saya tahu dari segi kerangka protokolnya, kedudukan presiden Dewan Negara adalah satu kedudukan yang punya tempat yang amat penting juga di dalam membawa hala tuju kepimpinan Dewan yang penting ini.

Atas tujuan itu, kita mungkin seperti yang dikatakan oleh rakan saya punya rujukan-rujukan tempat lain. Saya beri contoh Perdana Menteri Kanada. Antara pertama yang dia buat sekitar tahun 2015 tahun 2016, *Senate Reform*, dengan izin berkursus. Kebetulan di sana pun dipanggil *Senate* juga dia ada juga *House of Commons*. Dia buat khusus untuk itu.

Jadi pilihan yang kedua yang boleh saya cadangkan kepada Tuan Yang di-Pertua kalaualah kekangannya itu terma rujukan di sana sudah ada seperti yang terancang, kita tidak perlu ganggu mereka. Saya rasa kita di sini saya yakin kalau dalam ini sepatutnya 70 Yang Berhormat Senator tetapi mungkin dalam sekitar sekarang 67 Yang Berhormat Senator. Kita mampu buat. Jadi kita boleh mulakan.

Saya dengan izin kalau dipersetujui rakan-rakan kita beri mandat penuh dengan kuasa yang ada di bawah presiden untuk memulakan, tepuklah sikit. *[Dewan Tepuk] Point* yang tadi saya katakan kerana hak minoriti ini ada sebegini. Saya merasakan bahawa kita ini Dewan Negara sudah menjadi seperti minoriti. Minoriti maksudnya dikesampingkanlah padahal kita bukan. Itu yang saya maksudkan itu. Hak minoriti yang kedua ialah dari segi aspek bangsa. Belanjawan kali ini mesti bersifat demokratik dan juga adil dan malah, dengan izin, berequity, mesti demokratik, mesti *justice* dan juga *equitable*.

Apa yang saya maksudkan di sini? Tadi saya mendengar dengan tekun rakan saya berbahas mengenai SEDIC?... “Sediq” atau “Sidiq”?... Hendak sebut Sadiq nanti sama dengan Menteri Pendidikan pula, kebetulan nama sama.

#### ■1630

Saya kata kalau itulah pendekatan Barisan Nasional yang telah berjaya dulu, teruskan tetapi saya mencadangkan kerajaan hari ini perlu memikirkan satu pendekatan yang lebih menggambarkan apa yang perlu dibantu itu, hak minoriti ini di atas nama kaum ke, di atas nama kepentingan mereka yang selama ini. Kalau kaum, rakan saya Orang Asli bagaimana? Rakan saya di desa, mungkin sekarang kita jangan panggil luar bandarlah, kita panggil desa. Luar bandar ini bunyi sangat *discriminative*, kita panggil desa. Dato' Seri Anwar Ibrahim ajar saya, kami tak panggil luar bandar, panggil desa.

Rakan-rakan di desa. Mereka itu pun bayangkan hari ini bayar cukai sama, adakah mereka mendapat akses kualiti perkhidmatan yang sama? Mungkin tidak. Tadi saya berbincang dengan Dato' Isa, anak Orang Asli dahlah duduk di pedalaman, lepas itu bila belajar, keluar. Lepas itu tadi sekolah 400 orang, nak bawa macam mana. Jadi di sini saya mohon Menteri yang berkenaan iaitu saya tahu Menteri Senator rakan saya, Waytha Moorthy tololong jawab di Dewan ini apa perancangan beliau mengenai untuk memastikan hak-hak minoriti ini terbela. Saya kata kalau tabung Sedic itu ialah tabung yang baik, besarkan ia tapi mungkin perlu di *rebrand*.

Pendekatannya itu berbeza tetapi yang pentingnya pendekatannya bukan lagi pendekatan ras ataupun perkauman tetapi pendekatannya ialah pendekatan yang

berdasarkan keperluan. Jadi jangan salah faham saya, rakan saya tadi itu perkauman, maksudnya bukan lagi atas nama kaum. Cuma di Malaysia ini Tuhan dah menciptakan kita ramai kaum, nak buat macam mana kan. Akan tetapi yang pentingnya- yang *mua'dafil* yang perlu dibantu mesti dibantu. Kalau ramai yang Melayu, Melayulah. Kalau ramai yang India, orang Indialah. Kalau ramainya masyarakat Cina nelayan, kita kena tolong.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Mohon mencelah Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat berbangga dengan perbahasan Tuan Yusmadi sebab dalam kita memberikan keadilan sosial dalam masyarakat Orang Asli ialah kita kena melihat kewajaran nilai. Maksud saya begini, dalam kita memberi RM100 juta untuk pembangunan Orang Asli, dengan RM100 juta untuk kaum katakan luar bandar ataupun masyarakat desa. Jumlah RM100 juta boleh buat 100 kilometer tetapi di dalam pinggir badan ataupun desa, RM100 juta itu boleh buat 200 kilometer.

Maka kita tidak boleh meletak nilai angka itu sebagai satu nilai ekuiti yang sama sedangkan nilai kepada kewajaran kos pembangunan luar bandar yang jauh itu juga perlu dilihat dalam keadilan bajet ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya masukkan ucapan rakan saya dalam soalan ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua yang saya kasihi, minoriti hak juga terlihat di dalam suara-suara anak muda ini. Saya secara peribadi tidak bersetuju secara tegas pendekatan yang dibuat terhadap anak-anak muda dalam isu PTPTN. Saya harap kementerian tolong jawab soalan ini.

Maksud saya sebegini, di dalam agenda perubahan, anak muda adalah *stakeholder*, pemegang taruh yang sangat penting. Merekalah datang bagi rasa dan lepas itu berdemonstrasi dan sebagainya untuk kepentingan semua.

Sekarang ini kita berjaya melakukan perubahan, sumbangan mereka besar. Adakah cara kita melayan pemegang taruh yang besar ini, *stakeholder* yang bagus ini yang sangat menyumbang ini dengan hanya memberi satu arahan, hanya memberi satu hukuman, saya rasa itu bukan caranya. Setahu saya hatta di dalam sebuah syarikat, pemegang saham yang minoriti pun ada hak, itu undang-undang syarikat. Ini kita berdepan dengan pelajar yang majoriti haknya, apatah lagi dalam konteks ini kita berdepan, kita terima hakikat PTPTN itu ada kejayaannya, juga ada kegagalannya.

Kalau ditubuhkan pada tahun 1997, ingat saya, saya baca sedikit tadi bertujuan untuk membantu akses pendidikan kepada pelajar dan saya rasa dalam konteks itu pelajar yang miskin, pelajar yang kurang mampu. Akses kepada pendidikan dengan izin Yang Berhormat semua adalah hak berperlembagaan, hak asasi. Ia bukan berbeza daripada pinjaman nak beli

kereta, pinjaman nak beli rumah, konteksnya berbeza. Konteks akses ke pendidikan ini macam konteks akses kepada perubatan, lain itu. Kalau kita berdiri di sini mengatakan akses kepada pendidikan, akses kepada perubatan sama macam akses kita hendak berkenderaan, itu dalam konteks tertentu ada juga untuk keperluan-keperluan tetapi konteksnya berbeza.

Akan tetapi kalau hari ini kita hanya mampu mengambil jalan mudah. Apa jalan mudah? Okey kerajaan dulu mungkin atas sebab-sebab tertentu, mungkin sebab pengurusan ataupun sebab *design model* PTPTN itu pun tidak berapa berkesan, ada lebih kurang RM40 bilion. Cara mudah, kita naik kerajaan sekarang, kita suruh bayar malah potong gaji. Seingat saya, hatta dalam kes berkaitan dengan suami-suami yang gagal membayar nafkah pun dulu kita nak dapat hak potong automatik ke gaji, terus ke akaun si isteri bukan mudah Senator Rabiyah, perjuangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cadang kepada kementerian untuk apa? Tak payah bayar?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Bukan, saya melangkaui itu. Saya bercakap di sini mereformasikan akses, dengan izin, *to financial assistant*. Kenapa saya cakap begitu? Kita pejam mata kita, patah balik sebelum 1997, bagaimana anak-anak bangsa kita semenjak tahun 60-an hingga seterusnya- belajar? Bermula dengan biasiswa, bermula dengan bantuan sehingga macam-macam- Tuan Yang di-Pertua lebih maklum.

Tiba-tiba 1997, ada agenda untuk buat PTPTN, bagus ataupun tidak? Tidak apalah, kita cubalah, tapi apa yang terbukti? Ini bukan kita- apabila berlaku secara dasar, secara *public policy*, benda yang kita cadang selepas 1997 sekarang 2018 terbentuk publik- makna gagallah perkara tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dulu pinjaman kalau saya nak, saya pun nak tahu juga pandangan Yang Berhormat dan juga pandangan kementerian. Yang Berhormat, dulu kita bagi kepada universiti awam, lepas 1997 kita bagi kepada universiti swasta. Cadangan untuk membanyakkan lagi anak-anak kita supaya mendapat ijazah.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi sekarang ini masalahnya cadangan Yang Berhormat kepada kementerian apa?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey, saya tahu Tuan Yang di-Pertua sangat arif mengenai hal ehwal kolej swasta dan saya ada sedikit pengalaman. Ada dalam kes tertentu, bukan semua Tuan Yang di-Pertua, kita ambil maklum, kebetulan kes itu datang kepada saya juga secara beramai-ramai.

Dulu pembayaran bukan bayar terus kepada pelajar, ada setengah pembayaran terus ke kolej. Ada kolej-kolej tertentu, bukan semua kolej bagus. Saya tahu ada satu kolej di tempat saya di *PJ Old Town* itu, kerja dia saya tak tahu macam kolej ke tak kolej, saya pun tak tahu. Ada keluarga mengadu, ‘Yang Berhormat, anak saya dapat tawaran sekolah ini, tak mohon pun dapat tawaran, dia dapat senarai’.

Jadi orang kampung dapat, ghairahlah, terus nak pergi. Pergi-pergi masa pendaftaran, asrama tinggal kat mana? Asrama tinggal kat rumah mana tah, mak pun pergi tengok rumah tak macam asrama, patah balik. Akan tetapi apa yang berlaku selepas itu kolej yang dikatakan tidak berapa berwibawa itu gagal tetapi implikasi kepada pelajar tersebut, pelajar tersebut tetap menjadi pemutang. Ini yang saya katakan strategi kita salah. Kita hanya membina, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *debt generation*. Generasi berhutang ini ada satu buku ditulis, secara mudahnya Tuan Yang di-Pertua, awal bulan kita cakap *confident*, tengah bulan kita suara *slow sikit*, hujung bulan duit tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kat *England* pun kita ada bagi, dulu tak ada, dulu *scholarship*, sekarang mereka kena bayar balik. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey. Kalau Tuan Yang di-Pertua cakap di *England*, saya kebetulan dapat belajar di Amerika pun isu itulah isu politik yang besar, mengenai bantuan pelajar. Akan tetapi yang saya ingin cadangkan kepada kementerian, enam bulan pertama ini itu bukan caranya.

Enam bulan yang pertama, panggil pelajar-pelajar tersebut kenapa pada hari pertama kamu pinjam, kami PTPTN, kami Kerajaan Barisan Nasional, kami Kementerian Pelajaran gagal mendidik kamu jadi pelajar, jadi usahawan. Barulah dia nampak kesalahan itu bersama. Kesalahan hari ini sebelah pihak. Kau gagal bayar, kau gagal bayar, kau gagal bayar. Akan tetapi saya yakin kalau pinjaman katalah keusahawanan, dalam konteks lain bukan pendidikan. Dia bagi pinjam, dia bagi konsultan.

Ada satu kes yang saya buat lagi menarik. TEKUN, TEKUN *special* untuk siswazah. TEKUN biasa RM5,000 ke RM6,000. TEKUN *special* dia bagi RM150,000 macam itu. yang bagi satu pemberian inilah, di tengah-tengah itu lantik seorang konsultan. Daripada RM150,000 hutang budak itu dah jadi sampai melebihi sebab dia kata dia konsultan, kita buat pusat, lepas itu kita ada *courseware* kita pula, hutang kat *courseware* itu, kira-kira dekat RM200,000 lebih.

**■1640**

Budak yang diambil tadi pun gagal jadi usahawan. Apa yang terjadi? Dia jadi pemutang. Generasi pemutang bagi saya *is a shame on us*, malu kita semua. Jadi tanggungjawab itu jangan hanya kita melihat satu pihak bahawa pelajar yang gagal, kita gagal kerana kita telah berjaya menggunakan wang cukai rakyat. Itu bagi saya. Apabila wang cukai rakyat, Perlembagaan kata duit cukai rakyat di bawah Fasal 96 tidak boleh digunakan macam mana pun hanya melalui perundangan. Dibahaskan di Dewan, boleh digunakan itu duit kita Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook, bukan duit orang lain.

Jadi, saya mengatakan di sini dan yang ingin saya tanya soalan kepada pihak Yang Berhormat Menteri Pendidikan dalam konteks ini, apa yang dilakukan selepas naik enam bulan ini? Tiba-tiba keputusan mula-mula ‘A’. Selepas itu ‘B’, selepas itu *review* lagi. Bagi saya, ini menggambarkan sesuatu yang tidak berapa meyakinkan saya.

Jadi datang lagi sekali ke Dewan jelaskan- mohon satu soalan- jelaskan kepada kami semua apa sebenarnya yang berlaku? Saya hendak faham. Kalau katakan memang tidak ada jawapan, tidak ada *solution*, mungkin kalau perlu pakar luar, kita cari pakar luar. Kita pun tahu dalam konteks-konteks tertentu banyak model-model lain sehingga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks korporat yang lain hutang boleh *di securities*. *Securities*, kalau *Islamic loan* dipanggil *Islamic Debt Security*. Dia boleh isu *Islamic bon* pula sekiranya disokong oleh kerajaan.

Kenapa dalam konteks-konteks lain sikap kita berbeza tetapi dalam konteks pendidikan untuk anak-anak ini- kadang-kadang anak muda ini Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang dia ada masalah motivasi, kadang-kadang dia ada masalah disiplin, kadang-kadang dia ada masalah dekat rumah dia, keluarga dia berpecah. Ini kerana saya rasa saya boleh faham walaupun saya sendiri pun bukannya contoh yang baik tetapi saya rasa kita boleh fikir. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua ...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ya, okey. Ada masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah habis.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tidak boleh cakap, tidak boleh celah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, boleh.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dua orang mencelah Yang Berhormat Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin: dengan Yang Berhormat Datuk Razali bin Idris. Silakan.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat tertarik dengan *point* Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi tentang PTPTN tadi sebab tadi Yang Berhormat kata daripada 'A' ke 'B', 'B' ke 'C' yang mana saya rasa polemik punca PTPTN ini kerana janji dalam Manifesto Pakatan Harapan.

Saya pernah dalam perbahasan saya baru-baru ini bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang perlu kah kita bercakap sekarang tentang *electoral reform*, tentang pindaan Akta Pilihan raya dan sebagainya dan kita tengok banyak janji Pakatan Harapan ini termasuklah PTPTN yang dijanjikan pendidikan percuma dan sebagainya tetapi apabila menjadi kerajaan, ia semata-mata sekadar janji.

Perlu kah dalam *reform of the electoral* nanti perlu dilihat juga janji-janji parti ini supaya ia tidak jadi satu gula-gula atau menjadikan satu igauan kepada rakyat dan akhirnya memang tetapi tidak terlaksana. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya tidak mempunyai jawapan yang tepat tetapi saya belajar satu perkara sahaja... [Membaca sepotong ayat Al-Quran] Wahai orang-orang beriman, tunaikanlah janji anda. Tunai janji ini bukan untuk pelajar sahaja, untuk yang berjanji. Kalau Barisan Nasional dahulu pun ada janji tidak tunai, ayat itu pun terpakai. Kalau sekarang Pakatan Harapan janji juga, itu pun terpakai.

Akan tetapi janganlah hanya janji untuk menuaikan itu dekat pelajar. Pelajar ini seingat saya *you are free to make mistake but as a doubt you not free to make mistake. You are student, you are learning*, dengan izin.

Akan tetapi yang saya maksudkan di sini yang lebih mahu bertanggungjawab, ini ialah pendekatan, dengan izin, *public policy intervention*, intervensi dasar untuk membantu pelajar menjayakan agenda hak asasi dia, agenda perlembagaan dia *access to education*. Kalaulah model PTPTN terbukti model yang kurang berjaya ...

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Boleh mencelah Yang Berhormat? Boleh mencelah Yang Berhormat?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh, tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tidak boleh? Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tidak boleh.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tidak mengapa. Nanti saya jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi Yang Berhormat Datuk Razali. Satu orang *last*.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Satu orang *last*, okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Razali belakang.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Datuk Razali. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Razali bin Idris:** Sudah terlajak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memerhati dengan teliti perbahasan Yang Berhormat, saya nampak masih lagi tidak *landing*, tidak turun lagi PTPTN. Jadi sekarang ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak boleh turun Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Tidak turun lagi, macam ini. Jadi sekarang yang banyak *viral* diminta supaya PTPTN dilangsaikan, dilangsaikan. Jadi saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju untuk langsaikan PTPTN ataupun satu cadangan kaedah yang sesuai. Jadi ada dua perkara. Satu cadangan, satu langsai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Saya ada berita baik kepada Dewan yang mulia ini, saya tidak ada cadangan. Saya pertikaikan ialah pendekatan. Apa yang saya maksudkan di sini ialah inilah masalah kita. Kita sentiasa ingat dalam masyarakat ini kita semua ada jawapan untuk semua orang. Belum tentu Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum tentu.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Tambah pula kalau Pakatan Harapan hari ini, dengan izin, Malaysia baharu tetapi pendekatan *winner take all's*, dengan izin, tidak boleh. Apabila pelajar demo, ini pelajar GAMIS, penyokong PAS. Tidak boleh macam itu. Pelajar, pelajarlah. Jadi yang ingin saya tegaskan di sini, saya tidak ada jawapan. Ingin saya katakan, ayuh marilah Kementerian Pendidikan, ibu bapa saya kalau ada anak saya tidak hendaklah anak saya, sudahlah katalah belajar pun tidak berapa pandai. Ya bukan semua orang pandai. Dapat pendidikan bagus.

Selepas itu pula tiba-tiba keluar pula tidak ada kerja. Selepas itu pula berdepan dengan polemik ini. Jadi saya mencadangkan kalau sebegitu, ayuh penggubal dasar, Kementerian Pendidikan, pemegang taruh pelajar, mari kita cari jalan. Kalau tidak ada jalan, seingat sayalah buat lah moratorium sekejap. Maksudnya moratorium ini jangan, jangan ambil tindakan yang mungkin memudaratkan.

So, sebagai seorang pemimpin saya yakin kalau di dalam masyarakat punya ramai pelajar atau pun apatah lagi kelompok minoriti berkumpul mencetus rasa, hanya pemimpin yang bodoh sahaja Tuan Yang di-Pertua kalau tidak ambil prihatin. Kita perlu prihatin dan sama juga saya cakap dalam isu ICERD. Betul atau salah itu ada macam-macam. Ada juga yang *innocent*.

Bagi saya dalam konteks PTPTN, model PTPTN yang dibuat oleh Barisan Nasional bermula hujung 1997 itu ialah satu model tidak cukup berjaya. Ada jasanya tetapi sekarang perlu dikaji semula. Kita tidak perlu cari jawapan dalam kerangka PTPTN itu. Kita perlu jawapan di luar itu. Apa dia saya tidak tahu lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa. Oleh kerana masa sudah lebih. Tidak mengapalah kita bagi Yang Berhormat Tuan Manolan bin Mohamad cakap sedikit.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Okey, saya hendak tutup ini. Saya tutup. Saya conclude. Tutup ya. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tidak ada ruang tadi. Saya hendak betulkan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ringkas ya, ringkas.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat di mana PTPTN ini ada mengatakan, Yang Berhormat tadi sebut disebabkan hutang PTPTN ini tidak berbayar sebab janji manifesto Pakatan Harapan tetapi betul tidak saya hendak tanya kepada Yang Berhormat ada janji dalam manifesto khususnya dalam PRU yang baru-baru ini, PRU Ke-14 kita berjanji untuk hendak memansuhkan ataupun hendak *zeroized* semua hutang peminjam PTPTN ini. Terima kasih.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Oleh sebab itu saya betulkan premis hujah saya. Saya bukan hendak mengikut *framing-framing* yang orang lain hujah. Orang lain berhujah sekurangnya ada satu *framing*. Satu, kita nyahkan hutang sedia ada. *Framing* yang kedua ialah kita kutip hutang.

Saya *framing* yang ketiga. Saya kata model itu model yang perlu direformasi. Itu pendekatan lain. Saya tidak mahu saya disalah faham. Oleh sebab itu dalam hendak mereformasi model access pendidikan, ia bukan satu perkara yang- kalau di Jerman itu model itu *free* semua. Bukan tidak pernah orang buat. Bunyi macam- tetapi adakah kita *trash hold* ekonomi kita berada pada tahap itu?

Itu mari kita sama-sama bincang tetapi pokoknya ada model. Jadi saya mahu Yang Berhormat Menteri datang jelaskan kepada kita kenapa tidak boleh buat pendekatan pertama,

pendekatan kedua ataupun pendekatan saya itu tidak boleh. Kenapa? Tidak sesuai, kita tidak boleh jadi Jerman kah? Kita tidak boleh jadi macam Finland? Saya hendak faham. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat Yang Berhormat, Pengerusi PTPTN ada memberitahu bahawa pendekatan baru akan diambil.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Itu saya ada baca di media cuma berbeza kita Senator, Dewan Rakyat. Itulah mulianya kita di dalam Perlembagaan. Pengerusi itu mesti melalui punca kuasa menterinya itu datang jelaskan kepada kita dan kita boleh ambil itu sebagai satu pandangan Menteri.

Akhir sekali, saya hendak tutup. Hak minoriti di Malaysia ini ialah pada pandangan saya ialah satu sisi yang perlu diberi perhatian sekiranya kita mahu melihat Malaysia yang muafakat, mahu melihat Malaysia yang demokratik dan Malaysia yang adil. Tidak kira bangsanya India, tidak kira bangsanya Cina, tidak kira Orang Asli, tidak kira orang Siam. Saya rasa ini rakyat Malaysia, di Malaysia baharu ini bajet ini kita mesti lebih berani.

Kalau tahun 2007 Tuan Yang di-Pertua, sebelum pulang daripada Amerika Datuk Seri Anwar Ibrahim kata saya mencadangkan agenda ekonomi Malaysia. Apa dia agenda ekonomi Malaysia?

#### ■1650

Agenda yang menolak mana-mana asas ekonomi atau pun berdasarkan kaum. Asas yang baru mestilah asas berdasarkan keperluan. Kalau yang ramainya itu anak orang India, mesti dibantu. Kalau ramainya anak orang Melayu, mesti dibantu dan saya yakin di Malaysia ramai yang akan dibantu banyak, orang Melayu. Ramai orang Melayu miskin di kampung. Jadi kita tidak timbul pendekatan kaum tetapi pendekatan keadilan untuk semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan, dan *assalamualaikum*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Nak masuk rekod, saya menyokong usul [Ketawa]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak membuat pendirian [Ketawa]  
Terima kasih Yang Berhormat, silakan.

#### 4.50 ptg.

**Puan Hajah Sabani binti Mat:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019. Tuan Yang di-Pertua, bajet ini merupakan bajet pertama yang dibentangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan. Rakyat terutama sekali yang berpendapatan rendah dan sederhana benar-benar mengharapkan kemakmuran serta kebajikan mereka dibela. Bajet yang bertemakan "Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik dan Rakyat Sejahtera", satu tema yang baik dalam melakar Malaysia baru yang sudah tentu mencerminkan keazaman Kerajaan Pakatan Harapan untuk menjadikan negara ini lebih bergerak maju apalagi kita mempunyai masa tidak sampai dua tahun lagi untuk mencapai Wawasan 2020.

Dalam hal ini, saya amat bersetuju dengan saranan, cadangan dan teguran yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi bahawa apa pun haruslah bermula dengan sikap dan mentaliti pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan itu sendiri. Sekarang ini sudah menjadi kerajaan, mentaliti mestilah juga mentaliti kerajaan dan tidak boleh lagi menjadi mentaliti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, sebaik sahaja mengambil alih pemerintahan daripada Kerajaan Barisan Nasional selepas PRU Ke-14, kita sering dimomokkan dengan hutang. Soalnya, apakah sebutan hutang itu sebagai satu cara untuk melarikan diri daripada menunaikan janji-janji pilihan raya.

Kita sedia maklum, semua negara di dalam dunia ini berhutang. Cuma kadarnya sahaja yang berbeza-beza. Ada negara yang sedikit dan ada pula yang banyak. Begitu juga Malaysia, ada kalanya hutang negara melebihi 100 peratus tetapi itu semua tidak menjadi masalah kerana sesiapa sahaja yang mengambil alih selepas itu perlu membayar hutang. Sebagai sebuah kerajaan yang telah mendapat kepercayaan serta mandat daripada rakyat, saya berharap supaya kerajaan dapatlah melaksanakan dasar-dasar yang boleh memberi keyakinan kepada rakyat. Carilah jalan bagaimana untuk melaksanakan ekonomi negara dengan lebih berkesan. Setakat tujuh bulan ini, belum nampak sebarang kejayaan yang memberangsangkan.

Saya juga setuju dengan saranan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah tadi bahawa kerajaan janganlah asyik hendak menjual harta-harta peninggalan yang ditinggalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional, apa lagi harta-harta yang hendak dijual itu atau nak dilelongkan itu merupakan harta milik orang Melayu. Apa yang dikhuatiri, keadaan ini jika tidak diatasi dibimbangi akan menimbulkan

keadaan yang kurang senang dan akhirnya mungkin akan mengancam keharmonian yang kita nikmati bersama.

Sebagai contoh, Tabung Haji. Di samping saya menyokong pandangan serta saranan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini, sebagai sebuah badan yang dimiliki sepenuhnya oleh orang Islam, saya ingin mencadangkan satu suruhanjaya siasatan diraja ditubuhkan bagi mencari kebenaran berkenaan kedudukan kewangan Tabung Haji. Kalau ada mana-mana pihak tidak kiralah sama ada pengurusan baru ataupun yang lama, sekiranya didapati bersalah, perlu diambil tindakan.

Kita tidak mahu isu-isu sebegini dipolitikkan demi untuk menutup kelemahan yang ada sekarang. Laporan yang dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang mana Tabung Haji telah mengalami defisit sebanyak RM4.1 bilion ini boleh mengundang kerisauan yang mendalam dan akhirnya mereka bertindak mengeluarkan simpanan yang boleh melumpuhkan institusi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2019, sejumlah RM3.705 bilion telah diperuntukkan kepada MARA. Sebagai sebuah agensi yang ditubuhkan khusus untuk membantu dan memajukan ekonomi bumiputera hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera. Untuk itu, saya juga ingin mencadangkan dan bersetuju seperti mana kata Yang Berhormat Datuk Razali supaya MARA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan harapan bagi memberi peluang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memantau dengan lebih dekat lagi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pakatan Harapan kerana telah berjaya membentang satu bajet yang paling besar dalam sejarah negara. Namun begitu masih terdapat pengagihan yang tidak serata terutama masyarakat desa.

Saya nak minta penjelasan daripada Menteri Pendidikan. Apakah baucar buku dan kad siswa masih hendak diteruskan?

Yang kedua, kenapa Bantuan Makanan Prasekolah dipotong?

Yang ketiga, Bantuan Makanan Asrama juga dipotong.

Yang keempat, Biasiswa Kecil Persekutuan untuk murid-murid juga dipotong.

Dan yang kelima, peruntukan Biasiswa Perguruan Persekutuan juga dipotong. Pemotongan ini menyebabkan peluang guru-guru dan pelajar-pelajar untuk mendapat segala bentuk subsidi akan menjadi semakin berkurang. Adakah Kerajaan Pakatan Harapan

merasakan murid-murid dan guru-guru termasuk dalam golongan rakyat Malaysia yang tidak perlu diberi bantuan ataupun subsidi?

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perpaduan kaum. Kita tahu di Malaysia terdiri daripada masyarakat majmuk dengan nilai budaya yang saling menghormati antara satu kaum dengan kaum yang lain. Ini juga merupakan asas yang dipersetujui oleh Bapa-bapa Kemerdekaan kita. Sebagai rakyat, kita wajib mematuhi Perlembagaan yang ada. Sebarang usaha yang dilakukan ke arah melanggar Perlembagaan yang ada akan meninggalkan kesan khasnya kepada keharmonian kaum.

Dalam hal ini, saya secara tulus hati ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bukan sahaja selalu berpesan dalam Dewan yang mulia ini supaya menghormati perpaduan antara kita, malahan dalam memberi pandangan di luar pun, Tuan Yang di-Pertua sentiasa memberi pandangan yang positif bahawasanya menafikan sama sekali apa bentuk diskriminasi kaum yang berlaku di negara ini. Kalaualah semua rakyat berperanan sebegini, negara kita akan menjadi lebih aman.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu semenjak Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran negara, nilai Ringgit semakin jatuh. Begitu juga pasaran saham semakin menjunam. Setakat ini, tidak nampak ada usaha-usaha untuk mengatasi perkara tersebut. Sebelum ini, bila ditanya apakah usaha-usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini khasnya kejatuhan nilai Ringgit, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri, hanya membandingkan Ringgit Malaysia dengan nilai Peso Filipina dan Rupiah Indonesia. Setakat ini, saya belum dapat jawapan usaha-usaha kerajaan dalam hal ini. Kalau hendak membuat perbandingan pun biarlah dengan negara-negara yang mata wangnya lebih tinggi dan lebih kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah Kementerian Pertahanan Malaysia. Tadi kita mendapat maklum bahawa kementerian ini telah mendapat peruntukan tambahan dan hampir menyamai dengan peruntukan tahun 2018 cuma bezanya satu peratus sahaja.

## ■1700

Memandangkan kementerian ini merupakan kementerian yang penting khasnya dalam menjaga soal pertahanan negara, tidak salah untuk kerajaan memberi peruntukan yang lebih. Apa lagi jika dibandingkan dengan negara jiran kita Singapura dan Thailand yang mana kementerian mereka sentiasa mendapat peruntukan yang besar. Oleh sebab itu tidak menghairankan mengapa Angkatan Tentera Singapura ditakrifkan mempunyai aset ketenteraan yang paling canggih di rantau ini kerana perbelanjaan operasi dan pembangunan pertahanan mereka begitu lumayan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti mana Yang Berhormat Senator yang lain khasnya yang berada di kawasan desa, meminjam kata-kata Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi, amat terasa tekanan dengan belanjawan kali ini, apa lagi dengan kos sara hidup yang semakin meningkat, harga barang komoditi semakin jatuh. Dalam hal ini, saya ingin fokuskan di bidang pertanian khasnya bagi padi. Dalam bajet ini dikatakan bahawa kerajaan akan memotong 50 peratus subsidi baja padi. Soal saya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, apakah mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam merealisasikan perkara ini? Apakah kajian dibuat terlebih dahulu ataupun buat anggaran dan selepas itu baru disusuli dengan kajian?

Saya bimbang sekiranya perkara ini tidak dilaksanakan dengan teliti, ianya akan meninggalkan kesan yang lebih teruk khasnya kepada petani, lebih-lebih lagi dengan kenaikan kos sara hidup ditambah pula dengan kenaikan kos terhadap input-input pertanian. Kadangkala nasib tidak baik, padi diserang oleh bena perang dan sebagainya. Oleh sebab itulah saya mohon jasa baik daripada kerajaan supaya bantuan yang diberikan oleh kerajaan yang terdahulu berjumlah RM600 dapat diteruskan. Saya harap mendapat pertimbangan yang sewajarnya daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya merasa agak lega bila Yang Amat Berhormat Langkawi iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan bahawa keputusan Kerajaan Pakatan Harapan membubarkan beberapa agensi selepas menang Pilihanraya Umum Ke-14 menyebabkan ramai penjawat awam yang tidak bersalah menjadi mangsa akibat diberhentikan kerja. Beliau juga menyatakan bahawa pihaknya sedia mengkaji semula dengan meneliti sama ada pegawai dan kakitangan terlibat dalam agenda kepimpinan ketika itu.

Tahniah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjiwa besar mengakui kesilapan tersebut. Kita juga sedia maklum sebahagian besar daripada mereka yang hilang pendapatan akibat daripada pemberhentian tersebut tidak mempunyai apa-apa pendapatan sedangkan dalam masa yang sama, mereka terpaksa membayar *loan* rumah, kenderaan dan menanggung anak-anak sekolah dan sebagainya. Jadi langkah yang diambil oleh kerajaan merupakan satu langkah yang baik. Tahniah diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum selepas Pakatan Harapan memerintah negara, GST telah digantikan dengan SST. Satu ketika, pendapatan GST telah dapat menyelamatkan pendapatan negara berikutan kejatuhan harga minyak cuma soalnya dengan pelaksanaan SST, hasil kerajaan menjadi kurang. Harga barang juga tidak turun. Soalan saya,

apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian bagi membantu mengatasi masalah kenaikan harga terutama sekali barang-barang yang di bawah kawalan kerajaan juga.

Sebagai kesimpulan, pemimpin kerajaan umpamanya pemandu bas. Rakyat keseluruhan pula sebagai penumpang. Pemandu yang baik ini walaupun ianya bertemu dengan segala bukit bukau, lurah yang dalam tetapi tetap memandu dengan tenang dengan harapan kalau dia buat bising, tentu penumpang akan lebih panik. Akhir kata, saya dengan ini menyokong. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan, dipersilakan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah.

#### **5.05 ptg.**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah pun dibenarkan untuk berbahas rang undang-undang yang dibacakan kali kedua ini berhubung dengan Belanjawan 2019. Minta maaf.

Saya mengambil kesempatan ini hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi tadi dan beberapa Yang Berhormat Senator yang telah menunjukkan bahawa kerajaan tidak mesti betul semua. Saya melihat kalau beginilah trend yang akan dibawa oleh para Senator, maka saya rasa *parliamentary reform* itu akan berlaku.

Semalam semasa saya menghadiri *Civil Society Talks by Yang Amat Mulia Tunku Zain Al-'Abidin Tuanku Muhriz* jam 5 petang semalam. Ada persoalan-persoalan yang ditimbulkan sama ada Dewan Negara ini adalah satu dewan yang tidak perlu diadakan, hanya *an endorsement* Dewan.

Ada yang mencadangkan supaya Senator-senator ini perlu *dielect* atau dengan cara *election*, dengan izin. Banyak persoalan yang ditimbulkan semalam yang saya melihat yang menjurus ke arah komentar-komentar kepada para Senator yang kononnya kita ini hanya menyokong kerajaan membabi buta

Akan tetapi sebentar tadi bila saya mendengar ucapan rakan-rakan sebelum ini, maka saya yakin dan percaya bahawa Dewan yang mulia ini akan menjadi Dewan yang lebih gah daripada Dewan Rakyat. Saya bersetuju dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi tadi yang menyatakan bahawa apa yang dijalankan oleh

Kementerian Pendidikan setakat ini tidak memuaskan hati sesiapa pun hatta rakan-rakan seperti kami yang baru masuk kerajaan ini.

Walaupun banyak yang menghentam kami, saya menerima berbagai-bagai ancaman, berbagai-bagai kata-kata maki hamun. Dedak tak cukup dan bermacam-macam lagi yang dipersalahkan tetapi *alhamdulillah*, kita bertukar ke arah yang lebih baik dan kita menunggu rakan-rakan dua ke tiga orang lagi yang kemungkinan telah pun menyatakan hasrat untuk bersama-sama dengan kita seperti Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas dan juga Datuk Haji Megat [Ketawa]...

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Ini saya hendak buat pembetulan, ini saya hendak buat pembetulan. Ini tak betul, ini tak betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apa Yang Berhormat, biar. Dia main-main.

**Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas:** Tak, dia kena rekod. Dalam *Hansard* nanti keluar benda itu, jadi tak elok.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey. Dah, dah. Cukuplah Yang Berhormat. Dah kata tak betul itu, cukuplah.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia cakap bagi pihak Yang Berhormat sekali.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Tak, dia cakap bagi pihak diri dia. Saya pun kena cakap bagi pihak diri saya.

Saya dapat maklumat, Dato' Haji Mohd Suhaimi menyesal dah masuk sana dan nak patah balik. Bukananya kami hendak pergi sana. Terima kasih [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Akan tetapi Yang Berhormat, baru-baru ini saya tengok dia punya gambar itu lain, Yang Berhormat [Ketawa]

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tak akan mohon maaf daripada Datuk Haji Megat dan Datuk Haji Yahaya... [Dewan riuh] Bila saya mendengar Yang Berhormat Senator Tuan Yusmadi tadi bercakap berhubung dengan PTPTN, saya mendapat nota khas daripada seorang pelajar yang minta supaya saya membaca berhubung dengan PTPTN ini. Jadi saya terpaksa membaca dan saya nak membaca ini juga kerana semasa berbahas RMKe-11 baru-baru ini, pegawai pencatat yang ada pada ketika itu tidak catat pun apa yang saya bercakap.

Saya berkata pada masa itu, apa kerajaan akan buat kepada negeri Kedah secara keseluruhannya, kepada petani-petani, kepada MADA dan sebagainya. Akan tetapi apa yang dicatat, yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri, apakah kerajaan akan tukar baja. Apakah kerajaan akan tukar baja *[Ketawa]* Saya pun tak tahu *mai* ikut mana soalan itu.

### ■1710

Yang Berhormat Menteri jawab hari itu, saya pun malas nak *argue*. Jadi, saya baca pendidikan ini dulu. Pendidikan telah menerima bajet tertinggi iaitu sejumlah RM60.2 bilion, mengikut anak ini, atau 19.1 daripada keseluruhan bajet perbelanjaan kerajaan. Tahniah diucapkan kerana peruntukan yang sungguh besar, menunjukkan kerajaan mempunyai aspirasi untuk melahirkan generasi masa depan yang bersifat holistik.

Namun, ada beberapa perkara yang perlu diperjelasakan kedudukannya iaitu potongan pembayaran balik dengan cara potongan gaji berjadual antara dua *percent* hingga 15 *percent* bagi Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).

Kaedah yang diumumkan adalah berdasarkan kadar gaji. Ini apa yang ditulis oleh anak ini dan peratus potongan bersifat progresif dari sifar sehingga 15 *percent*. Secara bahasa mudahnya, semakin tinggi gaji, semakin tinggi jumlah potongan. Jadi, minta pihak kerajaan memberi justifikasi tindakan mereka untuk tidak menghormati. Ini kata beliau. Tidak menghormati perjanjian bersama mahasiswa dan memberi potongan gaji secara paksa menggunakan kadar baru secara mengejut. Adakah terdapat kajian yang menyeluruh dari segi, dengan izin, *outcome* kadar baru dan impak kepada kerajaan dan peminjam PTPTN?

Sambung lagi ini. Sebelum ini pelajar perlu membuat bayaran berdasarkan perjanjian PTPTN. Jumlah pelajar Malaysia yang telah menerima PTPTN semenjak tahun 2007 dengan kadar pinjaman sebanyak RM54.7 bilion telah memberi faedah kepada 2.9 juta peminjam. Bayaran yang telah diterima setakat 31 Disember 2016 adalah sebanyak RM3.43 bilion. Jadi, tindakan PTPTN untuk membuat potongan gaji berjadual adalah langkah yang tepat untuk mendapatkan kembali wang yang dipinjamkan. Akan tetapi isunya di sini bukannya tindakan potongan gaji berjadual.

Isunya di sini adalah berkaitan dengan kadar progresif yang diumumkan. *Alhamdulillah*, kerajaan telah bersifat prihatin kata beliau. Telah mengumumkan penangguhan potongan gaji berjadual. Namun begitu, diharap kerajaan tidak memberikan kejutan kepada peminjam dan menghormati kadar bayaran berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani bersama peminjam. Kata beliau, maknanya kerajaan tidak *honor the previous agreement* dengan mereka.

Walau bagaimanapun, adalah wajar juga kerajaan membantu graduan yang berpendapatan rendah dengan memberi pengurangan dari kadar yang sepatutnya. Jadi, mohon pihak kerajaan membandingkan unjuran bayaran yang bakal diperoleh sekiranya menggunakan kadar perjanjian asal dengan unjuran. Jika mengenakan bayaran berdasarkan kadar progresif, walaupun PTPTN akan mendapat kembali wang yang dipinjamkan, namun, harus diingatkan bahawa kerajaan perlulah berpegang kepada perjanjian yang telah diputuskan bersama. Maknanya, anak ini menyatakan bahawa kerajaan tidak mengikut apa perjanjian asal yang mereka menerima pinjaman tersebut. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya nak sambung sedikit. Ada anak ini juga minta.

Kedua, masih lagi berkisar kepada pendidikan. Berkaitan dengan kebijakan mahasiswa, terutamanya pelajar di peringkat pasca siswazah.

Sebelum ini, Program MyBrain telah dilaksanakan untuk pelajar cemerlang meneruskan pelajaran di peringkat Sarjana dan Kedoktoran. Hanya sejumlah RM90 juta diperlukan pada ketika itu untuk meneruskan Program MyBrain yang akan menghasilkan 10,500 graduan-graduan pasca siswazah.

Program MyBrain ini telah dibekukan dan jumlah pelajar telah menurun, terutamanya pelajar peringkat Sarjana. Pelajar peringkat Sarjana hanya menerima sejumlah biasiswa bernilai RM10,000, manakala pelajar PhD menerima elauan sara hidup dan yuran pengajian sebanyak RM24,000 maksimum sepanjang pengajian. Program MyBrain ini telah melahirkan jumlah graduan peringkat Sarjana atau *Masters* dengan peningkatan jumlah pelajar pasca siswazah telah merancakkan aktiviti penyelidikan di universiti, di mana kedudukan universiti awam telah meningkat, sebagai contoh.

Berdasarkan *QS World University Ranking 2018-2019*, Universiti Malaya berada di kedudukan ke-87 terbaik dunia. Universiti Kebangsaan Malaysia di kedudukan ke-184, Universiti Putra Malaysia kedudukan ke-202, Universiti Sains Malaysia di kedudukan ke-207 dan Universiti Teknologi Malaysia di kedudukan ke-228.

Kedudukan universiti ini meningkat dan apakah persamaan antara lima universiti terbaik Malaysia ini? Kelima-lima universiti ini merupakan universiti penyelidikan di Malaysia. Benar. Berdasarkan bajet, universiti menerima peruntukan sebanyak RM400 juta untuk penyelidikan. Walau bagaimanapun, kerajaan juga perlu memberi galakan untuk pelajar yang cemerlang dan berminat untuk menyambung pelajaran di peringkat pasca siswazah melalui program seperti MyBrain.

Soalan beliau, apakah kerajaan akan mengkaji semula Program MyBrain ini untuk membantu siswazah-siswazah? Sekiranya sebelum ini kerajaan telah memberi dana sebanyak RM90 juta, diharap kerajaan mempertimbangkan untuk memberi sekurang-kurangnya separuh dari itu dan diberikan hanya kepada pelajar-pelajar yang cemerlang.

Cukup untuk pendidikan, Tuan Yang di-Pertua. Saya nak masuk sedikit kepada pelancongan kerana saya melihat dalam soalan saya semasa RMKe-11, saya telah bertanya berhubung dengan negeri Kedah kerana saya wakil negeri. Maka, saya telah bertanya apakah kerajaan bercadang untuk meneruskan kajian yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dahulu yang mana orang yang sama, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sekarang. Apakah Lapangan Terbang Kulim akan diadakan? Jawapan yang diberikan agak luas dan tidak menuju kepada sasaran soalan saya.

Jadi, saya melihat Lapangan Terbang Kulim ini amat diperlukan kerana Lapangan Terbang Pulau Pinang itu telah pun penuh. Kalau kita *landing* di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan melalui kubur di hujung sekali. Kadang-kadang kita bimbang sebelum nak sampai Pulau Pinang itu, kita tengok kubur dulu sebelum tengok orang Pulau Pinang.

Jadi, di situ pun telah *congested*, dengan izin, dan pada ketika itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato' Seri Haji Mukhriz telah mencadangkan supaya diadakan lapangan terbang ketiga. Di Alor Setar selepas Kepala Batas dan Langkawi. Cadangan ini telah diperhalusi dan diperluaskan dan telah pun dibuat kajian meritnya dan didapati boleh dijalankan. Akan tetapi jawapan yang diberikan kepada saya agak terbuka. Katanya cadangan-cadangan masih diterima.

Soalan yang saya nak tanya, apakah Kerajaan Pakatan Harapan akan meneruskan dengan projek ini? Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, ia lebih kurang sudah jadi macam Janda Baik dulu. Janda Baik dulu ada perancangan untuk mengadakan lapangan terbang di Janda Baik. Ramai orang kaya telah berhijrah ke Janda Baik. Membeli tanah dan sebagainya dan orang-orang di situ pula menjual tanah mereka. Ini yang berlaku sekarang di Kulim, di Sidam. Berita-berita yang menyatakan bahawa lapangan terbang ini akan diadakan di situ telah membuat ramai orang telah berpusu-pusu ke Sidam dan Kulim untuk mencari tanah-tanah. Ini berlaku. Apabila ini berlaku, kita tidak dapat menyekat orang-orang kampung yang bila melihat harganya lebih daripada pasaran dan mereka ini menjual tanah-tanah mereka.

Jadi, persoalan saya kepada kementerian, apakah ada kebetulan daripada ura-ura yang menyatakan bahawa lapangan terbang tersebut akan diteruskan? Saya melihat kepada

pelancongan di negeri Kedah juga yang tidak dieksplotasi. Contoh yang diberi adalah Lembah Bujang.

Lembah Bujang adalah satu tempat yang mana kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lalu di Lembah Bujang itu, Ahli-ahli Yang Berhormat akan melihat rumah-rumah atap yang di bawahnya telah dikorek. Tanah di situ semua telah digali dan terdapat artifak-artifak yang bersejarah. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kalau kita nak masuk tengok situ pun kita takut kerana hutan ada di situ, dengan anjing liar yang berkeliaran. Tidak dijaga dengan begitu rapi. Saya nak mencadangkan kepada kementerian kerana kalau kita lihat kepada pelancongan, saya melihat fakta daripada Thailand.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada ramai lagi yang nak bahas.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Saya faham. Di Thailand, tahun lepas sahaja mereka telah mendapat kutipan sebanyak USD57 bilion yang mengatas China, Macau, Japan dan Hong Kong.

#### ■1720

Ini hasil daripada kutipan pelancong-pelancong yang pergi ke Thailand. Di Indonesia, terdapat 967 kampung *tourism*. Saya rasa Malaysia kalau boleh dapat setengah daripada ini yang kita boleh panggil *rural tourism*, maka tentu sekali kita akan dapat pendapatan yang lebih.

Jadi persoalan saya kepada Kementerian Pelancongan, apakah kerajaan akan menumpukan kepada pusat-pusat pelancongan yang ada? Kita tidak payah menggunakan wang yang begitu banyak untuk menaikkan taraf di tempat-tempat ini. Masalah kita dengan kerajaan kita ini kadang-kadang bila tengok *waterfall* yang cantik, dia hendak buat bangunan, dia hendak buat tangga naik dan sebagainya. Maka wang akan dihabis. Padahal dia perlu memberitahu kepada pelancong-pelancong dengan cara yang *international marketing* supaya mereka dapat melihat di sini natural, bukannya melihat bangunan yang besar di tepi-tepi *waterfall* yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah *rural tourism* dan *cultural tourism* akan di promosikan dengan lebih banyak supaya *income* daripada ini dapat kita sekurang-kurangnya tiga suku daripada *income* yang diterima oleh Thailand.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya maklumkan di awal tadi bahawa saya telah menyatakan berhubung dengan pertanian semasa RMKe-11 tetapi tidak dijawab sepenuhnya. Saya hendak bertanya sekali lagi, apakah kerajaan akan menggunakan peruntukan di sini untuk menaiktarafkan petani, penternak dan peladang di negeri Kedah? Ini kerana saya melihat contohnya MADA, MADA masih lagi menggunakan teknologi lama. Apakah kerajaan

akan *inject fund*, dengan izin, ke dalam MADA untuk ditukar cara pertanian yang lama kepada cara pertanian yang baru. Saya sebut hari itu baja, *chemical* baja kepada *microbes* yang dipergunakan dengan berleluasa di Taiwan dan juga di Jepun.

Saya baru-baru ini ke Tokyo, melihat bagaimana jagung yang besar ini bila pakai mikrob baja dia menjadi *double* daripada saiz yang ada sekarang ini. Jadi perkara ini apa susah sangatnya, kalau kita menghantar pegawai-pegawai kita untuk mengkaji bagaimana baja *microbes* ini yang tidak mempunyai *chemical* digunakan di negara-negara luar.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya kepada Menteri Pertanian. Walaupun beliau menjawab soalan saya hari itu dengan menekankan kepada soal baja, tetapi saya ingin mengetahui secara keseluruhannya bagaimanakah kerajaan akan meningkatkan petani-petani khususnya pesawah-pesawah di Kedah yang begitu banyak yang tahap kemiskinannya agak tinggi dan kawasan-kawasan kampung yang telah pun tidak menanam padi kerana ditumbuh dengan lalang-lalang kerana mereka tidak mengusahakan kawasan-kawasan lapang begini. Apakah perlu tanah-tanah diambil dan diusahakan dengan pertanian-pertanian moden? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

### 5.23 ptg

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekalung tahniah saya ucapan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2019. Sungguhnya saya menaruh harapan agar segala perancangan dan pemulihan fizikal, Kerajaan Persekutuan akan membantu ekonomi Malaysia lebih mampan pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, saya perlu penjelasan bahawa kerisauan orang. Pada ketika ini, merupakan daya maju ekonomi negara dan langkah paling berkesan kerajaan menangani tekanan ekonomi. Pasaran komoditi tempatan yang terus mengalami penurunan harga perlu diberikan perhatian sewajarnya.

Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengatakan bagaimana kerajaan menangani pengurangan bajet Skim Penstabilan Harga Minyak Masak kos pada tahun 2019 dalam mengimbangi permintaan minyak sawit di pasaran tempatan.

Ini kerana bajet kos 2019 hanya RM600 juta berbanding daripada RM720 juta pada tahun 2018. Bagaimana kerajaan dapat menangani kecenderungan pengguna M40 menggunakan minyak masak bukan sawit seperti minyak jagung dan minyak biji matahari kerana kecenderungan. Ini sudah pasti akan memberi lebih tekanan kepada permintaan tempatan bagi minyak sawit. Bagaimana struktur subsidi minyak sawit ditingkatkan dan dikawal ketirisan subsidi agar isi padu penggunaan tempatan meningkat dan harga minyak sawit mentah di pasaran komoditi lebih stabil?

Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Tinjauan Ekonomi 2019 penentu inflasi dalam negara ditentukan dengan mobiliti Indeks Harga Pengguna. Pada tahun 2018, kerajaan telah merencana semula rejim pencukaian GST kepada SST dengan sasaran beban harga barang pengguna lebih rendah penggunaannya tidak terbeban ekoran kenaikan harga pasaran.

Namun demikian, prestasi ringgit yang kurang memberangsangkan menyebabkan import produk makanan mengalami kenaikan harga. Justeru, kerajaan perlu mengambil langkah-langkah perlu pada tahun 2019 agar tekanan tukaran wang Ringgit berbanding mata wang utama dunia lebih stabil.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan dari Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan sejauh mana pemantauan dibuat ke atas dasar *Monetary Federal Reserve Amerika Syarikat*? Bagaimana kajian lebih komprehensif Bank Negara Malaysia dalam menentukan kadar OPR dia menjelang akhir Januari 2019?

Kedua, bagaimana kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Ehwal Pengguna memainkan peranan agar lebih banyak harga patut beroperasi di luar bandar? Ini akan mengurangkan tekanan kos sara hidup yang sedia tinggi ketika ini. Bagaimana pula rangka kerja peruntukan skim subsidi minyak petrol RON95 dan diesel akan dilaksanakan pada suku kedua tahun 2019 agar pelaksanaannya tidak menyebabkan penokokan harga lebih tinggi barang yang berada dalam senarai Indeks Harga Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman kerajaan mengenai isu defisit Tabung Haji pada Isnin, 20 November 2018, telah meningkatkan sentimen ketidaktentuan pasaran dan memberi implikasi terhadap nilai pasaran pelaburan Tabung Haji di pasaran modal Malaysia dan antarabangsa. Walau dinyatakan Tabung Haji mengalami defisit nyata 2017 dan pemberian hibbah yang terus diberikan menyalahi peruntukan Akta Tabung Haji yang terus diberikan pada tahun 1997.

Justeru, saya ingin mohon penjelasan kerajaan sejauh mana kemampuan Tabung Haji mengekalkan komitmen untuk membiayai subsidi haji, kos operasi dan belanja operasi sedangkan bayaran haji masih di takuk lama dan tidak seiring dengan perubahan ekonomi global semasa.

Mengapakah Tabung haji diletakkan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia sedangkan terdapat perbezaan nyata mengenai fungsi statutori dan isu perundangan melibatkan Tabung Haji? Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan iaitu *Royal Commission of Inquiry* (RCI) agar laporan penyelewengan dana pelaburan, rosot nilai pasaran Tabung Haji dan silap tadbir urus pengurusan tertinggi sebelum ini dapat ditentu ukur dan diselidiki dengan berkesan.

Saya amat dukacita apabila Menteri Kabinet mengenai pelancongan Kerajaan Pakatan Harapan mengumumkan bahawa salah satu cara promosi pelancongan yang dilaksanakan kementerian adalah melalui kerja tampalan stiker di badan pesawat dan di papan pengiklanan. Sepatutnya, Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya lebih proaktif dalam memastikan aspek seni, budaya dan warisan disepadukan dalam segala agenda pelancongan.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh mana aktiviti dan perincian yang dibuat oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dalam mengurus belanja operasi RM190 juta pada tahun 2019. Bagaimana pula peruntukan membangunkan sebanyak RM70 juta dibelanjakan bagi tujuan mempromosikan dan juga pemasaran sektor pelancongan Malaysia agar pengusaha dan personel yang terlibat dalam sektor ekonomi pelancongan ini ditingkatkan keupayaannya.

#### **▪1730**

Bagaimana kerajaan memasarkan jumlah pemasaran- menyasarkan jumlah perbelanjaan tahunan pelancongan asing dan tempatan dapat ditingkatkan dengan mencari kaedah kerjasama erat sektor perhotelan, *retails*, kraf, persembahan seni dan budaya, keupayaan Arkib, Muzium dan Istana Budaya, seni visual dan peruncitan kraf tangan tempatan.

Dalam Bajet 2019, kerajaan mengumumkan langkah drastik untuk menerokai platform *crowd funding* yang dipacu oleh pihak swasta. Pada masa kini, penjanaan mekanisme *crowd funding* ini telah dimulakan dengan Edge Prop Sdn. Berhad dengan nama *FundMyHome*.

Soalan saya kepada kementerian, apakah mekanisme platform ini telah dikaji secara serius oleh pihak berkuasa seperti Bank Negara dan juga Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sejauh manakah isu legitimasi dan perundangan yang perlu ditetapkan oleh badan kawal selia

agar skim ini tidak menemui kegagalan sebagaimana krisis subprima di Amerika Syarikat pada tahun 2007 dan 2008 dan ia akan menimbulkan tekanan terhadap daya maju pertumbuhan ekonomi Malaysia. Bagaimana Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan merealisasikan penjanaan *crowd fund* ini dalam merintis pembangunan rumah mampu milik dengan pihak pemaju swasta menjelang tahun 2019 dan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya diperuntukkan RM1.34 bilion bagi pembinaan jalan-jalan raya baharu pada 2019 iaitu kod dia 81000. Kepentingan pembinaan jalan raya baharu ini amat penting untuk memastikan jaringan hubungan antara bandar dan luar bandar lebih berkesan dan keselesaan pengguna.

Untuk itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, perincian projek-projek jalan raya baharu yang akan dilaksanakan pada tahun yang akan datang. Apakah kerajaan memberikan perhatian yang lebih berkesan dalam memastikan pendekatan pembinaan jalan baharu ini akan kemungkinan pembangunan koridor kawasan sekitar serta apakah projek pembinaan jalan raya baharu ini akan menggunakan *rubber cold mix* bagi membantu peningkatan harga getah di pasaran komoditi tempatan.

Pendidikan masa depan yang terbaik perlu diajarkan semula bagi memastikan- ketujuh, kerajaan memperuntukkan bajet pembangunan sebanyak RM50 juta bagi Dasar Industri Kreatif Negara pada tahun 2019 dan seharusnya hala tuju industri kreatif ini perlu diberikan penekanan khusus agar trend pemberhentian kerja di beberapa stesen TV dan media cetak ini dapat ditangani dengan berkesan.

Untuk itu, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia, sejauh mana kerajaan memastikan kebolehan pasaran industri kreatif ini dapat meningkatkan pertumbuhan sektor hasilan produk media kreatif dalam negara. Bagaimana bantuan peruntukan sebanyak RM10 juta kepada MDEC bagi membangunkan dan menggalakkan *e-sport* dan pemaju teknologi permainan digital yang mempunyai ramai peminat di kalangan belia.

Bagaimana FINAS menggiatkan usaha agar kandungan kreatif perfileman tempatan dapat menjana tayangan capai tahap *box office* untuk kutip pecah panggung serta kandungan tempatan dieksport ke luar negara. Pendidikan masa depan yang terbaik perlu diajarkan semula bagi memastikan pelajar kita dapat menyesuaikan diri dengan pelan tindakan dasar Industri 4.0 bagi menjadikan Malaysia merupakan destinasi pelaburan utama industri berteknologi tinggi.

Bagi memastikan persekitaran pendidikan di peringkat menengah berupaya menangani keupayaan modal insan, memenuhi Industri 4.0 ini. Saya ingin mendapatkan penjelasan Kementerian Pendidikan bagaimana menangani masalah akses capaian jalur lebar berkelajuan tinggi yang masih lagi membelenggu kebanyakan sekolah di luar bandar. Bagaimana sasaran kerajaan dalam mengurangkan jurang digital antara pelajar desa dan bandar agar pendidikan berteraskan *internet of things* ini menjadi suatu keperluan wajib bagi setiap pelajar di seluruh negara.

Bagaimana pendekatan pendidikan yang lebih berwawasan agar nilai murni pelajar dipastikan berhemah tinggi seiring dengan aspirasi budaya dan ketinggian budi pekerja masyarakat Asia walaupun persekitaran digital kita mendominasi kan kehidupan kanak-kanak dan remaja sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, antara tarikan utama Putrajaya dan Kuala Lumpur adalah kerana kemampuan kerajaan mengekalkan kewujudan zon hijau dan terus komited untuk memastikan pembangunan hijau meliputi pembangunan taman-taman awam. Landskap dan kajian dalam memulihara kelestarian landskap. Justeru dalam Bajet 2019, peruntukan sebanyak RM76 juta akan dibelanjakan bagi aktiviti ini.

Soalan saya, bagaimana kerajaan memastikan DBKL dan Perbadanan Putrajaya menyelenggarakan pembangunan taman awam dan landskap seiring dengan pendekatan teknologi hijau. Sejauh mana pemasangan alat permainan dan riadah diselenggarakan dan dipastikan tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna. Bagaimana program kesedaran dan pemupukan agar penduduk kejiranan komuniti PPR Kuala Lumpur dan Putrajaya menjaga taman-taman awam ini dengan baik dan menangani isu vandalisme.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Bantuan Sara Hidup atau dikenali BR1M sebelum ini amat membantu seluruh isi rumah yang kurang berkemampuan menangani kos sara hidup. Memang benar kos sara hidup amat meningkat, ini memberikan gambaran golongan B40 ini tekanan hidup yang amat mencabar. Mengikut kajian dan pendapatan, pada tahun ini golongan B40 ini tidak mampu untuk membuat simpanan tunai bagi membiayai kes-kes kecemasan dan keperluan mendesak.

Justeru itu, saya ingin mendapatkan pandangan dan penjelasan kerajaan bagaimana kita dapat memupuk kumpulan B40 ini membuat tabungan simpanan bagi kegunaan kecemasan dan keperluan mendesak dan semestinya institusi saham amanah seperti ASB dan AHB dapat memberikan satu penyelesaian holistik. Sejauh mana kerajaan membuat promosi dan hebatan kesedaran agar rakyat perlu hidup secara berbelanja berhemah dan

meminimumkan pembaziran pemakanan. Sejauh manakah kerajaan memupuk sikap dan budaya menyimpan di kalangan rakyat agar skim Bantuan Sara Hidup ini dapat dikurangkan tanggungan kos pada masa yang akan datang.

Akhir kata, saya mohon menyokong RUU Bajet 2019. Sekali lagi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan pegawai-pegawai sekalian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Silakan. Selepas itu Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

### 5.37 ptg.

**Datuk Lim Pay Hen:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Bajet 2019. Tuan Yang di-Pertua, selain beberapa isu baharu yang ingin saya bangkitkan dalam perbahasan bajet ini, perbahasan saya juga mempunyai kesinambungan daripada ucapan perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas terutamanya mekanisme kerajaan kini untuk merealisasikan sasaran dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 dengan Bajet 2019.

Saya ingin menyentuh beberapa aspek dalam perbahasan saya. Pertama, peningkatan tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan awam kepada masyarakat. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas telah menunjukkan langkah merasionalisasi nisbah perkhidmatan awam. Ini telah dijelaskan apabila 252 skim perkhidmatan telah di rasionalisasi kepada 240 skim bagi tujuan mewajarkan saiz perkhidmatan awam. Manakala dalam Bajet 2019, perbelanjaan emolumen bagi perkhidmatan awam ialah RM80 juta bagi 1.6 juta pegawai perkhidmatan awam dan emolumen pencen serta elau bersara adalah RM26 juta.

Perkara yang juga kerap dibangkitkan oleh pendapat masyarakat umum ialah mengenai saiz atau nisbah penjawat awam di Malaysia lebih tinggi berbanding dengan negara ASEAN yang lain seperti Indonesia, Filipina, Vietnam, dan Singapura. Pada tahun 2016, saiz penjawat awam adalah pada nisbah satu penjawat awam kepada 20 orang penduduk Malaysia. Jika dibandingkan dengan negara serantau Singapura, nisbah ialah satu penjawat awam kepada 41 orang penduduk Singapura.

### ■1740

Terdapat juga ura-ura pihak berkepentingan yang mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan untuk meneliti semula saiz atau nisbah saiz penjawat awam Malaysia sekiranya untuk mencapai bajet seimbang atau *balance budget*, dengan izin, terutamanya dari

segi perbelanjaan mengurus dan pembangunan yang seimbang. Dengan merujuk kepada perkara berikut, pendapat masyarakat umum kerap mempunyai pandangan bahawa saiz perkhidmatan awam telah melebihi nisbah wajar.

Apabila langkah merasionalisasikan nisbah perkhidmatan awam dilaksanakan, maka pandangan semakin nyata bahawa saiz optimum penjawat awam sebenarnya tidak lagi optimum. Dengan itu, saya ingin mendapatkan pencerahan daripada kerajaan kini. Adakah saiz atau nisbah perkhidmatan awam terkini adalah optimum atau seperti mana yang dikatakan oleh pendapat masyarakat umum bahawa saiz tersebut melebihi jumlah yang diperlukan?

Seterusnya, adakah dengan galakan penyampaian *e-government*, bagaimana kerajaan kini akan kawal selia dengan jumlah 1.6 juta penjawat awam apabila penyampaian tadbir urus perkhidmatan awam kepada sistem *online digital* yang lebih teratur, cekap dan lebih amanah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua mengenai projek rakyat atau komuniti daripada Ahli Parlimen bukan kerajaan. Sebagaimana soalan Parlimen yang telah kemukakan bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan, dan jawapan yang diterima kembali daripada Jabatan Perdana Menteri bahawa peruntukan di bawah kerajaan kini kepada setiap kawasan Parlimen dilihat berbeza. Hanya RM100,000 diperuntukkan kepada Ahli Parlimen yang bukan kerajaan. Perbezaan peruntukan di antara Ahli Parlimen kerajaan dan bukan kerajaan sememangnya diketahui umum. Saya menerima hakikat tersebut apabila kerajaan kini seharusnya lebih mantap berbanding mantan terdahulu.

Jadi soalan saya, adakah Ahli Senator boleh mengemukakan sebarang cadangan projek rakyat atau komuniti kepada Unit Penyelarasaran Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri atau ICU PMO? Projek rakyat atau komuniti kecil seperti pembinaan atau menaik taraf masjid, surau, dewan orang ramai, kemudahan awam serta asas seperti longkang dan parit, lampu jalan yang dibangkitkan oleh Ahli Senator seharusnya diberikan perhatian. Ini kerana Ahli Senator secara am tidak ada kawasan Parlimen yang khusus tetapi masih mendapat rungutan daripada masyarakat umum, rakyat serta komuniti setempat.

Seperkara yang memerlukan mendapatkan pencerahan ialah mengapakah peruntukan Bajet 2019, projek khas diasingkan dengan dua jumlah peruntukan yang berbeza di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi? Apakah pertimbangan yang difikirkan perlu untuk mengasingkan jumlah peruntukan projek khas apabila ia kerap melibatkan jenis projek rakyat seperti yang dinyatakan? Masyarakat perlu mengemukakan dua permohonan kepada jabatan dan kementerian. Saya meminta agar Jabatan Perdana Menteri

dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi menyenaraikan jenis projek yang terlibat boleh dipohon rakyat atau komuniti.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi aspek pendidikan pula. Selaras dengan arus perkembangan semasa dalam sektor pendidikan, Kementerian Pendidikan telah memberi penekanan kepada Pembelajaran Abad Ke-21. Bajet 2018 sebanyak RM190 juta ditetapkan sebagai usaha untuk mentransformasikan 2,000 kelas menjadi bilik darjah pintar Pembelajaran Abad Ke-21 bagi meningkatkan pembelajaran berasaskan pemikiran kreatif dan inovatif di kalangan pelajar.

Bajet tahun yang akan datang pula tidak dinyatakan dalam buku bajet atau telah berlaku penurunan apabila tiada peruntukan khusus untuk meneruskan usaha ini. Di samping itu, peruntukan bagi menganjak pembelajaran yang berpusat kepada murid hanya RM73.4 juta iaitu bahan pengajaran dan pembelajaran hanya RM16.4 juta. Sekolah transformasi berlaku penurunan kepada RM7 juta daripada RM10.7 juta dan penerusan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) juga telah berkurangan daripada RM260.4 juta kepada RM50 juta sahaja.

Dengan itu, saya menyeru agar Kementerian Pendidikan memberi perhatian mengenai PAK-21 walaupun ia merupakan legasi kerajaan terdahulu. Ini adalah kerana sekolah di Johor menyertai projek perintis PAK-21 telah menunjukkan hasil yang positif. Sebagai contohnya, di Muar, Johor. Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah Convent School, SJKC Pei Yang serta di Tangkak seperti SJKC- telah memperoleh keputusan ataupun prestasi yang amat menggalakkan.

Sokongan bajet yang berterusan diperlukan daripada kementerian apabila satu daripada syarat PAK iaitu pembelajaran murid adalah dalam saiz bilik darjah yang lebih kecil. Secara umumnya, sekiranya jumlah murid sekolah di antara kadar 1,700 hingga 2,000 maka bilangan bilik darjah PAK-21 yang lebih wajar ialah sembilan buah bilik darjah.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu pengenalan *sugar tax* dengan merujuk kepada duti eksais di bawah cukai tidak langsung. Langkah untuk memperkenalkan duti eksais ke atas minuman bergula atau juga lebih dikenali sebagai *sugar tax*, dengan izin. Merupakan satu cadangan yang dilaungkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2015 atau tahun 2016. Dengan satu laporan teknikal yang bertajuk *Physical Policy For Diet and Preventions of Noncommunicable Diseases*, dengan izin.

Laporan tersebut telah mencadangkan agar satu bentuk cukai dicadangkan ke atas minuman bergula dengan sekurang-kurangnya 20 peratus. Objektif langkah ini adalah untuk

mengurangkan pengambilan kalori seterusnya meningkatkan pengambilan nutrisi serta mengatasi masalah obesiti atau kegemukan dan *Non-Communicable Disease* atau NCD, dengan izin. Cadangan WHO ini telah disokong dengan keadaan di negara Mexico yang telah mengenakan cukai 10 peratus ke atas minuman bergula. Hasil langkah tersebut telah menunjukkan pengambilan minuman bergula telah berkurangan. Maka dengan hasilan tersebut, kini sesetengah pihak di Mexico telah menyokong agar cukai ini ditingkatkan mengikut cadangan WHO ialah sebanyak 20 peratus ke atas harga runcit.

Walau bagaimanapun, dengan laporan tinjauan terkini daripada WHO juga terdapat pandangan yang berbeza mengenai *sugar tax*. Ini adalah kerana dalam draf Laporan *World Health Organization Independent Commissions on Noncommunicable Diseases*, dengan izin, yang telah diterbitkan pada Mei 2018 telah menyatakan tiada bukti langsung menunjukkan pengenalan *sugar tax* ini berkemampuan mengurangkan masalah NCD.

Dengan itu, saya ingin mengemukakan dua persoalan kepada Kementerian Kesihatan dan dijangka kerajaan baharu akan menerima cukai sebanyak RM200 juta kerana *sugar tax*. Soalan yang pertama, apakah rancangan kerajaan untuk menggunakan jumlah cukai tersebut? Ini adalah kerana menurut WHO, cukai tersebut seharusnya menjadi satu bentuk subsidi untuk membantu masyarakat beranjak kepada gaya hidup dan pengambilan makanan yang lebih sihat.

Menurut cadangan WHO, sebanyak 10 peratus hingga 30 peratus daripada *sugar tax* seharusnya disalurkan semula kepada masyarakat untuk mencapai pemakanan dan minuman yang berkhasiat serta seimbang. Di samping promosi kesedaran kesihatan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta pencegahan penyakit NCD dan *Communicable Diseases* atau CD, dengan izin.

Soalan yang kedua, bagi memastikan anjakan paradigma di kalangan masyarakat kepada gaya hidup dan pengambilan makanan yang lebih sihat, kerajaan seharusnya juga menyemak semula metodologi dan memperhalus piawaian pelabelan nutrisi ke atas minuman bergula dan sebagainya. Ini akan meningkatkan kesedaran masyarakat ke atas makanan dan minuman yang diambil.

Selain daripada *sugar tax*, sebenarnya faktor obesiti juga disebabkan oleh masalah pengambilan *saturated fats and salt*, dengan izin. Adakah kementerian juga mempertimbangkan duti eksais atau cukai *saturated fats and salt*, dengan izin pada masa akan datang? Sebagaimana yang dilaksanakan oleh Denmark.

**■1750**

Langkah yang lebih drastik mengikut cadangan *WHO Independent Commission on Noncommunicable Disease* ialah kerajaan boleh melaksanakan kawalan ke atas bagi kalangan yang sedang diamalkan oleh industri pemakanan terutamanya makanan yang mengandungi kandungan nutrisi lemak, garam dan juga gula yang tinggi atau HFFS, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, lagi aspek kesihatan, pindaan sasaran oleh kerajaan kini yang lebih tinggi dan ideal memerlukan peruntukan yang lebih berbanding terdahulu. Ini amat jelas apabila Kementerian Kesihatan telah menerima RM28.7 bilion bagi tahun 2019 berbanding tahun sebelum ini seperti tahun 2018 hanya RM26.6 bilion, tahun 2017 RM25.2 bilion dan tahun 2016 RM22.7 bilion.

Kementerian Kesihatan juga telah memperkenalkan langkah baru seperti Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40. Skim Perlindungan Kesihatan (PEKA) untuk memberi perlindungan kepada golongan B40. Usaha ini tidak dapat dipertikaikan adalah amat baik.

Akan tetapi Dana Perlindungan Kesihatan Nasional B40 yang bermula pada 1 Januari 2019 hanya memberi perlindungan kepada 8000 bagi empat jenis penyakit kritikal utama. Kementerian Kesihatan atau Kementerian Kewangan perlu menyatakan di sini, apakah jenis penyakit kritikal utama yang dimaksudkan. Adakah pesakit golongan B40 dibenarkan mendapatkan rawatan di hospital swasta? Sekiranya dibandingkan definisi perlindungan insurans penyakit kritikal utama terkini ialah 36 jenis. Bilakah butiran mengenai dana akan diterbitkan untuk pengetahuan orang ramai supaya tidak terjerat dengan produk insurans yang kini pelbagai.

Skim Perlindungan Kesihatan (PEKA), skim melibatkan pelaksanaan saringan kesihatan bagi golongan B40 berumur 50 tahun ke atas. Isu yang dijangka timbul ialah, adakah skim ini akan mengehadkan *screening programme* tertentu, dengan izin. Adakah golongan B40 boleh melakukan program saringan tersebut di hospital swasta dan bagaimana kementerian boleh memastikan keperluan *screening programme* bagi seorang pesakit B40 agar tidak dikelirukan sehingga *over investigation* ataupun *over treatment*, dengan izin.

Satu *hazard*, dengan izin, yang dijangka ialah bagaimana kementerian akan sustain, dengan izin, kedua-dua dana dan skim ini untuk jangka masa yang panjang serta diperluaskan untuk golongan M40 nanti. Saya menyeru agar kerajaan kini mempertimbangkan pelepasan dan pengecualian cukai individual bagi kategori insurans perubatan dan insurans hayat

daripada yang dinyatakan dalam Bajet 2019. Usaha ini lebih bermakna dan secara langsung memberi manfaat kepada golongan *upper B40* dan M40.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, rumuskan.

**Datuk Lim Pay Hen:** Okey. Ini akan mengurangkan tekanan kepada golongan ini yang terpaksa membayar cukai, tidak menikmati insentif malahan perlu menampung kos menyara keluarga yang termasuk kanak-kanak dan ibu bapa atau warga tua.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang terakhir yang ingin saya sentuh ialah mengenai pilihan raya kerajaan tempatan. Bagi pelaksanaan, penarafan pihak berkuasa tempatan atau PBT berdasarkan tahap kecemerlangan penyampaian perkhidmatan, pada pandangan saya, lebih baik kerajaan kini dengan kadar segera menyimpulkan pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan atau PBT agar dapat mengembalikan kata putus kepada masyarakat. Ini adalah penting kerana PBT merupakan sebuah agensi yang paling mendekati kehidupan harian masyarakat maka secara langsung masyarakat seharusnya mempunyai kata penentuan ke atas penyampaian prestasi PBT.

Saya difahamkan bahawa Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menetapkan pilihan raya akan dilaksanakan dalam tempoh masa tiga tahun. Akan tetapi ternyatanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebaliknya menegaskan bahawa pilihan raya PBT tidak akan dikembalikan. Kementerian telah menjalankan kajian terperinci untuk mengkaji pelaksanaan pilihan raya PBT ini. Sekiranya kerajaan tiada berhasrat untuk mengadakan pilihan raya PBT, kenapa kementerian masih membazirkan cukai rakyat bagi menjalankan kajian terperinci.

Berikutnya kenapa tiada perwakilan daripada parti pembangkang dijemput untuk memberi pandangan terhadap kajian pelaksanaan pilihan raya PBT tersebut. Saya juga ingin minta penjelasan daripada Menteri apakah hasil kajian terperinci yang telah dilakukan oleh kementerian sejak enam bulan yang lalu dan dikemukakan kepada pengetahuan masyarakat umum. Secara pandangan masyarakat umum, pilihan raya PBT adalah mendapat sokongan positif. Maka diharapkan keputusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak muktamad dan menetapkan pelaksanaan pilihan raya PBT sebagai satu sasaran jangka masa panjang.

Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, kementerian komited untuk mengembalikan semula semangat patriotisme dan mengagihkan kuasa pusat kepada kerajaan negeri dalam beberapa fungsi seperti pengangkutan awam, perkhidmatan sosial dan perlindungan alam sekitar. Pada pandangan saya, hasrat ini amat menggalakkan.

Namun apakah implikasinya sekiranya beberapa fungsi seperti pengangkutan awam, perkhidmatan sosial dan perlindungan alam sekitar diagihkan kepada kerajaan negeri tanpa pemantauan prestasi ke atas PBT. Bagaimana kerajaan dapat memastikan sektor ini diuruskan dengan cekap dan amanah? Maka pengagihan kuasa ini sepatutnya satu pakej menyeluruh.

Kerajaan negeri dan PBT juga perlu mendapatkan mandat masyarakat setempat untuk membangunkan infrastruktur komuniti tempatan sebagai juga satu justifikasi kepada cukai yang diberikan oleh masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengakhiri perbahasan saya dan saya menabur harapan yang tinggi agar huriahan dan pencerahan yang saya sampaikan boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan apabila kerajaan kini dan terdahulu sentiasa mendahului rakyat. Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokong.

### **5.57ptg.**

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyertai perbahasan mengenai Belanjawan 2019. Saya mengalu-alukan seruan Kerajaan Pakatan Harapan yang menyatakan bahawa tiada rakyat yang akan ketinggalan dan ini saya harap juga meliputi dan merangkumi golongan orang kurang upaya di negara kita.

Saya ada beberapa perkara yang akan saya sentuh pada perbahasan saya ini. Saya mula dengan peruntukan bagi *rare diseases*. Dalam Belanjawan 2019, sejumlah RM50 juta akan diagihkan untuk rawatan *rare diseases*, Hepatitis C, tumbesaran terbantut di kalangan kanak-kanak, menyediakan perkhidmatan rawatan *haemodialysis* dan juga meningkatkan rawatan utama kesihatan.

Namun demikian, peruntukan secara pukal begini telah menimbulkan kegusaran dan ketidakpuasan hati di kalangan NGO-NGO yang mewakili pesakit-pesakit *rare diseases* dan juga keluarga yang terlibat. Oleh sebab tidak ada butiran maklumat terperinci mengenai, berapakah jumlah yang akan dibelanjakan untuk *rare disease* pada tahun 2019.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hampir 15 tahun yang kebelakangan ini, banyak usaha yang telah dilakukan oleh NGO-NGO dan pihak penyelidik berkenaan dengan *rare diseases* dan seorang yang paling telah memberi sumbangan yang banyak ialah Professor Dr. Thong Meow Keong dari Universiti Malaya.

Namun demikian, sehingga kini, tidak ada satu definisi bagi *rare diseases* di negara ini. Adalah amat penting untuk mewujudkan satu definisi. Ini adalah untuk memudahkan

pemahaman pelbagai jenis *rare diseases* yang oleh pemegang taruh dalam bidang ini. Di Malaysia juga sehingga kini tidak ada satu daftar untuk *rare diseases*. Ini menyebabkan tiadanya maklumat tepat mengenai penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini. Walaupun setiap *rare diseases* itu adalah unik yang memerlukan rawatan yang berlainan, secara keseluruhan terdapat sebanyak 6000 jenis *rare diseases* yang telah dikenal pasti di seluruh dunia.

#### ■1800

Antara jumlah ini, 80 peratus daripada *rare diseases* adalah bersifat genetik dan 30 peratus pesakit selalunya meninggal dunia sebelum mencecah umur lima tahun. Akan tetapi bagi mereka yang dapat meneruskan hidup, ia melibatkan rawatan perubatan jangka masa yang panjang. Tuan Yang di-Pertua, pesakit-pesakit *rare diseases* di Malaysia, menghadapi pelbagai cabaran, antaranya ialah:

- (i) rawatan yang lewat diterima oleh mereka sebab lambat dikenal pasti;
- (ii) kurang kesedaran di kalangan masyarakat umum dan juga di kalangan profesional perubatan sendiri;
- (iii) akses yang terhad kepada perkhidmatan genetik; dan
- (iv) akses yang amat terhad kepada ubatan yang ada, yang sebenarnya akan menentukan jangka hayat mereka yang menghidap penyakit *rare diseases* ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat banyak jenis ubatan yang diluluskan oleh badan-badan antarabangsa bagi mengubati *rare diseases* seperti *spinal muscular atrophy* dan juga *Duchenne muscular dystrophy*. Akan tetapi ubat-ubat ini di Malaysia, kita masih belum mendapat pembayaran daripada kerajaan.

Dalam 10 tahun yang lepas, pesakit-pesakit *lysosome* yang dianggap bertuah di kalangan *rare disease* ini kerana mereka menerima bantuan kewangan daripada kerajaan untuk *enzyme replacement therapy*. Suatu jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan di bawah Kementerian Kesihatan untuk menilai pemohon-pemohon bagi rawatan *rare disease*.

Walau bagaimanapun, dengan bertambahnya jenis *rare disease* yang dikenal pasti, peruntukan yang diberikan kepada Kementerian Kesihatan sangat tidak mencukupi. Tambahan pula, universiti-universiti yang menjadi *teaching hospital* juga tidak diberi peruntukan bagi ubatan untuk merawat *rare disease* dan kesan jangka panjang akibat ini ialah ia menjaskankan pengajaran dan penyelidikan *rare disease* di universiti-universiti tersebut. Ubatan bagi *rare disease* memerlukan kos yang tinggi.

Memandangkan ia adalah untuk sekumpulan yang kecil, jadi untuk menggunakan pendekatan yang *cost effective* bagi mengeluarkan ubatan bagi *rare disease* ini ia memerlukan model pembiayaan perubatan seperti mana yang dilaksanakan bagi penyakit-penyakit kronik misalnya kanser.

Jadi daripada segi perundangan pula, buat masa ini, Malaysia tidak ada undang-undang spesifik berkaitan dengan *orphan drug* berbanding dengan beberapa negara lain di rantau ini. Seperti di negara Singapura, Singapura telah pun mengadakan *orphan drug, legislation* perundangan pada tahun 1991, Jepun pada tahun 1993, Taiwan, Korea Selatan, Filipina juga ada perundangan berkenaan dengan *orphan drug* ini.

Jadi saya menyeru kerajaan untuk membuat suatu kajian perbandingan perundangan-perundangan ini dengan tujuan mewujudkan suatu undang-undang *often drug* bagi negara kita sendiri dan juga untuk diadakan suatu dasar kebangsaan yang komprehensif bagi *rare disease* supaya tiada pesakit *rare disease* yang akan ketinggalan. Lebih-lebih lagi, warga yang berkaitan dengan *rare disease* ini amat mengharapkan maklumat terperinci bagaimana ataupun banyak mana dana yang akan diperuntukkan untuk *rare disease* bagi tahun depan.

Topik yang kedua ialah berkenaan dengan agihan kepada kementerian-kementerian yang berkaitan memberi perkhidmatan kepada golongan OKU. Seperti umum tahu, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah kementerian yang utama, yang unggul yang menjaga kesejahteraan dan program-program bagi orang kurang upaya. Akan tetapi kalau kita lihat Pelan Tindakan OKU 2016-2022, yang menjadi satu *roadmap* bagi pembangunan OKU di negara kita, terdapat pelbagai kementerian yang ada peranan dalam melaksanakan pelan tindakan ini.

Jadi, saya hendak minta pihak kerajaan, adakah agihan peruntukan diberi kepada kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Keusahawanan, Kementerian Pengangkutan, KPKT, Kementerian Pelancongan, KBS dan sebagainya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, sebentar.

**[Timbalan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Senator, sila.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ya, terima kasih. Seperti mana Kajian Separuh Penggal dilakukan pada Rancangan Malaysia Kesebelas baru-baru ini, saya rasa kita juga harus buat satu kajian separuh penggal bagi Pelan Tindakan OKU 2016-2022 untuk mengetahui apakah pencapaian-pencapaian yang telah pun dilaksanakan. Pencapaian yang boleh direkodkan dan apakah yang masih belum tercapai?

Saya juga ingin bertanya kementerian kerajaan sama ada peruntukan persekutuan akan diberikan kepada majlis daerah-majlis daerah yang memerlukan peruntukan untuk melaksanakan *Uniform Building By-Laws*. Kita tahu bahawa *Uniform Building By-Laws* di bawah kuasa kerajaan negeri. Akan tetapi pelaksanaan UBBL ini didapati tidak memuaskan sehingga hari ini walaupun ia diperkenalkan dan diterima di semua negeri pada tahun 1990-an lagi.

Jadi saya hendak minta jawapan daripada KPKT khusus kepada jabatan kerajaan tempatan sama ada jabatan ini memantau pelaksanaan UBBL di majlis daerah-majlis daerah dan PBT di seluruh negara. Apakah peranan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menguar-uarkan dan menggesa setiap PBT itu melaksanakan UBBL tersebut?

Isu berikut yang saya ingin utarakan ialah mengenai pendaftaran OKU. Oleh kerana sistem yang kita amalkan adalah pendaftaran secara sukarela, hanya kita masih belum sampai 500,000 dalam daftar yang dipegang oleh JKM berkenaan Orang Kurang Upaya. Ini memang kita tahu tidak mencerminkan kedudukan sebenarnya. Jadi, saya ingin menujukan soalan kepada KPWKM, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencari dan mendaftar mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan yang sedia ada?

#### ■1810

Apakah rancangan khusus yang dijalankan di luar bandar di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak dan juga kawasan-kawasan pedalaman di Semenanjung? Malahan juga, dalam kalangan komuniti Orang Asli. Kerajaan Barisan Nasional dahulu pernah menjalankan satu projek yang dikenali sebagai Ops Cari, di mana *outreach programme* telah diadakan untuk pergi mencari dan mendaftar OKU.

Saya hendak bertanyakan kepada Kerajaan Pakatan Harapan, adakah pendekatan baru yang akan dikenalkan untuk memastikan bahawa kita pergi mencari dan mendaftar OKU-OKU ini supaya mereka dapat menikmati kemudahan dan juga apa-apa peruntukan dan program yang disediakan oleh kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup mereka?

Saya juga ingin tahu sama ada dalam *census*, perangkaan yang akan dijalankan tidak lama lagi, sama ada perangkaan mengenai Orang Kurang Upaya juga akan dikutip? Selama ini kita tahu bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Statistik dengan kerjasama JKM tidak begitu memuaskan dan tidak begitu efektif dalam mengumpul data-data yang diperlukan.

Hal ini selalu menjadi satu alasan bagi kementerian-kementerian dan juga kerajaan. Baru-baru ini, saya rasa sebulan yang lalu, Timbalan Menteri KPWKJ juga membuat kenyataan bahawa jumlahnya terlalu kecil. Kita tidak boleh menerima alasan itu. Oleh sebab sebenarnya kita tahu hampir 15 peratus daripada jumlah penduduk di sesebuah negara adalah terdiri daripada orang kurang upaya.

Ini adalah hasil kajian WHO dan *World Bank* yang diterbitkan pada tahun 2011. Sudah banyak kali saya telah utarakan isu itu di sini. Saya harap kali ini, usaha dijalankan supaya kita dapat *real data* dan mungkin kita boleh ambil contoh daripada negara lain, negara Asia lain. Negara India telah pun mengeluarkan satu garis panduan bagaimana hendak mengumpulkan *statistic data* OKU dan mungkin kita boleh gunakan itu sebagai satu panduan.

Dalam ucaptama Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh, pada 5 November baru-baru ini, beliau telah banyak mengatakan berkenaan *Sustainable Development Goals* dan juga *Disruptive Technology* berkaitan dengan OKU. Saya hendak bertanya kepada KPWKJ, apakah kementerian membuat usaha ataupun telah mengkaji bahagian di antara 17 matlamat-matlamat *Sustainable Development Goals* ini, yang mana ada kaitan dengan OKU? Apa yang telah dirancang, sedang diusahakan untuk memastikan bahawa *inclusive SDGs* ini dan juga merangkumi keperluan orang kurang upaya.

Berkenaan *Disruptive Technology*, ada kaitan rapat dengan Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi digital. Saya hendak bertanya KPWKJ dan juga Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), apakah rancangan-rancangan di bawah Revolusi Industri 4.0 yang dirancang, yang akan memanfaatkan orang kurang upaya dari segi menceburkan diri dalam perniagaan dan juga untuk pendapatan, untuk *self economic sustainability* orang kurang upaya?

Saya juga ingin menyentuh tentang menjadi negara berpendapatan tinggi. Kita menuju ke arah itu dan diharap kita mencapai matlamat yang disasarkan oleh kerajaan. Akan tetapi berkenaan pendapatan orang kurang upaya, khususnya berkaitan dengan Elaun Pekerja Cacat (EPC) yang telah diperkenalkan saya rasa lebih dari 15 tahun dahulu. Di mana ianya diperkenalkan untuk menggalakkan orang kurang upaya bekerja.

Di bawah polisi ini, seorang OKU yang bekerja dan mendapat pendapatan RM1,200 dan ke bawah, diberikan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM300. Sekarang ia telah dinaikkan kepada RM400. Jadi, kita harus mengkaji semula kerana adakah polisi ini, dasar ini masih relevan pada masa sekarang?

Ataupun adakah ia harus dikaji semula untuk meningkatkan *eligibility*, kelayakan untuk mendapat elaun itu, mungkin meningkatkan ia ke tahap yang lebih tinggi? Bagaimanakah jika dilihat melalui perspektif majikan? Adakah majikan menggunakan isu ini, menggunakan garis RM1,200 ini sebagai satu alasan untuk mengekalkan gaji di tahap itu bagi orang kurang upaya? Jadi dengan perkataan lain, mungkin terdapat eksplorasi oleh majikan.

Kita juga harus melihat struktur gaji bagi OKU di sektor swasta bagi *executive* dan juga bagi *non-executive*. Adakah ia setimpal dengan kelayakan yang ada pada OKU? Sekarang terdapat ramai graduan OKU dan juga yang berkelayakan tinggi, diploma dan atas. Ramai yang menganggur dan susah untuk mereka mendapat pekerjaan dengan majikan swasta. Adakah harus lebih banyak insentif diberikan kepada majikan supaya mereka dapat menggaji OKU ini?

Mungkin kita boleh ambil contoh dari beberapa *multinational company* yang ada di negara kita. Syarikat-syarikat seperti *Digi*, *IBM*, *Microsoft*, *Dell* dengan *Sony*, membuka peluang yang lebih kepada OKU untuk bekerja. Hal ini adalah disebabkan mereka mengikuti dasar yang ditetapkan oleh ibu pejabat mereka di luar negara. Jadi, mungkin sudah tiba masanya bagi kerajaan kita sendiri untuk menggalakkan syarikat-syarikat tempatan juga. Boleh dimulakan dengan GLC dan juga syarikat-syarikat tempatan yang lain untuk mencontohi dalam mengubah dan mempertingkatkan dasar mereka supaya menyediakan lebih peluang kepada OKU untuk menceburi alam pekerjaan dan sebaliknya, menyumbang kepada pembangunan negara.

#### ■1820

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Pembangunan Usahawan sama ada beberapa tahun kebelakangan ini terdapat beberapa program yang disediakan bagi OKU, di mana mereka telah menjalani latihan dan juga diberikan dana serta pinjaman untuk memulakan perniagaan di bawah SMECorp. Selain itu, TEKUN juga telah mengeluarkan banyak pinjaman...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi?

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ya?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta tolong gulung ya. Sila.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Ya, sedikit lagi. Saya mahu tanya adakah kajian dibuat ataupun ada *follow-up* dibuat sama ada selepas OKU menjalani kursus ini, adakah mereka mencebur perniagaan dan terus maju ataupun mereka menggulung tikar? Apakah sebab mereka tidak berjaya, di manakah kekurangan? Apa yang boleh dilakukan untuk menambah baik dan mencari penyelesaian supaya dana yang telah dibelanjakan untuk meningkatkan mereka itu tidak dibazirkan begitu sahaja?

Saya juga ingin menanyakan kepada Kementerian Belia dan Sukan selain dari memberikan peruntukan kepada *events* sport yang utama seperti *Paralimpiad* dan Paralimpik, apakah peruntukan juga disediakan bagi sukan dan rekreasi bertujuan untuk menggalakkan kehidupan sihat di kalangan OKU? Adakah peruntukan diberi kepada Persatuan Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (PESRON) negeri dan juga Majlis Sukan dan Rekreasi Orang Kurang Upaya (MESRON) untuk mengadakan sukan-sukan rekreasi? Selain itu juga, apakah rancangan-rancangan yang diadakan untuk belia OKU di bawah KBS?

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri. Hari itu Yang Berhormat Menteri dari KPWKM mengatakan bahawa *ASEAN Enabling Masterplan 2025* adalah di bawah jagaan Kementerian Luar Negeri? Saya juga difahamkan bahawa *United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities* (CRPD) juga adalah di bawah *jurisdiction* Kementerian Luar Negeri. Jadi, adakah peruntukan diberikan kepada Kementerian Luar Negeri untuk menjayakan *ASEAN Enabling Masterplan 2025* dan CRPD?

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita masih belum hantar laporan negeri, *state party reports* bagi CRPD yang sepatutnya dilakukan pada tahun 2014. Jadi, saya harap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan *follow-up* tentang hal ini.

Sebagai penutup, saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya satu agensi ditubuhkan untuk mengkoordinasi dan memantau beberapa program seperti contoh yang saya berikan tadi. Ini supaya, kita dapat mencatatkan kejayaan dan juga dapat tahu apakah yang harus dilakukan pada tahun-tahun yang akan datang? Selain itu, ini supaya bajet akan datang akan melihat kepada peruntukan-peruntukan terperinci kepada kementerian-kementerian yang berkenaan.

Dengan itu, saya ingin menyokong Belanjawan 2019, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Bathmavathi Krishnan. Sekarang, hanya sebagai ingatan mesra ada tujuh orang lagi yang hendak berbahas

Yang Berhormat Senator. Minta masa kita dalam lingkungan 15 minit. Tolong berikan kerjasama ya.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang. Sila, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang.

### 6.25 ptg.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong Hadis]*

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pertama, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan bajet yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 2 November yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan ucapan saya ingin menarik perhatian kepada Dewan iaitu saya menyokong ucapan Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah supaya pimpinan kerajaan hendaklah menghormati nakhoda. Janganlah kita sebagai kelasi kapal mendahului nakhoda. Itulah akhlak yang diajar oleh Islam kepada kami sebagai mana yang difirmankan oleh Allah SWT... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Wahai orang yang beriman, janganlah kamu mendahului Allah dan rasul, yakni pimpinan tertinggi. Bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah itu Tuhan yang amat Maha Mendengar dan Maha Mengetahui".*

Sebagai salah satu contoh selain daripada yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus tadi, ialah peristiwa yang berkaitan dengan ICERD. Saya bukan mahu bincang ICERD. Akan tetapi, hendak berikan satu contoh sebagai satu contoh. Ribut pun tidak, angin pun tidak, hujan pun tidak, tiba-tiba Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengemukakan pandangan dan cadangan ke arah meratifikasi ICERD sehingga menimbulkan keresahan di kalangan rakyat. Akhirnya, ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa meratifikasi ICERD memerlukan pindaan Perlembagaan dan ianya tidak akan diadakan. Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2019 adalah bajet pertama Kerajaan Pakatan Harapan selepas mengambil alih kerajaan yang bertemakan, "Malaysia Wibawa, Ekonomi Dinamik, Rakyat Sejahtera" yang mengagas tiga fokus dengan 12 strategi utama.

Menerusi perenggan 65, dalam ucapan bajet itu, kerajaan akan meneruskan dan menambah baik Bantuan Sara Hidup ataupun BR1M yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan

Nasional dan diubah menjadi Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada golongan sasar bergantung kepada saiz isi rumah. Ini di mana, yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah akan diberikan sebanyak RM1,000 manakala yang berpendapatan RM2,001 sehingga RM3,000 mendapat sebanyak RM750, yang berpendapatan RM3,001 sehingga RM4,000 akan dibayar sebanyak RM500 dan dengan nilai RM120 kepada setiap anak yang berumur 18 tahun ke bawah dan hanya terhad kepada empat orang anak sahaja kecuali anak OKU.

■1830

Tuan Yang di-Pertua, Bantuan Sara Hidup (BSH) ini, saling tak tumpah sama seperti Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M), cuma yang berbeza ialah pada zaman kerajaan Barisan Nasional pada tahun 2018, seramai 2.7 juta individu bujang mendapat bantuan BR1M. Kita tetap menyokong apa jua usaha dan perancangan yang memberi faedah dan kebajikan kepada rakyat, sama ada ia dinamakan BR1M ataupun BSH.

Cuma saya ingin mendapat penjelasan dari kerajaan, semasa kerajaan Barisan Nasional laksanakan BR1M ataupun berikan bantuan sara hidup ataupun BR1M ini dahulu, berbagai-bagi pihak telah menuduh sebagai rasuah politik. Maka apakah mekanisme dan juga pendekatan serta alasan yang akan diambil dan digunakan oleh kerajaan sekarang ini bagi mengelak ia dianggap rasuah politik tersebut.

Yang kedua, apakah rasional kerajaan sehingga menafikan 2.7 juta individu bujang daripada mendapat manfaat BSH tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana sedia difahami bahawa kos sara hidup yang dialami oleh rakyat amat membebankan. Perbelanjaan yang paling asas dan utama selain makanan ialah perumahan dan pengangkutan. Dalam bajet 2019, kerajaan memperkenalkan beberapa penyelesaian sebagaimana berikut:

- (i) pas bulanan RM100 tanpa had perjalanan yang meliputi perkhidmatan rel dan bas RapidKL;
- (ii) pas bulanan RM50 tanpa had perjalanan bagi bas Rapid sahaja; dan
- (iii) RM20 juta diperuntukkan untuk menambah baik servis GOKL.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan, penyelesaian yang dibuat oleh kerajaan ini semuanya untuk kepentingan masyarakat di bandar-bandar besar dan utama. Rakyat Malaysia bukan semuanya orang bandar. Maka, apakah faedah yang disediakan dan diperoleh masyarakat di luar bandar. Sekurang-kurangnya anak-anak masyarakat luar bandar ini yang berulang alik ke sekolah, yang jaraknya kadang-kadang melebihi 10 kilometer, apakah mereka juga akan menikmati pembangunan dan kemudahan yang sama seperti masyarakat di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sekalipun bajet 2018 bukanlah sesuatu yang mutlak sempurna, tetapi sekurang-kurangnya biarlah ia menampakkan wujudnya pembelaan kepada masyarakat di luar bandar. Masyarakat luar bandar terdiri daripada petani, nelayan, penoreh getah dan peneroka Felda. Dalam bajet 2018, telah diperuntukkan sebanyak RM6 bilion bagi sektor pertanian.

Daripada jumlah tersebut diperuntukkan sebagai Bantuan Sara Hidup di musim tengkujuh kepada penoreh getah, pesawah padi, masing-masing sebanyak RM200, dan para nelayan RM300 sebulan, tetapi bajet 2019, tiada peruntukan khusus kepada golongan tersebut. Persoalan saya, apakah alasan dan penilaian yang dibuat kerajaan sehingga kerajaan sanggup membatalkan peruntukan tersebut, atau apakah alternatif lain yang lebih baik dan lebih memberi manfaat kepada golongan tersebut.

Mengenai dengan masalah peneroka Felda, kini warga Felda terus menerus dihimpit kedukaan dan kesempitan, apakah lagi harga sawit dan getah turun mendadak, walaupun lebih tujuh bulan kerajaan PH menerajui ataupun enam bulan lebih kerajaan PH menerajui negara, dengan mahu melaksanakan agenda perubahan. Di manakah janji-janji kerajaan hari ini untuk menyelesaikan kemelut yang dihadapi warga-warga peneroka Felda. Kehidupan mereka bukan lagi kais pagi makan pagi, malahan tak tahu apa yang perlu dikais untuk dimakan di waktu petang.

Sebaliknya, apa yang mereka usahakan tidak langsung setimpal dengan keringat dan pengorbanan mereka, dan mereka seperti merempat di bumi sendiri. Sehingga pada hari ini, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), generasi bersama-sama peneroka Felda telah menganjurkan perhimpunan aman di Parlimen pada 11 Disember 2018 dengan penyerahan memorandum berhubung kesusahan hidup para peneroka akibat kejatuhan harga komoditi sawit. Antara beberapa isu yang dibangkitkan adalah kejatuhan harga sawit yang sangat kritikal, bayaran hasil yang sangat lambat, penghapusan hutang peneroka yang tidak munasabah.

Antara tuntutan dan jalan penyelesaian bagi pihak peneroka Felda yang perlu kerajaan pandang serius dan cakna permasalahan rakyat adalah pertama, saya menyarankan kepada pihak kerajaan dengan penuh ketegasan supaya menetapkan harga lantai bagi satu tan sawit, sekurang-kurangnya pada RM350 sehingga RM400 per tan metrik kepada peneroka Felda.

Sekarang harga lantai yang tidak menentu, sehingga kini harga lantai sawit antara RM280 sehingga RM300 per tan metrik. Hal ini menyebabkan rakyat hidup dalam kesempitan, dengan kos sara hidup yang tinggi. Jika masalah ini terus berlanjut, tidak mustahil harga

sawit menjadi RM50 satu tan, seperti yang pernah berlaku pada tahun 80-an. Mengapakah kerajaan tidak boleh menetapkan harga lantai yang setimpal dengan kos sara hidup rakyat sekarang ini. Saya ingin mengetahui apakah usaha-usaha yang dilakukan kerajaan hari ini bagi menstabilkan harga komoditi sawit di negara kita, memandangkan negara kita merupakan pengeluar komoditi kedua terbesar di dunia, selepas Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penderitaan yang ditanggung oleh peneroka Felda ialah hutang, sebagaimana disebut Yang Berhormat Senator Dato Zahari, yang ada sebahagian mencecah RM150,000. Kalau mereka mendapat pendapatan RM2,000 sebulan, dan mereka bayar hutang secara beransur-ansur, sebanyak RM150 sebulan, itu pun melebihi daripada kemampuan sebenar. Maka ianya memakan masa lebih daripada 80 tahun barulah hutang itu dapat dilangsaikan.

#### ■1840

Ertinya, para peneroka ini menanggung hutang seumur hidup sedangkan umur sawit hanya 25 tahun dan selepas itu mereka akan mohon pinjaman baharu untuk tanaman semula. Persoalan saya, tidakkah keadaan ini menimbulkan persepsi bahawa rancangan FELDA sesuatu yang gagal dan dianggap sebagai rancangan yang hanya memerah keringat rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu pendidikan. Pendidikan adalah antara penerima peruntukan terbesar daripada Bajet 2019 iaitu sejumlah RM60.2 bilion. Pendidikan adalah satu agen yang mencorakkan keperibadian dan jati diri kepaduan dan perpaduan sesuatu bangsa.

Bajet 2019 telah memperuntukkan sejumlah RM652 juta untuk menaik taraf dan penyelenggaraan meliputi sekolah-sekolah kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, sekolah berasrama penuh, sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah mualigh, sekolah tahfiz, dan pondok yang berdaftar termasuk Sekolah Menengah Persendirian Cina sebanyak 61 buah dengan peruntukan sebanyak RM12 juta.

Soalan yang berbangkit ialah Sekolah Menengah Persendirian Cina ini adalah sekolah yang enggan mengikut sistem pendidikan negara. Ia bercanggah dengan matlamat untuk mencapai perpaduan yang menjadi salah satu teras kepada matlamat pendidikan sesuatu bangsa. Perpaduan dan kesatuan rakyat mestilah menerusi sistem pendidikan dan penerapan nilai yang sama. Maka apakah justifikasi yang ada pada kerajaan sehingga bersedia untuk memberi bantuan kepada institusi yang seolah-olah tidak setia kepada negara.

Isu royalti minyak bagi negeri Terengganu. Royalti minyak sebanyak lima peratus kepada negeri-negeri pengeluar minyak, yang antara lain negeri Terengganu dan Kelantan

adalah satu tanggungan wajib yang mesti dibayar oleh Kerajaan Persekutuan sebagaimana termeterainya perjanjian mengikut Akta Petroleum. Pembayaran royalti tersebut telah disekat oleh Kerajaan Persekutuan sejak tahun 2004. Selepas Pilihanraya Umum Ke-14 pada 9 Mei 2018 yang lalu, kerajaan telah bertukar tangan di peringkat Persekutuan kepada Pakatan Harapan dan di negeri Terengganu kepada Parti Islam Se-Malaysia (PAS)

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu, telah mengadakan kunjungan hormat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan disertai sama oleh beberapa pimpinan dan mengadakan rundingan terus mengenai isu ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan persetujuannya bahawa royalti kepada Kerajaan Terengganu akan dibayar semula mengikut semangat patriotisme.

Begitu juga laporan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar bahawa keputusan yang telah dicapai dalam mesyuarat jawatankuasa kewangan negara telah memutuskan bersetuju untuk dibayar semula royalti kepada kerajaan negeri.

Mengikut jadual pembayaran, hendaklah dibuat separuh pertama pada bulan April dan separuh kedua pada bulan September. Hakikat yang berlaku pembayaran telah dibuat sebagaimana berikut. Pada 21 Ogos 2018 telah dibayar pendahuluan sebanyak RM100 juta. Pada 8 Oktober 2018, bayaran kedua sebanyak RM200 juta dan bayaran seterusnya sebanyak RM15 juta telah dibuat sekitar seminggu yang lepas. Ertinya, dalam bulan Disember ini...

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator....

**Dato' Haji Husain bin Awang:** ...Tarikh tepat- saya tidak dapat maklumat mengenai tarikh tepat bayaran yang ketiga ini.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator, minta dapat digulung ya.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Tidak sampai seminit lagi.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Dato' Haji Husain bin Awang:** Maka, apa yang disebut oleh Yang Berhormat Marang Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, sebenarnya ialah Terengganu masih terhalang daripada menerima bayaran penuh pada masa kenyataan itu dibuat, ialah sebelum sidang DUN pada 25 November yang lalu dan selepas sidang DUN masih lagi terhalang daripada bayaran penuh sehingga apakah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Kelantan pula, masih terhalang daripada menerima sebarang pembayaran daripada MOF yakni Kementerian Kewangan. Beliau iaitu Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tidak menyebut dalam kenyataan beliau itu yang negeri Terengganu masih belum menerima

bayaran royalti tetapi hanya menyebut terhalang menerima bayaran penuh. Maka kenyataan Yang Berhormat Marang dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Terengganu adalah selari dan tidak bercanggah dan amatlah songsang sekiranya beliau dituduh atau di label sebagai membohong.

Saya sebagai anak Terengganu berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris yang bersedia membela negeri Terengganu yang telah dinafikan haknya selama ini. Cuma saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa Dewan Negara bukanlah medium untuk bertikam lidah, label melabel antara satu sama lain apa lagi menuduh bohong dan sebagainya. Terlebih malang apabila orang yang dituduh tidak wujud di dalam Dewan dan tiada berkesempatan untuk membela diri. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato Haji Husain bin Awang yang telah memberi panjang lebar tadi dengannya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Haji Husam bin Musa, ada? Tiada?

Okey, saya langkah kepada Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, silakan.

#### **6.48 ptg**

**Datuk Donald Peter Mojuntin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk berbahas mengenai Belanjawan 2019. Dalam peluang ini, saya secara rasminya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Dewan Undang Negeri Sabah atas pelantikan saya sebagai Ahli Dewan Negara. Sesungguhnya pelantikan ini adalah satu amanah yang dipertanggungjawabkan. Saya berharap dan berdoa saya dapat melaksanakan tugas dengan baik.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Dewan Negara kerana menerima saya dengan penuh perasaan kekeluargaan dan persahabatan, dengan izin, *it is my owner and privilege to be in this 'August' House.*

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak negeri Sabah, kita berterima kasih Kerajaan Persekutuan kerana telah memperuntukkan sejumlah RM5 bilion daripada bajet pembangunan berjumlah RM54 bilion. Walaupun demikian, peruntukan pembangunan ini haruslah disalurkan melalui Kerajaan Negeri Sabah kerana kerajaan negerilah yang mengetahui secara terperinci keadaan keperluan yang sebenar di Sabah.

Di masa yang lampau, kerap kali keputusan-keputusan yang dibuat di Putrajaya tidak memenuhi apa yang diharap dan diperlukan oleh rakyat negeri Sabah.

■1850

Dengan Kerajaan Pusat yang baharu ini, besarlah harapan kerajaan negeri Sabah yang juga sebuah kerajaan baharu bahawa satu kaedah dapat digubal dan dipersetujui supaya kerajaan negeri Sabah mempunyai kata putus mengenai sasaran peruntukan tersebut.

Dengan ini rakyat negeri Sabah akan lebih menikmati usaha Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan dan kesejahteraan kepada mereka. Saya amat berharap perkara ini dapat dilaksanakan. Ia akan sedikit sebanyak meredakan kekecwaan rakyat Sabah apabila perkara kelayakan negeri Sabah untuk mendapat 40 peratus pendapatan bersih Kerajaan Pusat yang diperoleh dari Sabah tidak pun disebut dalam pembentangan Bajet 2019 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Kelayakan ini termaktub di bawah Perkara 2, Subseksyen 1, Bahagian 4 Jadual 10 Perlembagaan Persekutuan. Kita sedar bahawa Kerajaan Pusat sedang menghadapi cabaran kewangan. Akan tetapi tidak ada salahnya jika Kerajaan Pusat mencari jalan untuk membayar tunggakan pendapatan tersebut secara beransur-ansur.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini amat penting dan dekat dengan hati negeri Sabah dan rakyatnya. Oleh itu saya memegang harapan besar Kerajaan Pusat tidak akan melengah-lengahkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Pengarah Imigresen Sabah dalam satu kertas seminar yang diadakan pada 30 September 2018 di Kota Kinabalu, hampir satu pertiga penduduk Sabah merupakan warga asing. Akan tetapi hanya 30 peratus daripadanya masuk ke negara ini secara sah manakala majoriti dikelaskan sebagai pendatang tanpa izin. Secara keseluruhannya, Sabah dilaporkan dihuni oleh 1.2 juta orang warga asing daripada 3.9 juta orang penduduk. Ini bermakna jumlah pendatang asing tanpa izin adalah lebih kurang 840 ribu orang. Ini satu angka yang besar.

Keadaan ini menjadi teruk dan angka itu bertambah lagi kerana masalah pendatang asing tanpa izin yang memegang dokumen pengenalan Malaysia yang diperolehi secara tidak sah melalui sindiket-sindiket dan salah guna kuasa. Ini terbukti dalam Laporan *Royal Commission of Inquiry on the Illegal Immigrants in Sabah* pada tahun 2014. Tuan Yang di-Pertua, tidak hairanlah perkara ini menghantui dan membawa kerunsingan serta kemarahan di kalangan anak-anak watan atau warga Sabah yang tulen.

Tuan Yang di-Pertua, jika itu tidak mencukupi, pada 5 Disember yang lalu tiga lagi nelayan pukat tongkang diculik di perairan Sabah. Ini bermakna sejak dari dahulu hingga sekarang, sudah 32 orang diculik di perairan Pantai Timur Sabah. Peristiwa-peristiwa seperti ini dan pencerobohan Tanduo, Lahad Datu pada tahun 2013 memberi kesan yang begitu negatif kepada pelabur dan pelaburan di Pantai Timur Sabah. sebagai contoh sebuah syarikat daripada negara Jepun melalui syarikat GS Biomass Sdn. Berhad, telah baru-baru ini menarik pelaburan atas sebab ancaman keselamatan di Lahad Datu dan kenyataan pihak negara Jepun bahawa ia tidak bertanggungjawab terhadap keselamatan warga negaranya yang bekerja di situ. Oleh sebab itu, akhirnya syarikat Jepun itu telah menarik pelaburannya dan mengarah pekerja-pekerjanya balik ke Jepun begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu dan sedar bahawa pihak keselamatan telah dan sedang berusaha menangani masalah penculikan dan pencerobohan ini. Kita berterima kasih dan mengucapkan syabas kepada mereka kerana di antara 30 Oktober 2018 dan 12 November 2018, pihak keselamatan kita telah berjaya menahan tujuh pengganas di negeri Sabah.

Akan tetapi apa yang sangat membimbangkan adalah ketujuh-tujuh yang ditangkap itu adalah pendatang asing daripada negara Filipina dan yang sangat menakutkan lagi adalah mereka ini berada di Sabah untuk merekrut orang-orang di Sabah terutama sekali pendatang-pendatang asing tanpa izin untuk menjadi anggota Abu Sayaf.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna ancaman keselamatan atau dengan izin *security threat* kepada Sabah adalah bukan sahaja daripada luar atau *external*, tetapi bahaya lagi juga dari dalam negeri atau dengan izin *internal*. Tuan Yang di-Pertua, mengenai ancaman dari luar, kita sangat-sangat menghargai kewujudan ESSCOM.

Walaupun demikian, pihak keselamatan kita di ESSZONE itu menghadapi beberapa masalah yang sangat menghairankan. Sebagai contoh, daripada 300 buah bot peronda yang telah dibekalkan, 80 daripada bot ini langsung tidak boleh digunakan. Ini timbul kerana ia tidak dipelihara atau, dengan izin, *not maintained*. Spare parts tidak mencukupi, masalah minyak dan sebagainya. Selain dari itu belum ada aset-aset moden berteknologi seperti *drone* dan belum ada helikopter dan lain-lain peralatan moden yang diperlukan.

Satu lagi cabaran adalah kekurangan anggota kerana rancangan untuk meletakkan dua batalion polis di ESSZONE belum lagi dilaksanakan. Terdapat juga keperluan untuk mewujudkan, dengan izin, *Island Based Forward Operation* di sekurang-kurangnya lima pulau untuk mengetatkan lagi *border security* kita- itu pun belum dilaksanakan. Tuan Yang di-Pertua,

semua ini diperlukan untuk memastikan keberkesanannya ESSCOM dan semua ini melibatkan kos.

Oleh sebab itu kita berharap Kerajaan Pusat baharu tidak mengulangi kesilapan kerajaan yang lalu. Yang telah memperuntukkan RM 150 *million* untuk membina apa yang dipanggil sebagai Pelantar Laut Tun Sharifah Rodziah. Pelantar ini telah pun dibina tetapi ia langsung tidak berfungsi. Sebenarnya pegawai-pegawai ESSCOM tidak bersetuju dengan pembinaan pelantar tersebut. Keputusan untuk membina pelantar itu dibuat di Putrajaya dan tidak mengambil kira pendapat pegawai-pegawai ESSCOM yang lebih fasih dan tahu tentang keperluan dan apa harusnya dibuat untuk mengetatkan lagi keselamatan sempadan Sabah. Akibatnya duit rakyat dibazirkan tetapi masalah masih wujud.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman keselamatan berpunca dari kehadiran pendatang asing tanpa izin dan pencerobohan rakyat asing adalah masalah yang benar dan bukannya datang dari imaginasi atau persepsi rakyat Sabah- dengan izin, *it's a real and present danger*. Oleh sebab itu tindakan efektif dan penyelesaian tuntas daripada Kerajaan Pusat amatlah diperlukan. Cadangan untuk menarik balik semua MyKad warga Sabah supaya kad-kad ini dapat diversifikasi dengan terperinci seharusnya mendapat pertimbangan yang serius daripada Kerajaan Pusat.

Saya yakin proses verifikasi tersebut akan dapat mengesan kad-kad kewarganegaraan yang diperolehi secara haram atau tidak sah. Selepas proses verifikasi ini, MyKad anak watan dan warga Sabah yang tulen akan dikembalikan kepada mereka. Satu lagi proses untuk memastikan tidak ada masalah pada masa hadapan adalah pelaksanaan pendaftaran penduduk Sabah secara digital seperti yang dilaksanakan di negara Qatar Estonia dan di negara-negara yang membangun.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu ada juga keperluan untuk memperincikan dan menambahkan lagi, dengan izin, *security features*, proses permohonan kewarganegaraan Malaysia. Kerajaan Persekutuan dicadangkan untuk mengkaji kaedah di mana senarai semua pemohon-pemohon kewarganegaraan dipamerkan di tempat awam seperti dewan perbandaran, majlis daerah atau pejabat daerah selama sesuatu tempoh– sebagai contoh tiga bulan.

#### ■1900

Jika ada bantahan terhadap mana-mana pemohon, maka permohonan berkenaan harus dikaji semula. Jika tiada bantahan dan kelulusan diberi, semua pemohon-pemohon yang berjaya harus diwajibkan untuk melafazkan ikrar taat setia kepada negara Malaysia secara

umum di satu tempat yang dikhaskan untuk majlis tersebut yang mempunyai galeri untuk mana-mana orang awam yang ingin menyaksikan majlis tersebut.

Proses tambahan ini bukan sahaja akan mengurangkan penyelewengan dan salah guna kuasa dalam proses permohonan kewarganegaraan Malaysia malah ia akan juga memperlihatkan satu proses yang lebih *transparent* dan tulus. Perkara ini amat diperlukan walaupun mungkin ia memerlukan pindaan kepada Bahagian III, Bab 1, Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya meminta Kerajaan Pusat untuk mengambil perhatian kepada keperluan-keperluan di ESSZONE supaya keselamatan sempadan di pantai timur Sabah lebih kukuh, lebih hebat lagi. Kita harus ingat ancaman keselamatan terhadap negeri Sabah juga adalah ancaman keselamatan terhadap negara tersayang kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin kerana memberikan pandangan yang terbaik dan perbahasan yang terbaik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind.

## 7.02 mlm.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana berikan saya peluang untuk turut dalam perbahasan Belanjawan 2019. Salam sejahtera, salam mesra dan salam Malaysia baharu.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan yang lain-lain yang telah terlibat di Kementerian Kewangan kerana dengan masa yang terhad dan singkat dapat menyediakan satu belanjawan yang begitu komprehensif dan terperinci untuk masa hadapan negara dan atas keperluan dan kepentingan rakyat.

Saya ucapkan syabas kerana mereka dapat mengemudi negara mengharungi skandal ekonomi negara seperti paras hutang negara yang begitu tinggi yang berjumlah RM1 trilion, 1MDB, FELDA dan Tabung Haji dengan cara-cara dan usaha-usaha yang bertanggungjawab, cekap, amanah, telus, kreatif dan dengan semangat berpatriotik yang sudah dan akan diambil.

Kerajaan Pakatan Harapan juga mewarisi satu projek yang di tangguhkan secara luar biasa dan menjadi persoalan ramai pihak iaitu *Trans Sabah Gas Pipeline, The Multi Product Pipeline* di mana RM8.3 bilion daripada harga kontrak sebanyak RM9.6 bilion telah dibayar walaupun hanya kurang dari 10 peratus kerja pembinaan disiapkan. Maka dengan tindakan

dan usaha Kerajaan Pakatan melalui Belanjawan 2019 ini, saya percaya dan yakin bahawa negara akan diselamatkan dari satu keadaan atau bencana ekonomi yang nampaknya begitu teruk kepada satu keadaan yang lebih baik dan selamat.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh tindakan kerajaan membatalkan dua projek mega iaitu ECRL dan HSR yang akan menjimatkan berbilion ringgit. Tidak boleh dinafikan bahawa kedua-dua projek mega ini kita tidak akan mengembalikan wang pelaburan kerajaan selama-lamanya. Manakala projek HSR hanya akan menguntungkan Singapura. Saya juga mengucapkan syabas kerana kerajaan dapat mengurangkan harga projek mega iaitu MRT3 daripada RM3.16 bilion ke RM16.6 bilion dan jimatkan RM1.5 bilion dan projek MRT2, RM39.3 bilion kepada RM30.5 bilion dan akan jimatkan RM8.8 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini telah menyentuh mengenai harga getah dan kelapa sawit yang telah jatuh dan telah menyalahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Seperti mana kita semua faham, harga getah dan kelapa sawit adalah komoditi penting yang kita eksport kepada beberapa negara seperti India dan China. Maka harga akan ditetapkan atas permintaan mereka. Jika permintaan mereka menurun, maka harga pun turun dan sebaliknya bukan oleh kerana dasar kerajaan. Ini terpulang kepada, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *supply and demand* dan juga *market forces*.

Walau bagaimanapun, saya hendak buat satu cadangan Tuan Yang di-Pertua bahawa kerajaan mengkaji untuk mengadakan satu skim subsidi untuk membantu golongan pekebun kecil bila harga getah atau kelapa sawit di bawah satu ambangan harga, dengan izin, *threshold* untuk selamanya yang sewajar dan akan ditetapkan oleh kerajaan. Skim subsidi untuk komoditi dan produk-produk pertanian adalah cara biasa di negara maju seperti Australia, Eropah dan Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh soal cukai judi. Satu tindakan Kerajaan Pakatan Harapan yang tepat ialah menaikkan cukai fi dan levi ke atas sektor perjudian di mana lesen kasino akan dinaikkan dari RM120 juta kepada RM150 juta setiap tahun dan lesen mesin judi dinaikkan dari RM10,000 kepada RM50,000 setiap tahun.

Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar membuat pindaan dan mengenakan cukai terhadap aktiviti judi seperti empat nombor, *Jackpot* dan *Toto games* yang dikendalikan oleh Sports Toto Malaysia Sdn. Berhad, Magnum Corporation Sdn. Berhad. dan Pan Malaysian Pools Sdn. Berhad. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, aktiviti judi ini tidak memberikan manfaat kepada sesiapa.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang lain yang saya hendak bangkitkan ialah di bawah fokus kedua Belanjawan 2019 iaitu memastikan kesejahteraan rakyat. Saya tertarik bahawa sebanyak 4.1 juta isi rumah akan menerima bantuan sara hidup daripada RM500 hingga RM1,000 mengikut pendapatan mereka. Saya lebih tertarik kepada bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menambah BSH, RM120 untuk setiap anak berumur 18 tahun ke bawah, terhad kepada empat orang kecuali OKU yang tidak dihadkan umur mereka.

■1910

Saya juga ingin menyentuh Skim Caruman KWSP iSURI untuk golongan suri rumah di bawah Program eKasih yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan, di mana sebanyak RM45 juta diperuntukkan untuk skim ini. Ini adalah satu skim yang baru dan paling baik untuk kaum wanita. Saya ingin juga memuji dan berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memperuntukkan RM140 juta untuk menyeragamkan harga barang keperluan asas di Sabah dan Sarawak.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan bahawa untuk mengurangkan bebanan kumpulan B40, kerajaan memberi secara percuma setiap tahun kepada semua pelajar di sekolah-sekolah seluruh negara dua pasang kasut, dua pasang seragam sekolah, satu *bag pack* dan peralatan menulis seperti pen dan kertas atau buku. Ini tetap akan menambah perbelanjaan kerajaan tetapi kalau kita ingin membandingkan dengan berbilion Ringgit yang diselewengkan oleh pemimpin kerajaan dahulu, kos bagi kemudahan-kemudahan ini adalah tidak banyak. Cadangan saya adalah untuk diagihkan kepada semua pelajar, termasuk mereka dari keluarga yang berada. Ini adalah adil kerana bapa mereka pun membayar cukai.

Perkara yang saya hendak sentuh ialah perumahan untuk semua. Saya ingin juga puji kerajaan kerana memperuntukkan RM1 bilion untuk membina dan menyiapkan rumah mampu milik. Dengan langkah ini saya yakin dan berharap masalah kumpulan B40 dan kumpulan muda yang sukar memiliki perumahan dapat diselesaikan.

Saya ingin juga tahu, berapa daripada jumlah peruntukan RM1.5 bilion ini akan diberikan kepada wilayah Sabah dan berapa buah rumah mampu milik akan dibina di wilayah-wilayah tersebut pada masa tahun belanjawan ini? Bagaimanapun saya tidak yakin dengan cadangan kerajaan mengadakan satu skim pinjaman yang baru kaedahnya belum dilakukan oleh mana-mana negara yang dipanggil pinjaman terbuka antara rakan setara, dengan izin, *peer-to-peer lending*. Kerajaan mesti berwaspada kerana saya berpendapat bahawa satu masalah besar akan timbul ketika harta tanah tersebut hendak dilelong. Apa akan jadi apabila satu daripada peminjam itu tidak mahu meneruskan untuk melelong harta ini?

Perkara lain yang ingin disentuh ialah pendidikan. Saya bersetuju dengan langkah kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM60.2 bilion untuk pendidikan, di mana satu sektor yang sangat penting dalam proses membina negara iaitu *nation building*. Bagaimanapun saya yakin ingin mencadangkan agar peruntukan yang akan dibelanjakan di wilayah Sabah disalurkan secara terus kepada Kementerian Pendidikan Sabah yang boleh menjalankan projek-projek bagi Kementerian Pendidikan Persekutuan secara lebih efektif. Ini termasuk pembinaan sekolah baru dan memperbaiki sekolah-sekolah yang daif.

Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, minta Kementerian Pendidikan harus mengkaji kenapa sistem pendidikan yang sedia ada telah gagal untuk menyatukan rakyat berbilang kaum dan terus mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Pada masa ini, di Sabah Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa asrama di kawasan pekan kecil, di mana didirikan dan dioperasikan oleh NGO, termasuk *Catholic nuns*. Sekolah dan asrama ini didirikan dengan derma dan bantuan kewangan orang awam, Tuan Yang di-Pertua.

Tujuan asrama ini ialah membawa anak murid dari kampung-kampung yang terpencil, di mana tiada jalan untuk bawa mereka tinggal di asrama itu supaya mereka boleh menghadiri sekolah dan dapat didikan. Dengan ini, saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kementerian Pendidikan bagi bantuan kepada asrama-asrama ini di Sabah. Oleh kerana ini adalah satu bantuan daripada kerajaan untuk mendidik rakyat yang miskin di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan agar kita menyediakan satu kurikulum baru untuk mendidik anak-anak muda kita mengenali, mempelajari dan mendekati teknologi baru seperti robotik dan kecerdasan buatan atau *artificial intelligence* yang negara akan hadapi dalam Revolusi Industri 4.0 ini.

Teknologi baru ini akan membawa kesan dan perubahan yang besar kepada keseluruhan hidup kita dan adalah cabaran yang paling hebat terhadap negara kita di masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan kerana memberi peruntukan sebanyak RM5.009 bilion kepada wilayah Sabah. Bagaimanapun, saya ingin mencadangkan bahawa peruntukan ini disalurkan kepada Kerajaan Wilayah Sabah kerana mereka lebih mengenali keadaan dan selok-belok keadaan demografi tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita telah menyaksikan beberapa skandal kewangan yang serius melibatkan beberapa institusi kerajaan yang penting seperti 1MDB, FELDA dan Tabung Haji. Maka, adalah tepat langkah kerajaan memberi peruntukan sebanyak RM286.8

juta kepada SPRM untuk memperkasakan tugas mereka untuk mencegah rasuah dan salah guna kuasa.

Tugas dan peranan SPRM dalam proses membina negara adalah sangat penting kerana rasuah adalah ancaman utama negara. Maka, tidak hairan Kerajaan Persekutuan meletakkan isu ini di dalam Tonggak Pertama Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu reformasi SPRM.

Di sini saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua anggota SPRM kerana menjalankan tugas yang penting ini dengan berdedikasi, bertanggungjawab, beramanah dan penuh semangat dalam usaha Kerajaan Pakatan Harapan untuk membasmi, membanteras dan mencegah rasuah dan salah guna kuasa yang kita telah saksikan baru-baru ini. Jasa, pengorbanan dan perjuangan mereka adalah sumbangan dalam proses membina satu negara yang makmur, kaya dan maju serta akan disegani oleh negara-negara jiran.

#### ■1920

Di sini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada anggota PDRM atas pengorbanan mereka dan jasa mereka yang tulus, maka negara kita adalah aman dan selamat. Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya akan menerima pakai atau, dengan izin, *adopt* ucapan Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip di mana ucapan beliau mengutarakan berkaitan dengan PDRM...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta tolong gulungkan ya.

**Datuk Theodore Douglas Lind:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tinggal satu poin sahaja.

Dalam Kajian Separuh Penggal, kerajaan telah cadang untuk membersihkan daftar pemilih. Seperti mana yang kita faham, di Sabah ini undi hantu yang paling terkenal di negara kita ini. Jadi tindakan kerajaan ini ialah sangat penting untuk mengukuhkan lagi demokrasi di negara kita khususnya di negeri Sabah.

Soalan saya ialah, bilakah kerajaan akan mulakan untuk membersihkan daftar pemilih ini? Ini adalah masalah seperti disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, satu masalah yang paling besar di negara kita, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah sebagai satu duri dalam daging orang Sabah.

Satu perkara yang penting yang saya mesti utarakan Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai orang-orang yang duduk di Sabah sejumlah 500,000 orang yang tiada kewarganegaraan. Jadi, mereka ini terdiri daripada kebanyakan ada anak-anak kepada bapa warganegara dengan ibu orang asing tetapi tidak berkahwin.

Kedua, anak-anak kepada bapa dan ibu memegang dokumen IMM13 dan juga anak kepada bapa dan ibu bukan warganegara. Akhirnya yang keempat, anak terbiar di mana bapa dan ibu telah balik ke negara asal khususnya Filipina. Ini satu perkara yang paling serius Tuan Yang di-Pertua kerana kita dapati 500,000 orang budak-budak tidak bersekolah, tidak layak menerima apa-apa kemudahan dan perkhidmatan daripada kerajaan dan masa hadapan serta kedudukan mereka langsung tidak menentu, Tuan Yang di-Pertua.

Ini akan mengancam keselamatan Sabah dan menjadi masalah sosial dan satu tragedi kemanusiaan iaitu *human tragedy*, dengan izin. Sebagai satu negara yang prihatin, kita tidak boleh biarkan keadaan 500,000 orang manusia begitu sahaja tanpa mengambil apa-apa tindakan. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Kerajaan Persekutuan dengan secepat-secepatnya ambil satu tindakan yang komprehensif dan terperinci untuk menyelesaikan masalah yang serius ini.

Saya juga ingin menyentuh mengenai keselamatan Wilayah Sabah iaitu di Sabah Timur dan di sini juga saya akan menerima pakai, dengan izin, *adopt* dan sokong penuh dengan apa diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin tadi.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua kerana saya telah dipendekkan ucapan saya dengan *key point*. Akhirnya, saya ingin menimbulkan mengenai isu yang 40 peratus hasil yang diperoleh daripada Sabah dan masih belum ditunaikan oleh Kerajaan Persekutuan. Soalan saya ialah, bilakah kerajaan akan kembalikan wang ini kepada negeri Sabah?

Akhirnya juga, sebelum saya mengundur diri Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dan menyokong dengan sahabat saya dari Sabah juga, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang yang mengatakan Lapangan Terbang KKIA sudah terlampau sesak. Tak boleh lagi- untuk masa hadapan, harus diperbesarkan Tuan Yang di-Pertua kerana sudah terlalu sempit. Lagi kita yakinkan nak harapkan banyakkan pelancong akan melawat Sabah, maka kerajaan harus mencari jalan untuk membesarlukan lapangan terbang itu.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong penuh Belanjawan 2019 ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak kepada Yang Berhormat Datuk Theodore Douglas Lind, telah menyampaikan perbahasan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman, dipersilakan.

## 7.26 mlm.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi kesempatan untuk turut serta membahas Bajet 2019. Pertamanya, mungkin oleh kerana kita datang dari negeri yang sama, jadi kita mempunyai satu pendekatan dan satu penemuan atau kaji selidik kita yang sama.

Saya mohonkan untuk meneruskan kerana ini adalah kali terakhir saya membahaskan bajet negara untuk kali ini dan mungkin ada beberapa fakta yang sama tetapi mungkin juga ada fakta yang berbeza. Ini kerana ia adalah satu-satu isu yang betul-betul dan benar-benar di hati saya sejak daripada dua penggal yang lalu saya berada di Dewan Negara, inilah isu yang sentiasa tidak pernah saya lupakan.

Saya telah membangkitkan masalah dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali tetapi nampaknya belum ada tindakan yang konkret dilaksanakan oleh kerajaan sama ada kerajaan pada hari ini ataupun kerajaan yang telah lalu. Menurut Pengarah Imigresen yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Donald Peter Mojuntin- masalah kebanjiran PATI ini telah semakin serius dan di luar kawalan. Hampir 1/3 penduduk Sabah merupakan warga asing tetapi hanya 30 peratus daripadanya masuk secara sah manakala majoriti dikelaskan sebagai pendatang tanpa izin.

Secara keseluruhannya, Sabah dilaporkan dipenuhi atau dihuni oleh 1.2 juta warga asing daripada 3.9 juta penduduk. Apa yang amat membimbangkan sebaik sahaja selesai PRU Ke-14, kerajaan baru yang telah dipilih tidak bertindak memutihkan PATI yang berada di Sabah dengan memproses permohonan pendaftaran anak-anak pemegang kad IMM13 di Sabah dan Labuan yang mana kad IMM13 ini telah diberhentikan sebelum ini.

Perkara ini bukan lagi rekaan kerana terdapat rakaman video dan surat-surat sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan kepada agensi-agensi yang memproses dokumen tersebut. Kegiatan ini telah menjadi tular di media sosial yang menunjukkan orang ramai dipercayai warga asing membanjiri pejabat unit khas Jabatan Imigresen di Kota Kinabalu.

Keadaan ini mengundang pelbagai persepsi yang mendakwa pemberian dokumen itu memudahkan mereka mendapat kad pengenalan sebagai warga tempatan. Kerajaan Negeri Sabah mendakwa mereka tidak tahu apa-apa berhubung dengan perkara ini dan menyangkal dakwaan ada terlibat dengan langkah tersebut. Persoalannya, saya mahu penjelasan daripada

kerajaan. Adakah Jabatan Imigresen Malaysia Sabah melaksanakan urusan ini? Jika benar, apakah tujuan di sebaliknya?

▪ 1930

Kita tidak mahu ada lagi Projek IC kali kedua untuk memenuhi matlamat politik pihak tertentu. Persoalannya keduanya ialah saya ingin tahu adakah Kementerian Pendidikan akan melaksanakan dasar baharu dengan membenarkan kanak-kanak tanpa dokumen berdaftar di sekolah kerajaan bermula pada Januari 2019 ini. Saya juga ingin tahu, apakah implikasi terhadap tindakan ini.

Saya juga melihat kebanjiran PATI ini telah mendatangkan ancaman keselamatan kepada rakyat negeri Sabah. Sebagai contoh, Pulau Gaya yang kedudukannya berhampiran dengan Kota Kinabalu dipenuhi dengan rakyat asing sehingga jika ada masalah keselamatan di pulau tersebut pihak polis dan pihak berkuasa lain takut untuk pergi ke pulau itu. Keadaannya sama seperti di beberapa tempat yang lain di Semporna, Tawau dan Sandakan.

Oleh itu saya mohon penjelasan dari Kementerian Dalam Negeri apakah jaminan bahawa kawasan ini selamat untuk dilawati oleh rakyat Sabah dan rakyat luar. Berapa ramai anggota polis keselamatan yang ditempatkan bagi mengawal keselamatan di lokasi-lokasi tersebut. Saya juga mohon penjelasan jumlah pendaftaran permohonan kad pengenalan Malaysia mengikut bulan semenjak Januari 2018 sehingga Oktober 2018 di negeri Sabah dan berapa ramai permohonan pemastautin tetap untuk menjadi warganegara Malaysia telah diluluskan di Sabah.

Saya juga mohon penjelasan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas syor-syor dan komen-komen Suruhanjaya Diraja mengenai projek IC haram di Sabah. Sejauh mana cadangan-cadangan laporan Suruhanjaya Diraja tersebut telah dilaksanakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini Parti Bersatu Sabah bersedia membawa isu masalah PATI ini di peringkat antarabangsa jika isu masalah PATI ini gagal diselesaikan oleh Kerajaan Pusat ataupun Kerajaan Negeri.

Kedua, masalah keselamatan negeri Sabah. Saya juga ingin membangkitkan peruntukan pembangunan sebanyak RM5.9 bilion dalam Bajet 2019 kepada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri pada hemat saya peruntukan ini sangat kecil jika dibandingkan Bajet 2018 di mana Kerajaan Barisan Nasional telah memperuntukkan lebih RM17 bilion kepada Kementerian Pertahanan dan kira-kira RM8 bilion untuk Kementerian Dalam Negeri.

Kedudukan ini meletakkan tahap keselamatan negara dalam keadaan berisiko khususnya di Sabah. Ini adalah kerana wang RM5.9 bilion itu hanya cukup untuk kos penyelenggaraan sahaja bukan untuk memiliki aset baru. Ini akan menyebabkan sistem pertahanan negara tidak akan memiliki senjata terkini dan terbaru.

Melihat kepada ancaman kegiatan jenayah dan keganasan yang telah menjadi semakin besar masalah tidak mampu memiliki senjata dan peralatan canggih seperti yang dirancang akan merencatkan usaha pasukan keselamatan menentang keganasan apatah lagi untuk menghalang pencerobohan kapal-kapal perang asing di dalam perairan Malaysia.

Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Marin Link pada 30 Oktober lalu berserta maklumat yang diterima oleh Pusat Perkongsian Maklumat (IAC), Pusat Perjanjian Kerjasama Wilayah Memerangi Lanun dan Rompakan Atas Kapal Asia (RECAAP) menunjukkan bahawa isu keselamatan tidak seharusnya diabaikan kerajaan. RECAAP menerima laporan daripada agensi pertahanan maritim di Filipina bahawa 10 ahli Kumpulan Pengganas Abu Sayyaf lengkap senjata api seperti pistol, senapang dan pelancar bom tangan mempunyai perancangan untuk menjalankan aktiviti penculikan di beberapa kawasan di Sabah.

Laporan tersebut juga menekankan bahawa penculikan menyasarkan ahli perniagaan dan kru kapal asing dengan hanya menggunakan motor banca yang tidak bertanda dikenali sebagai jongkang itu bot laju yang direka khas untuk perairan yang cetek. Berita yang tular berkaitan tahap keselamatan perairan Negeri Sabah diterbitkan hanya beberapa hari sebelum pembentangan Belanjawan 2019.

Ini jelas menunjukkan bahawa keadaan keselamatan di Sabah amatlah membimbangkan. Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Mohamad bin Sabu telah menyatakan bahawa tiada ancaman serius di Zon Selamat Timur Sabah atau ESSZONE dan memberi jaminan bahawa keselamatan di negeri berkeadaan terkawal. Kenyataan Menteri Pertahanan ini bercanggah dan menyimpang daripada maklumat perisikan yang diperoleh berhubung keselamatan negeri Sabah.

Pada 5 Disember lalu jam 6.30 pagi, berlaku serangan oleh empat lelaki bersenjata ke atas bot tunda yang membawa 12 kru terdiri daripada dua warga Malaysia dan juga 11 kru warga Indonesia di perairan Pegasus Reef Kinabatangan. Pada 11 Disember Pesuruhjaya Polis Sabah telah mengesahkan bahawa tiga nelayan telah dilaporkan hilang berhampiran kejadian serangan sebuah bot tunda Mektran dua buah di perairan Pegasus Reef Kinabatangan diculik dan berada di suatu tempat di selatan Filipina.

Pada 10 Disember polis menahan tujuh individu termasuk dua warga Filipina yang disyaki terlibat dalam kumpulan pengganas di Sabah, Kelantan, Selangor dan Kedah. Ketua Polis Negara, Tan Sri Muhamad Fuzi Harun dalam kenyataan berkata, “*Semua tangkapan itu ditahan oleh Bahagian Counter Terrorism E8 Cawangan Khas PDRM di antara 19 hingga 28 November lepas*”.

Suspek yang ditangkap di Tawau pada 21 November melibatkan seorang lelaki warga Filipina berumur 45 tahun yang bekerja sebagai pekebun. Suspek merupakan anggota kumpulan- *Abu Sayyaf Group* (ASG) yang terlibat dalam sekurang-kurangnya 3 siri penculikan di selatan Filipina dan Sabah. Suspek turut disenaraikan sebagai antara individu yang dikehendaki oleh pihak berkuasa ESSCOM.

Pada 28 November sepasang suami isteri warga Filipina ditangkap di Tenom kerana terlibat dalam menyembunyikan maklumat mengenai kehadiran anggota kumpulan- *Abu Sayyaf Group* di Sabah. Pada 20 November penahanan 67 PATI di Ops Pasir Persisiran Pos Tanjong Batu, Tanjong Labian bersama rampasan 16 buah *pump boat* dan sebuah bot berbumbung. Oleh itu saya mohon penjelasan Kementerian Pertahanan apakah langkah yang dilaksanakan bagi memperkuuhkan tahap keselamatan di Sabah lanjutan daripada kekurangan peruntukan dalam bajet kali ini.

Saya juga mohon penjelasan daripada Menteri Pertahanan akan kedudukan Perjanjian Kerjasama Trilateral DCA di antara Malaysia, Indonesia dan Filipina. Apakah hala tujunya dalam keadaan kerajaan yang bakal mengalami defisit selama beberapa tahun akan datang. Adakah operasi bersama tersebut dapat diteruskan. Saya berharap kerajaan tidak mengabaikan tahap keselamatan di Sabah dan tunaikan segala janji-janji yang telah dibuat untuk negeri Sabah.

Selain daripada itu, saya juga mohon penjelasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung ketegangan di antara Malaysia dengan Singapura berkaitan pertikaian ruang udara dan laut di sempadan Johor dengan Singapura. Apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan pertikaian ini kerana daripada apa yang dilihat pihak Kerajaan Singapura tidak mahu mengalah dan bersedia untuk menggunakan kekerasan terhadap aset-aset Malaysia yang memasuki kawasan laut yang didakwa miliknya.

Kita tidak mahu satu lagi episod Pulau Batu Puteh berlaku yang akhirnya Malaysia tewas dalam perebutan tersebut. Saya bimbang dengan kenyataan Menteri Pertahanan, Yang Berhormat Mohamad bin Sabu di dalam Dewan Rakyat yang lalu di mana beliau menyebut

tentera kita paling ranking tercorot jika dibandingkan dengan angkatan tentera negara ASEAN yang lain.

▪ **1940**

Adakah Yang Berhormat Menteri bermaksud tentera kita lebih bawah kedudukannya daripada Laos, Kemboja dan Papua New Guinea? Jika itu keadaannya, adakah angkatan tentera telah cukup mampu untuk menentang segala bentuk serangan dan pencerobohan oleh tentera asing terhadap negara kita? Saya mohon Yang Berhormat Menteri Pertahanan dapat memberikan penjelasan.

Ketiga, Perjanjian MA63. *Malaysia Agreement 1963*. Seterusnya saya ingin menyentuh akan Perjanjian MA63 di antara Kerajaan Pusat dengan negeri Sabah dan Sarawak. Dalam Bajet 2019 yang telah dibentangkan, negeri Sabah telah diberi peruntukan sebanyak RM5.9 bilion. Malang sekali, dalam pembentangan bajet tersebut, tidak disebut tentang Perjanjian Malaysia 1963 dan agihan hasil minyak dan gas Petronas seperti mana yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan.

Sabah sepatutnya berhak terhadap 40 peratus daripada hasil negeri ini seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963. Akan tetapi kenyataan oleh Menteri Kewangan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak cukup wang untuk membayar kepada negeri Sabah adalah amat mengecewakan. Persoalannya, berapa lama lagi rakyat negeri Sabah perlu menunggu? Saya difahamkan bahawa hanya dalam tempoh sepuluh tahun lagi simpanan minyak negara akan habis. Adakah kerajaan menunggu sampai minyak sudah kering, kemudian beri alasan baru bahawa kerajaan tidak dapat memenuhi janji tersebut.

Saya menyokong dan mengalu-alukan cadangan oleh Kerajaan Negeri Sarawak bahawa mereka akan mengenakan cukai petroleum sebanyak lima peratus terhadap hasil petroleum yang dikeluarkan dari bumi Sarawak. Saya berharap Kerajaan Negeri Sabah perlu mencontohi apa yang dilakukan oleh negeri Sarawak.

Saya juga berharap kerajaan tidak akan berkompromi soal kualiti dan keselesaan pengguna apabila kerajaan melaksanakan rasionalisasi kos terhadap Projek Pan Borneo di Sabah susulan daripada langkah penjimatan perbelanjaan kerajaan. Oleh yang demikian, saya mohon penjelasan Kementerian Kerja Raya supaya membentangkan pelan rasionalisasi tersebut.

Projek Pan Borneo adalah *game changer* bagi rakyat di Sabah dan Sarawak dan ia perlu diteruskan serta dirancang demi kemudahan serta keselesaan rakyat. Berhubung dengan MA63 lagi, saya juga mohon supaya Menteri Pendidikan memasukkan butiran sejarah

berhubung kandungan Perjanjian Malaysia 1963 yang masih belum diketahui dan difahami oleh kebanyakan rakyat terutama generasi muda. Ia penting bagi membolehkan generasi akan datang mengetahui latar belakang pembentukan negara Malaysia di antara Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta dapat digulung ya.

**Datuk Jamilah bt Sulaiman:** Ya, sekejap, Tuan Yang di-Pertua. Pada pendapat saya, hasrat Menteri Pendidikan yang mahu memasukkan kes 1MDB dalam Sejarah Malaysia adalah satu usaha yang sia-sia yang pastinya bukan mendidik pelajar tetapi memalukan negara kepada pihak luar. Jika Menteri Pendidikan masih mahu melaksanakan cadangan tersebut, adalah baiknya juga dimasukkan dalam buku Sejarah perkara berkaitan penyelewengan skandal Forex Bank Negara, PERWAJA, Syarikat Penerbangan MAS, MVF, Peristiwa 13 Mei, Peristiwa Memali dan Ops Lalang. Saya mohon penjelasan daripada Menteri Pendidikan.

Sebenarnya saya ada lagi SPRM, Tuan Yang di-Pertua kalau diizinkan kerana inilah perbahasan bajet terakhir bagi saya. Terima kasih.

Keempat, kebebasan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Akhir sekali saya menyambut baik hasrat kerajaan untuk menempatkan SPRM di bawah Parlimen. Usaha ini adalah baik bagi membolehkan SPRM bergerak dengan lebih bebas dan berkecuali. Buat masa sekarang, walaupun SPRM sedang giat melakukan pelbagai siasatan yang melibatkan kerajaan terdahulu berhubung dengan dakwaan rasuah dan penyelewengan, namun pelbagai pihak mempersoalkan keadilan dan kebebasan SPRM melaksanakan tanggungjawab mereka.

Rakyat bertanya kepada SPRM bersungguh-sungguh mahu menyiasat kes 1MDB tetapi tidak dalam kes-kes yang lebih besar seperti kes Forex Bank Negara Malaysia di mana satu Suruhanjaya Siasatan Diraja telah diadakan. Kes penyelewengan Syarikat Penerbangan MAS, IPP, Petronas dan PERWAJA serta beberapa lagi yang melibatkan kerugian berbilion Ringgit wang rakyat.

Maka jika disatukan semua entiti ini, jumlah kehilangan dan kerugian amat besar jika dibandingkan dengan kerugian 1MDB. Oleh itu, saya mohon penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri mengapa kes-kes siasatan tidak dilakukan terhadap entiti-entiti ini? Saya percaya banyak laporan polis telah dibuat. Antara satu laporan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Lim Kit Siang. Saya juga mencadangkan supaya kes-kes ini disiasat dan dibawa kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara bagi membolehkan siasatan terperinci dilaksanakan dan seharusnya dibentangkan dalam Parlimen.

Sebagai kesimpulan, Bajet 2019 merupakan satu catatan rekod baru yang besar buat negara kerana telah memperuntukkan kewangan yang paling besar sebanyak RM314.5 bilion. Sesungguhnya demikian, peruntukan yang besar ini gagal menampilkan segala janji-janji Pakatan Harapan dalam manifesto yang mereka banggakan. Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh dua penggal saya sebagai Ahli Dewan Negara akan berakhir pada 21 Disember ini. Sebelum mengundur diri, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan Perdana Menteri kerana telah menyokong cadangan pelantikan saya ke Dewan yang mulia ini untuk dilantik oleh Almarhum Duli Yang Maha Mulia, Yang di-Pertuan Agong ke-14. Selain itu juga kepada pucuk pimpinan parti saya demi memberikan saya peluang dan ruang untuk sama-sama memperjuangkan dan berkhidmat kepada negara, negeri dan rakyat.

Saya juga ingin menyampaikan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada mantan Yang di-Pertua Negara, Tan Sri Abu Zahar dan Timbalan Yang di-Pertua Negara, Dato' Sri Doris Sophia Brodie mana telah memberikan saya peluang untuk bersama-sama Rombongan Lawatan Sambil Belajar Dewan Negara ke Argentina dan juga Uruguay dan telah berkesempatan membuat kunjungan hormat kepada Naib Presiden Argentina. Selain itu juga telah diberi peluang menghadiri forum-forum khususnya di Singapura.

Kesempatan ini juga saya ucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran selaku Yang di-Pertua Dewan Negara dan Datuk Seri Haji Abdul Halim selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara yang banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya selama saya menjadi Ahli di Dewan ini. Jasa baik Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua tidak akan dapat saya lupakan. Selain itu kepada Ahli-ahli Dewan Negara kerana sama-sama membimbangi saya.

Terima kasih juga kepada Setiausaha Dewan Negara, pegawai-pegawai Parlimen, bentara dan kakitangan keseluruhannya. Walaupun saya pernah berada di dalam Dewan Undangan Negeri namun menjadi Ahli Dewan Negara amat mencabar bagi saya. Pengalaman dan pelajaran yang saya timba menerusi Dewan ini akan saya terus gunakan untuk membantu dan memperjuangkan hak saya. *Wabillahitaufiq walhidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih... [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman. Jasa mu dikenang. Dua penggal di sini, jasa Yang Berhormat tetap dicatat sebagai pejuang. Itu kami ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat.

**Datuk Jamilah binti Sulaiman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih ya. Sekarang kita sudah pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman. Kita nak beralih kepada lagi dua orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Dipersilakan. Ada? Tidak adapun. Ada?

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** Sini, sini. Sini, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

#### ■1950

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

*Buah cempedak di luar panggar;  
Ambil galah tolong jolokkan;  
Saya Senator baru belajar;  
Jika salah tolong tunjukkan.*

*Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong ayat al-Quran] “Dan Tuhan berfirman lagi, sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa tentulah kami akan membuka kepada mereka pintu penguriaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan Rasul kami lalu kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang telah mereka usahakan”.*

Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2019.

Pertamanya saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan Negeri Terengganu kerana telah melantik dan memberi kepercayaan kepada saya sebagai salah seorang Senator yang mewakili sidang Dewan Undangan Negeri Terengganu bagi membawa perkara-perkara atau isu-isu yang menjadi keutamaan serta perhatian Kerajaan Negeri Terengganu,

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada soal royalti yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang tadi. Kerajaan Negeri Terengganu juga sebenarnya berharap Kerajaan Persekutuan dapat meneruskan pembinaan projek infrastruktur jalan raya, tebatan banjir, hakisan pantai dan pendalaman muara sungai di negeri Terengganu.

Penyelesaian segera amatlah diperlukan, lebih-lebih lagi sekarang sudah mula musim tengkujuh. Sudah menjadi kebiasaan pada waktu ini banjir di beberapa kawasan di pantai timur dan apabila pembangunan *infra* ini ditangguhkan, kosnya pasti bertambah dari kos sedia ada. Projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Pengairan dan Saliran yang memerlukan peruntukan kewangan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri juga berharap program-program pembangunan di bawah Pembangunan Koridor Pantai Timur, di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur dapat diteruskan dan di perkasakan.

Putrajaya diharap tidak menganaktirikan Pantai Timur daripada arus pembangunan ekonomi. Pembangunan infrastruktur yang dirancang di Koridor Pantai Timur akan menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi yang lebih pesat dan berdaya saing. Saya terus berharap agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan yang positif untuk meneruskan tiga projek infrastruktur berskala besar iaitu Lebuhraya Pantai Timur 3- LPT 3, *East-Cost Rail Link* atau ECRL, dan projek pengawalan hakisan pantai. Perkara ini amat penting kepada warga Pantai Timur khususnya dengan memastikan keuntungannya diperolehi rakyat dan pengurangan kebergantungan yang boleh mengganggu gugat keselamatan negara di masa hadapan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, Projek ECRL di Terengganu telah dimulakan dan sehingga kini sebanyak tiga terowong telah siap dibina. Serta lagi menyediakan, kerja-kerja awalan seperti pengambilan tanah, infrastruktur asas penyediaan tapak telah dijalankan. Ini memberi kesan yang besar kepada rakyat Terengganu yang telah memberi kerjasama dengan menyerahkan tanah kepada projek tersebut.

Berdasarkan kenyataan Ketua Pembinaan Infrastruktur Malaysia Rail Link Sdn Berhad, kerja penelitian tanah, pembinaan kem induk dan satelit, di samping laluan masuk ke kawasan pembinaan di tapak-tapak ECRL di Terengganu, hampir siap kesemuanya . Persoalannya, apakah nasib projek berkenaan?

Saya yakin jika projek ini diteruskan, ia mampu memberi manfaat yang besar khususnya rakyat Terengganu. Jika projek ini dibatalkan, bagaimana nasib rakyat yang telah mengorbankan harta benda mereka untuk projek tersebut?

Saya menggesa agar kerajaan segera memperincikan projek ECRL ini supaya nasib rakyat tidak lagi dipertaruhkan. Seterusnya saya ingin tahu, apakah senarai projek-projek yang telah diluluskan dan ditangguhkan di Terengganu? Minta juga jawapan bagi apakah senarai projek-projek yang akan dijalankan dalam masa terdekat iaitu tahun 2019?

Seterusnya soalan saya, apakah langkah-langkah yang dicadangkan di bawah peruntukan meningkatkan syiar Islam sebanyak RM1.2 juta? Apakah definisi bentuk program yang termasuk dalam kategori syiar Islam dan objektifnya? Apakah program berbentuk syiar yang telah dijalankan dan apakah penilaian dijalankan untuk memastikan program sepadan dengan syiar yang dikehendaki? Apakah usaha-usaha untuk meningkatkan dan memperkasakan lagi Mahkamah Syariah yang merupakan satu-satunya institusi yang menghakimi umat Islam di Malaysia di dalam urusan tertentu supaya lebih holistik, kekal relevan dalam konteks semasa.

Saya dengar di Perak sudah ada empat lapis mahkamah, tetapi bidang kuasa tetap sama. Boleh rujuk surat khabar lah. Apakah usaha-usaha yang dicadangkan oleh kerajaan untuk memastikan ke boleh pasaran dan kompetensi Graduan Pengajian Islam supaya mereka dapat menjadi pakar kesarjanaan Islam di Malaysia. Pada masa sekarang, kita juga kekurangan pakar Islam yang berintegrasi dengan disiplin ilmu selain ilmu lain sedangkan ia sangat diperlukan sangat sekarang, contohnya pakar pergigian Islam, pakar harta tanah Islam, pakar pertanian Islam dan lain-lain. Melihat kepada peri pentingnya pakar-pakar dalam bidang ini yang mengikuti perkembangan semasa, saya mencadangkan agar digalakkan penyertaan disiplin ilmu berteraskan kepakaran Islam melalui insentif dan geran untuk penyertaan pertandingan inovasi dan anugerah di peringkat antarabangsa.

Ini kerana sebelum ini insentif banyak diberikan kepada sains dan teknologi berbanding bidang sains sosial, khusus bidang Islam. Apakah pendekatan kerajaan untuk meningkatkan inovasi bidang Islam atau bidang integrasi Islam dari peringkat negara hingga antarabangsa? Sekarang kita sudah ada usaha awal yang telah dimulai oleh universiti seperti Universiti Sains Islam Malaysia.

Saya sangat suka memastikan kesejahteraan wanita, keluarga dan masyarakat di Malaysia terbela. Saya menyeru kepada semua, para suami dan lelaki untuk berperanan sebagai suami dan lelaki. Para isteri melaksanakan tanggungjawabnya dalam memastikan keluarga menjadi *sakinah, mawaddah, warrahmah*. Sudah menjadi keperluan ramai wanita bekerja hari ini, mendukung para suami bekerja. Wanita harus mengetahui peranannya, sebab sangat besar dalam negara, bukan sekadar mengayun buaian, tugasnya lebih daripada itu.

Di era maju ini, kita tidak mahu lagi melihat berlakunya diskriminasi pelbagai aspek di tempat kerja terutama dalam sektor swasta, gangguan seksual di tempat awam dan di tempat kerja sama ada melalui percakapan atau perlakuan, sifar penderaan rumah tangga dan sebagainya. Wanita termasuk anak-anak mesti disayangi dan dihormati. Sebagaimana Menteri

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sedia maklum, keluarga adalah asas dalam pembentukan negara yang maju dan berjaya. Mengikut data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, dianggarkan terdapat 6.9 juta isi rumah di Malaysia pada tahun 2016.

## ■2000

Dalam Laporan Survei Gaji dan Upah 2017 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pula dinyatakan bahawa pada tahun 2016, tujuh daripada 10 penduduk yang bekerja adalah pekerja bergaji atau dengan kata lain makan gaji. Purata gaji bagi golongan ini hanyalah sebanyak RM2,880.

Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, sama ada kedudukan sosioekonomi rendah bagi keluarga yang makan gaji ini merupakan antara faktor meningkatnya kes perceraian di dalam masyarakat. Apakah jumlah pecahan statistik perceraian bagi golongan B40, M40 dan T40? Bagaimana pula kementerian akan berperanan dalam menangani masalah berkaitan kestabilan dan keharmonian keluarga yang sosioekonominya rendah ini selain daripada menjalankan program-program yang telah biasa dilaksanakan oleh kementerian? Apakah kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengaplikasikan konsep kaunseling Islam di dalam kaedah kaunseling semasa? Kajian dan aplikasi kaunseling Islam ini hangat di Universiti Sains Islam Malaysia.

Hal ini jika diramaikan lagi pakar kaunselor Islam, *insya-Allah* diharapkan agar dapat membantu orang-orang Islam di Malaysia khususnya. Apakah perancangan pelan jangka masa panjang bagi meramaikan lagi pakar-pakar psikiatri bagi merawat penyakit mental yang semakin banyak berlaku yang mana saya difahamkan kini khidmat kepakaran psikiatri hanya terdapat di hospital-hospital besar atau utama. Di hospital daerah atau klinik kesihatan terpilih pula hanya lawatan berkala sekali atau dua bulan.

Bagaimana pula dengan *clinical psychologist*? Apakah *facility* bantuan atau program rehabilitasi mencukupi bagi pesakit psikiatri supaya mereka dapat kembali ke komuniti setempat dan berfungsi seperti masyarakat umum yang lain. Saya ingin mencadangkan penubuhan pusat komuniti keluarga, untuk lebih efisien boleh cadangkan untuk bangunkan rumah ibadat sebagai pusat komuniti keluarga. Kalau masjid ada yang sudah mula, satu keluarga boleh pergi ke masjid, bersukan, beraktiviti, mendapatkan ilmu dan dalam masa yang sama beribadat.

Selain itu, kita minta pihak-pihak berkaitan merancang kempen berskala besar supaya stigma dan malu untuk melawat pusat kaunseling mendapat khidmat ini dapat diatasi. Apakah inisiatif pihak Kerajaan Pakatan Harapan bagi memastikan fungsi-fungsi penggubalan Akta

Orang Kurang Upaya 2008 yang kini berusia sepuluh tahun mampu dirasai oleh komuniti OKU yang dianjurkan 15 peratus daripada populasi rakyat.

Mengenai *legal fee*, adakah kerajaan ada berhasrat untuk menaikkan *legal fee* bagi pesuruhjaya sumpah. Sudah sekian lama *legal fee* ini berkadar RM4. Masih tidak berubah hingga sekarang. Kesannya syarikat tidak mampu cover liabiliti jika terjadi apa-apa.

Apakah nasib petani tembakau hari ini setelah syarikat ditutup seperti *British-American Tobacco*? Akan tetapi jumlah rokok masih bertambah, terutama yang *illegal*. Apakah peranan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara dalam membantu petani-petani ini? Apakah wujud apa-apa perancangan untuk pergi ke industri lain untuk membantu petani tembakau ini?

Saya memandang serius masalah etnik Uyghur di wilayah Xinjiang yang semakin tersebar secara meluas akan laporan mengenai layanan Kerajaan Negara China ke atas umat Islam berketurunan tersebut. Mereka dilayan ibarat pesakit mental di kem tahanan khas untuk mengubah identiti mereka agar menjadi lebih Cina.

Menurut Jawatankuasa PBB, seramai satu juta warga ini telah ditahan di pusat keganasan di China pada bulan Ogos yang lalu. Manakala sebesar dua juta orang lagi dipaksa menjalani indoktrinasi kebudayaan dan politik yang disebut sebagai pendidikan semula ke atas mereka agar mentaati rejim komunis dan mengubah identiti Islam mereka.

Manakala menurut laporan Rukiye Turdush dalam portal Al Jazeera menyatakan bahawa rejim komunis China memisahkan anak-anak mereka secara paksa daripada keluarga mereka dan ditempatkan di sekolah-sekolah khas untuk memaksa mereka mempelajari peraturan komunis China, mentaati Parti Komunis China, belajar bahasa Mandarin dan menghapuskan identiti Muslim mereka.

Etnik ini semakin ditindas sehingga isu yang terbaru mengenai hukuman bunuh oleh pihak berkuasa. Di wilayah autonomi Xinjiang didakwa menjatuhi hukuman mati terhadap seorang ahli perniagaan etnik ini yang beragama Islam kerana menunaikan ibadah haji di Mekah. Malah, isteri ahli perniagaan itu sudah meninggal dunia ketika ditahan dalam penjara.

Manakala lebih 50 orang yang mempunyai kaitan dengannya turut ditahan sebelum ini. Lebih teruk apabila Kerajaan China yang menentukan imam, bahan ceramah dalam aktiviti keagamaan, tempat untuk diadakan segala aktiviti keagamaan dan versi Al-Quran yang digunakan. Walau bagaimanapun, sehingga kini komuniti antarabangsa termasuk negara Islam masih lagi mengabaikan tangisan etnik ini.

Justeru itu, saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, apakah inisiatif kerajaan bagi membantu golongan ini daripada terus tertindas. Apakah wujud kerjasama kerajaan

dengan negara-negara berpengaruh termasuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk menangani masalah ini bersama-sama kerana mereka juga sepatutnya mendapat keadilan yang seadilnya.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya saya menyokong dengan ucapan bahagian pertama pembahasan pertama iaitu Yang Berhormat Senator Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah dan amat mengharapkan kerajaan baharu benar-benar akan memberikan perhatian. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Waalaikumussalam.* Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat Senator Puan Nuridah binti Mohd Salleh. Terima kasih banyak ya.

Akhirnya saya jemput Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Dipersilakan.

#### **8.08 mln.**

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillahi Robbil alamin, wassalatuwassalamuaala Saiyidina Muhamadin asrafi mursalin. Waala alihi wasahbihajma'in.* Selamat malam, sudah pukul 8 ya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mencapai pembinaan rumah mampu milik satu juta dalam tempoh dua *term* pemerintahan Pakatan Harapan ini, saya bercadang supaya sistem kawalan pembangunan oleh majlis-majlis pihak berkuasa tempatan yang melalui kelulusan kebenaran merancang dan pelan bangunan perlu disemak semula. Ini kerana sistem kelulusan bangunan pembangunan bagi projek-projek perumahan, komersial, dan kemudahan awam perlu melalui kelulusan kebenaran merancang pembangunan bagi tanah-tanah yang perlu ditukar syarat guna tanah. Sebagai contoh, daripada pertanian kepada perumahan, kelulusan kebenaran merancang, susun atur perlu diperoleh terlebih dahulu.

#### **■2010**

Di setiap proses ini, pemohon perlu mengemukakan permohonan yang akan diproses oleh pihak berkuasa tempatan dan akan dibantu oleh agensi-agensi kerajaan yang lain seperti JKR, JPS, bomba dan lain-lain. Dari rekod dan pengalaman yang lepas, tempoh kelulusan yang diambil sering mengambil masa yang terlalu lama. Kebenaran merancang, susun atur mengambil masa antara satu tahun hingga dua tahun.

Kebenaran membangun pembangunan pula mengambil masa juga dari satu tahun hingga dua tahun. Pelan pembangunan mengambil masa untuk lulus antara empat bulan

hingga 12 bulan. Walau bagaimanapun, pihak berkuasa tempatan mempunyai piagam pelanggan. Ia sering tidak dapat diikuti, terlalu banyak dokumen dan prasyarat yang perlu dikemukakan oleh pihak pemohon.

Sering kali apabila pemohon melewati bulan Disember, makna ia akan masuk ke bulan Januari, pemohon pula perlu mengemukakan resit-resit cukai yang baru. Apabila pemohon hendak mengemukakan permohonan pelan bangunan setelah kebenaran merancang diluluskan, dokumen-dokumen baru pula perlu dikemukakan.

Tempoh yang panjang untuk setiap peringkat permohonan sering membuatkan cadangan konsep pembangunan menjadi tidak relevan disebabkan permintaan pasaran yang telah berubah. Lalu pelan mungkin perlu dipinda semula.

Oleh itu, saya sarankan agar tempoh kelulusan dipercepatkan dengan dokumen-dokumen permohonan dikurangkan di peringkat kebenaran merancang, *detail* pembangunan perlu dipermudahkan. Ia boleh diteliti semasa pembangunan berjalan. Birokrasi pentadbiran perlu dipermudahkan ini kerana sering kerani dan juga bahagian pentadbiran yang menguruskan *detail* pembangunan ini akan menerima permohonan menyebabkan banyak permohonan menjadi lambat kerana dokumen-dokumen yang diperlukan berbeza ditafsirkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan tanah lempap. Tanah lempap ataupun *wetlands* di Johor ini ada terdapat- sekarang ini yang diwartakan di bawah RAMSAR adalah ada tiga kawasan iaitu satu di Tanjung Piai, satu di Sungai Pulai dan yang satu lagi ialah Pulau Kukup.

Ketiga-tiga kawasan ini terletak di daerah Pontian. Sebelum ini, Perbadanan Taman Negara Johor mentadbir tempat berkenaan iaitu ketiga-tiga kawasan berkenaan. Ketiga-tiga kawasan berkenaan ini yang telah saya sebut tadi ialah kawasan di bawah RAMSAR. Walaupun telah- ketika ini pihak istana mengatakan yang status Pulau Kukup akan kekal sebagai taman negara tetapi saya khuatir bagaimana untuk kita- untuk pihak perbadanan taman negara masuk ke dalam sedangkan hak milik itu hak milik Sultan.

Jadi, macam mana kita hendak masuk kalau tanah itu tanah milik Sultan? Sedangkan di situ sekarang ini sudah ada jeti untuk- jeti, *boardwalk* dan juga saya ingat ada jambatan gantung dahulu. Dahulu saya *design* jambatan gantung itu, saya tidak tahu kalau sekarang sudah roboh atau tidak. Ia sudah robohkan saya pun tidak pasti sebab sudah lama saya tidak pergi, tidak masuk dalam. Jadi, kalau kita hendak buat kerja-kerja pembaikan sebab *boardwalk* itu kita gunakan untuk- sebab kawasan itu adalah kawasan paya bakau. Jadi, kita gunakan ia untuk meniti- untuk lalu di kawasan paya bakau di Pulau Kukup itu.

Jadi, saya sangat bersetuju kalau Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin dapat berbincang dengan Sultan Johor supaya Sultan Johor dapat melepaskan semula hak milik beliau dan diserahkan kepada Perbadanan Taman Negara Johor untuk buat *maintenance* di pulau berkenaan. Pulau berkenaan tidak ada apa-apa, kita tidak boleh lalu, tidak boleh memijak pulau itu sebab memang selut terlalu tinggi.

Oleh sebab memang dipenuhi dengan pokok-pokok bakau. Pulau Kukup ini adalah cantik untuk dilawati untuk pencinta alam kerana ia banyak tempat untuk- kadang-kadang burung dari Utara akan singgah ke pulau itu sebelum ia migrasi ke arah Selatan. Jadi, saya rasa kita perlu mengekalkan pulau itu sebagai taman negara.

Tuan Yang di-Pertua, di Skudai ada terletak sebuah tapak yang dikhaskan untuk kem tentera, walaupun tidaklah sebesar mana, saya ingat dalam 600 hektar. Akan tetapi sehingga sekarang ini tanah berkenaan tidak dimajukan sebagai sebuah kem tentera. Setakat ini, ia menjadi satu kawasan hendak katakan hutan, tidak juga tetapi semak samun.

Saya rasa, banyak juga binatang buas ada di situ, yang berbisa pun ada dekat situ juga. Saya ingin bertanya dengan pihak Kementerian Pertahanan. Satu, apakah status tanah berkenaan? Adakah ia masih milik Kementerian Pertahanan atau sudah digadai di bank? Itu pertama.

Kedua, bilakah Kementerian Pertahanan akan membina kem di kawasan berkenaan?

Tuan Yang di-Pertua, ketika ini- saya pun banyak juga Ahli-ahli Dewan Negara ini membincangkan mengenai masalah FELDA berkenaan dengan harga sawit yang turun merudum. Penduduk-penduduk FELDA begitu terhimpit dengan kehidupan yang mereka hadapi ketika ini. Saya juga telah menemu bual ataupun berbincang dengan beberapa rakan di FELDA, mereka memahami keadaan harga yang sekarang ini yang jatuh merudum.

Akan tetapi mereka kata, adakah pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan juga Kementerian Usahawan boleh membantu penduduk-penduduk FELDA untuk menujuhkan satu perusahaan kecil dan sederhana dan memberikan bantuan sepatutnya kepada mereka? Oleh kerana hanya ini satu jalan untuk menyelesaikan masalah mereka. Kalau hendak dapatkan harga balik seperti sebelum ini, mungkin *impossible* dalam waktu yang terdekat ini. Jadi, mereka mengharapkan satu solusi yang lain untuk menghadapi, meneruskan hidup mereka di FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya kepada pihak Kerajaan Malaysia, adakah pula Kerajaan Malaysia ini ada bercadang untuk mengambil alih pentadbiran awam di negeri Johor? Sekarang ini, Johor adalah di bawah *Johor Civil Service* atau JCS. Apa yang

saya nampak ketika ini, semua pegawai kerajaan di Johor ini mereka mahu dapatkan satu favor daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

**■2020**

Kerana mereka hendak kejar kedudukan, maka itulah yang terjadi pada Pulau Kukup, dan yang terbaru ialah, yang mana Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Mersing juga telah diserahkan dan menjadi milik Sultan Johor. Sedangkan sebelum ini ia di bawah Jabatan Pertanian. Jadi saya rasa, ada eloknya kalau JCS ini dibubarkan dan diambil alih oleh *Malaysian Civil Service*.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu sahaja ucapan saya pada hari ini. Saya sudahi dengan *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Dan dengan ini saya menyokong Bajet 2019.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih banyak Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim. Tepat pukul 2020 atau 8.20 malam.

Saya sebagai Pengurus pada malam ini, pandang depan dan belakang, ada keluarga saya Ahli Dewan masih bersama saya... *[Tepuk]*

Saya sebagai orang tua, rasa disayangi, dihormati kerana anda sekalian bersama sama di medan perjuangan ini kita. Terima kasih banyak... *[Tepuk]*

Itulah saya rasa sangat senang hati, saya rasa lebih bersemangat, lebih muda saya rasa pada malam ini.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyampaikan syabas dan tahniah, dicatatkan dalam tinta emas, perjuangan dua orang Ahli Yang Berhormat yang akan meninggalkan kita. Pertama sekali Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty, habis penggalnya dan 16 Disember... *[Tepuk]* Banyak jasa ditaburkan. Ilmu dia bagus, profesional. Saya senang hati.

Dan juga Yang Berhormat kita, Senator Datuk Jamilah binti Sulaiman, budi baiknya dikenang orang... *[Tepuk]*

*Di atas bukit tanamnya ubi;  
Burung tempua buat sarang;  
Bukan budi sebarang budi;  
Budi baik dikenang orang.... [Tepuk]*

*Burung pipit burung kedidi;  
Hinggap di pokok di tepi sawah;  
Hidup anda sekalian sudah berbudi;  
Ibarat pokok sudah berbuah... [Tepuk]*

Itulah jasanya. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat semua, saya senang hati dan tadi ada kita punya Wakil Rakyat di sini kata dia, “*Hormati pada nakhoda*”. Hormat kepada nakhoda, *respect the nakhoda*.

*Buat baik berpada-pada;  
Buat jahat hanya sia-sia;  
Hormatilah pemimpin atau nakhoda;  
Supaya hidup kita sentiasa bahagia... [Tepuk]*

Tadi ada Wakil Rakyat- Ahli Parlimen tegur saya, “*Datuk, setiap kali saya nampak Datuk mata pandang sana, jeling sana jeling sini*”. “*Ya, saya hendak tengok supaya anak buah saya buat kerja*”, saya kata. “*Niat baik sahaja, saya niat baik sahaja, saya tidak ada lain*”, saya kata ya... [Tepuk] Jadi saya kata,

*Burung perling matanya merah;  
Mari hinggap di pohon kekabu;  
Saya mengerling bukannya marah;  
Hati di dalam bagai digaru... [Tepuk]*

Jadi itu Yang Berhormat Senator. Jadi saya mengucapkan terima kasih banyak. Saya pun amat terima kasih, dan saya rasa sangat dihormati, disayangi. Itulah, sebagai orang tua ya.

Jadi, kita masih ada sini, daripada pagi, di benteng perjuangan kita. Yang Berhormat semua, saya rasa senang hati dan mudah-mudahan kita dapat teruskan semangat kita ini supaya kita terus berjuang. Jam sudah 8.21 malam.

Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 17 Disember 2018. Terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.24 malam]**